


Jilid II
Bil. 7



Hari Rabu
26hb Mac, 1980

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 857]

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI
PERSENDIRIAN:

Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1980
[Ruangan 908]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) [Ruangan 915]

Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) [Ruangan 948]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian,**
DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P.
(Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N.
(Segamat).

„ **Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH,**
S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Témerloh).

„ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,**
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN**
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI**
ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).

„ **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL**
GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ **Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,**
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ**
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ **Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).**

„ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K.,**
P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS,**
J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

„ **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.,**
(Batu Berendam).

„ **Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

„ **Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J.,**
K.M.N. (Pulau).

„ **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN,**
S.P.M.P. (Lumut).

„ **Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M.**
(Taiping).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K., (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* Yahya bin Ahmad (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

- Yang Berhormat TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I., (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMAD GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

- Yang Berhormat TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMED (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- ” TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- ” TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya bin Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-Pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 26hb Mac, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PROJEK JKR DI LUAR BANDAR

1. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat banyak dari projek-projek JKR di luar bandar dalam perlaksanaannya banyak yang tiada menepati waktu misalannya; sekolah-sekolah, jalan-raya (jalan tar), jambatan-jambatan dan lain-lain. Ini adalah menjejaskan matlamat pembangunan negara dan menambah perbelanjaan kerana semakin lewat projek itu disiapkan semakin bertambah pula kosnya. Jika ya, nyatakan apakah tindakan yang telah diambil ke atas perkara ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa terdapat projek-projek di kawasan-kawasan luar bandar yang tidak dapat disiapkan mengikut jadual. Berbagai-bagai faktor telah menyebabkan keadaan ini dan usaha-usaha sentiasa diambil untuk mengatasinya. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pelaksanaan projek-projek pembangunan tergendala. Keupayaan terhadap oleh JKR merupakan satu daripada beberapa masalah yang tersebut.

Masalah pokok yang berpunca dari JKR ialah kekurangan kakitangan khususnya kakitangan mahir. Sungguhpun sejak kebelakangan ini banyak jawatan-jawatan tambahan

telah diluluskan namun adalah menjadi kesukaran pula mengisi sebilangan besar jawatan-jawatan itu kerana kekurangan calon-calon yang mahir.

Sebagai mengatasi masalah ini Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan pihak perunding swasta membantunya. Beberapa perkara perlu di atasi dahulu kerana terdapat juga kelemahan-kelemahan di pihak perunding swasta.

Selain daripada masalah di atas terdapat beberapa lagi faktor-faktor lain yang tidak ada kaitan dengan JKR secara langsung. Misalnya, kepastian menyiapkan projek bergantung besar kepada keupayaan kontraktor. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini kegagalan kontraktor-kontraktor menyiapkan projek-projek di dalam tempoh yang ditentukan menjadi satu masalah besar. Pendorong-pendorong juga ada masalah mereka sendiri seperti kekurangan kewangan, bahan dan lain-lain. Kementerian ini ada memberi pertolongan kepada mereka ini di mana yang boleh.

Perlaksanaan projek-projek Kementerian lain yang disalurkan melalui JKR seperti pembinaan sekolah-sekolah oleh Kementerian Pelajaran dan sebagainya kadang-kadang berlaku kelambatan kerana masalah-masalah Kementerian itu sendiri seperti masalah menentukan tapak dan pengambilan balik tanah. Pihak JKR hanya akan memulakan pelaksanaan projek-projek tersebut setelah projek brief dikeluarkan bilamana masalah-masalah tersebut dapat diselesaikan.

Di samping itu setengah tanah yang terlibat dengan projek-projek pembangunan juga diduduki oleh setinggan-setinggan. Proses pemindahan setinggan-setinggan ini juga memakan masa sehingga melambatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dipertanggungjawabkan kepada JKR. Namun begitu, masalah pengambilan tanah ini bertambah baik dari masa ke semasa dengan

adanya perhatian berat diberi oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, serta kerjasama daripada lain-lain agensi Kerajaan.

Kos hanya akan bertambah jika kelewatan itu berlaku sebelum kontrak diberi tetapi jika kelewatan tersebut berlaku selepas kontrak diberi kepada pemborong kelewatan tersebut tidak akan mendatangkan pertambahan kos padanya.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa kadangkala projek-projek ini lambat terutamanya projek jalan adalah kerana kekurangan bekalan batu. Misalnya, di kawasan Parlimen Gerik batu-batu yang digunakan untuk membina jalan di kawasan Gerik dibawa daripada kuari Kuala Dipang, Ipoh dan batu-batu yang digunakan untuk membina projek-projek jalan di kawasan Kroh dibawa daripada Butterworth dan ini bermakna bahawa harga pengangkutan kadangkala lebih mahal daripada harga batu. Jadi apakah tindakan Kementerian beliau akan menjalankan pada masa akan datang untuk mengadakan bekalan-bekalan batu ini lebih dekat kepada projek-projek yang sedang dijalankan.

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang saya sedar atas kedudukan ini tetapi oleh kerana terlampau banyak sangat projek-projek diadakan persiapan-persiapan tidak dapat diadakan terlebih dahulu.

Kementerian saya memang membuat satu kajian secara menyeluruh untuk mengkaji tempat-tempat yang boleh diadakan kuari-kuari untuk memberi kepuasan kehendak projek-projek yang diadakan dalam kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Banyak jalan-jalan dan bangunan-bangunan sekolah di bawah kerja-kerja JKR di negeri-negeri tidak dapat dilaksanakan kerana lambat wang peruntukan tiba daripada Pusat dan kadangkala peruntukan ini tiba sudah akhir tahun. Bila akhir tahun negara kita ini terlibat dengan banjir tidak dapat melaksanakan, jadi

adakah perkara ini benar dan kalau sekiranya benar bagaimana hendak mengatasi masalah ini.

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa kelambatan pembangunan ini oleh sebab kekurangan kewangan atau lambat datangnya peruntukan. Tetapi sukalah saya menyatakan kepada Dewan yang mulia ini oleh kerana terlampau banyak sangat projek-projek seperti pembangunan sekolah-sekolah yang lebih daripada 2,000 buah sekolah didirikan dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga ini maka faktor-faktor lain adalah lebih memberi kelambatan kepada binaan projek-projek ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya alami, amati dan buktikan kelambatan projek-projek JKR ini dijalankan dan dilaksanakan ialah disebabkan di tempat-tempat itu dikehaskan pekerja-pekerja yang bergaji hari—mula pukul 8.00 pagi, balik pukul 4.00 petang. Jadi semasa mereka bekerja itu (office hours) mereka tidak bekerja begitu keras, tetapi selepas office hours baru bekerja untuk mengambil over time. Jadi masalah ini menimbulkan kelambatan dalam pekerjaan yang dijalankan oleh JKR. Apakah langkah-langkah oleh pihak Kementerian untuk menghadapi masalah ini.

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat salah mengemam pekerja-pekerja ini kerana sedikit sangat pekerja-pekerja JKR yang menjalankan binaan sekolah-sekolah dan bangunan-bangunan lain, boleh dikatakan keseluruhan binaan-binaan ini diserahkan kepada pemborong-pemborong.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar projek-projek dilambatkan, bukan sahaja kewangan dan lain-lain tetapi ada sebab yang besar iaitu koordinasi kepada agensi-agensi seperti LLN, Telekom, Pejabat Tanah dan JKR. Di kawasan saya ada satu

Tuan Yang di-Pertua: Tak usah panjang, tak usah cerita. Apa soalan tambahannya?

Tuan Lee Kaw: Soalannya adakah Timbalan Menteri berkenaan bercadang menuhkan satu jawatankuasa mengco-ordinate semua ini melaksanakan projek-projek.

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, macam saya terangkan tadi kelewatan adalah daripada berbagai-bagai faktor. Saya tidak nampak satu faktor yang besarnya ialah ketiadaan kordinasi di antara agensi-agensi Kerajaan kerana dalam binaan bangunan-bangunan ini tidaklah menyebabkan ataupun melibatkan agensi-agensi yang lain melainkan barangkali kalau pun ada ialah sekolah dan ini di saat-saat yang terakhir barulah dikehendaki LLN untuk memberi kerjasama.

Tuan Hashim bin Ghazali: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut masalah-masalah yang dihadapi dan kerana ada masalah-masalah itu maka rancangan yang dibuat oleh Kementerian ini lewat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau sedar satu daripada kelewatannya ialah disebabkan seseorang pemborong atau sesuatu syarikat pemborong mendapat lebih daripada satu, misalnya sekolah di tempat saya sebagai contoh ada dua buah sekolah yang didapati oleh seorang pemborong. Bila pelaksanaan dibuat ia hanya membuat sebuah sekolah sahaja sehingga sekolah itu siap barulah dibuat sekolah yang kedua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang supaya peruntukan seperti ini kepada pemborong dapat dihadkan.

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar atas kedudukan ini bahkan tiap-tiap satu kontraktor itu bukan sahaja mendapat satu ataupun dua, ada juga kontraktor yang mendapat berbelas-belasan projek semasa. Ini berlaku oleh kerana terlampau banyak sangat projek-projek didirikan oleh pihak Kerajaan dan sudah menjadi keadaan kekurangan kontraktor dalam negara kita pada hari ini.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, projek-projek JKR ini adalah menggambar kesediaan Kerajaan untuk memenuhi keperluan rakyat. Bolehkah Timbalan Menteri itu mencari jalan untuk mengelakkan bahawa kelambatan-kelambatan yang dihadapi dalam projek-projek JKR ini tidak mencerminkan betapa lambat dan tidak cekapnya Kerajaan kita menjalankan projek-projeknya.

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, di dalam beberapa jawapan yang lepas sama juga dalam ucapan Budget yang lepas Kementerian saya telah menggambarkan bahawa tidaklah begitu buruk kedudukan kelambatan dan sebagainya, dan apa yang diperbesar-besarkan pada hari ini ialah projek-projek yang terlewat. Tetapi tidak ada siapa pun yang memberi kepujian kepada JKR yang telah menyempurnakan sebahagian besar daripada peruntukan yang diberi kepada Kementerian ini.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ia menyebabkan projek ini lambat ialah pemborong-pemborong lari dan tindakan tidak diambil mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Itu tidak benar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagi yang hendak bercakap, Ahli Yang Berhormat dari Kangar hendak bertanya?

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu projek yang tergendala disebabkan ada di antara pemborongnya tidak dapat dilaksanakan. Bila begitu dipanggil tender semula. Tidakkah Kementerian yang berkenaan bercadang supaya memanggil tender semula itu tidak akan diadakan bahkan diambil mengikut giliran tender yang pertama yang asal, untuk mencepatkan kerja.

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ini soal duit. Kalaulah pemborong yang pertama tidak dapat menyiapkan keseluruhannya maka terpaksa pihak JKR menentukan berapa banyak ataupun percentage yang telah selama dijalankan kerjanya dan ini mengambil masa untuk membuat penentuan berapa peratus sudah siap supaya baki itu dapat diperhargakan supaya diberi kepada pihak yang lain pula. Jadi soal memberhenti atau memanggil tender yang kedua itu tidaklah begitu lama mengambil masa.

Masa yang panjang ialah menentukan berapa peratus (percentage) baki untuk diserahkan kepada kontraktor yang kedua supaya

tidaklah ini menjadi satu perkara yang dibawa kepada mahkamah oleh pihak pemborong yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson, ini yang akhir.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian ini atas kejayaan kerja yang telah dicapai (*Tepuk*). Dan selain daripada itu saya ingin hendak bertanya juga adakah benar atau tidak bahawa beban yang dipikul oleh Kementerian ini adalah lebih berat daripada yang boleh dipikul. Dan oleh sebab kakitangan yang tidak mencukupi dan sebagainya adakah Kementerian ini bercadang supaya kerja-kerja tertentu diserahkan balik kepada Kementerian tertentu untuk melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini puji dengan tangan kanan, tarik balik dengan tangan kiri (*Ketawa*).

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Sebenarnya kita mestilah lihat pada keadaan seluruh negara sama ada JKR dapat kakitangan untuk mengisi penuh segala kehendak untuk melaksanakan kerja-kerja Kerajaan di seluruh Malaysia ini ataupun cuma JKR sahaja yang tidak dapat kakitangan ini, tetapi Kementerian-kementerian lain dapat mencari pakar-pakar yang tertentu. Jadi untuk menjawabnya keadaan ini adalah keadaan kekurangan di seluruh Malaysia tidaklah kepada Kementerian ataupun JKR sahaja.

KAYU BALAK YANG DIEKSPORT

2. Tuan Alias bin Mohd. Ali bertanya Menteri Perusahaan Utama adakah beliau sedar bahawa walaupun beberapa jenis kayu telah diharamkan dari diekспорт, harga kayu untuk kegunaan tempatan terus juga meningkat tinggi. Kiranya sedar adakah Kementerian ini bercadang hendak mengadakan langkah-langkah lanjut untuk memastikan harga kayu untuk kegunaan tempatan berada pada paras yang menasabah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua,

saya sedar bahawa walaupun beberapa jenis kayu balak telah diharamkan untuk diekспорт, harga kayu untuk kegunaan tempatan terus juga meningkat tinggi. Kenaikan harga kayu-kayan ini telah berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Kenaikan dalam kos pengeluaran kayu-kayu yang disebabkan oleh meningkatnya harga kayu balak, harga minyak, alat-alat ganti dan bayaran gaji pekerja-pekerja adalah satu faktor yang menyebabkan harga kayu terus meningkat.

Seterusnya, pada masa ini perusahaan kilang yang berasaskan kepada kayu-kayan di negara ini adalah mengalami kekurangan bekalan kayu balak untuk diproses. Keadaan ini masih berlaku sungguhpun eksport kayu balak telah banyak dikurangkan semenjak beberapa tahun yang lalu dengan adanya pengharaman eksport.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya dapat isyarat daripada pihak Penterjemah, terlalu cepat. Jangan cepat sangat!

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Seterusnya, pada masa ini perusahaan kilang yang berasaskan kepada kayu-kayan di negara ini adalah mengalami kekurangan bekalan kayu balak untuk diproses. Keadaan ini masih berlaku sungguhpun eksport kayu balak telah banyak dikurangkan semenjak beberapa tahun yang lalu dengan adanya pengharaman eksport bagi beberapa jenis kayu balak yang popular. Misalnya, dalam tahun 1979, hanya 2% sahaja dari jumlah pengeluaran kayu balak di Semenanjung Malaysia dibenarkan untuk diekспорт. Walaupun tindakan seperti ini telah diambil, masalah mengenai bekalan kayu-kayan terus dirasai di negara kita. Keadaan ini wujud disebabkan oleh permintaan tempatan yang telah bertambah pada keseluruhannya terutama sekali dalam lapangan perusahaan pembinaan dan perumahan, perusahaan perabot dan lain-lain perusahaan secondary dan tertiary, yang menggunakan kayu gergaji sebagai bahan mentah untuk membuat barang-barang siap seperti moulding dan sebagainya. Dalam 2-3 tahun yang lepas, aktiviti-aktiviti dalam lapangan pembinaan telah berkembang dengan begitu pesat sekali di mana value-added dalam sektor ini pada tahun 1978 telah bertambah sebanyak 12% berbanding dengan tahun sebelumnya. Peningkatan aktiviti-aktiviti ini adalah nyata sekali dalam sektor perumahan swasta dan

bangunan-bangunan perdagangan. Perusahaan moulding juga telah bertambah dengan pesatnya dalam beberapa tahun ke belakang ini. Dalam tahun 1978, negara kita mempunyai 68 buah kilang moulding yang menghasilkan pendapatan eksport sebanyak \$94.5 juta berbanding dengan tahun 1973 yang mana jumlah kilang hanya 15 buah dan pendapatan eksportnya adalah kira-kira \$23 juta sahaja.

Dalam keadaan di mana permintaan adalah melebihi bekalan maka kenaikan harga adalah merupakan satu perkara yang tidak dapat dielakkan. Kementerian saya adalah sentiasa memberi perhatian berat terhadap perkara ini dan mengambil tindakan-tindakan yang wajar bagi menentukan bekalan kayu-kayan yang cukup untuk kegunaan tempatan. Langkah-langkah yang diambil adalah:

- (a) Eksport bagi kayu gergaji daripada jenis Balau Merah dan Cengal telahpun dihadkan kepada gred "select and better" sahaja.
- (b) Dengan pengecualian cukai import dan cukai tokok yang dikenakan ke atas balak-balak yang diimport ke Semenanjung Malaysia adalah diharapkan kilang-kilang papan kita akan dapat bekalan bahan mentah tambahan yang diperlukan dan dengan demikian menambah pengeluaran kayu gergaji untuk kegunaan tempatan.
- (c) Kementerian saya juga kini sedang menimbang untuk memperakukan supaya dikecualikan cukai import dan cukai tokok yang dikenakan ke atas kayu gergaji yang diimport ke Semenanjung.
- (d) Kementerian saya melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia juga telah menjeniskan beberapa buah negara sebagai "Specified Countries" yang bertujuan untuk membanyakkan lagi kayu gergaji yang tidak diperingkat berada dalam negara untuk kegunaan tempatan.

Akhir sekali, dari segi jangka panjang cadangan program menanam semula hutan di negara kita secara lebih extensive dan intensive tentu sekali akan dapat menstabilkan bukan sahaja bekalan tetapi juga harga kayu-kayan di negara ini.

Kementerian saya percaya dengan langkah-langkah yang telah diambil itu masalah kenaikan harga kayu-kayan dapat dikawal dan harga berada di paras yang menasabah.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ada menyebut bahawa salah satu daripada sebab maka harga kayu tempatan telah meningkat ialah kerana permintaan (demand) di dalam negeri telah bertambah begitu banyak. Soalan saya ialah adakah benar bahawa di samping meningkatnya permintaan dalam negeri ini pihak pengusaha-pengusaha balak pula telah mengurangkan pengeluaran kayu-kayu yang boleh digunakan untuk tempatan oleh kerana harga bagi kayu-kayu untuk dieksport itu lebih tinggi dan lebih menarik dan dengan yang demikian mereka lebih mengutamakan pengeluaran kayu-kayu daripada jenis yang boleh dieksport.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang bersetuju atas pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat itu kerana ketika mengharamkan ataupun menyekat pengeksportan setengah-setengah jenis kayu balak kita mengambil pertimbangan bahawa yang kita haramkan pengeksportan itu adalah jenis-jenis popular yang sememangnya digunakan sepenuhnya oleh sektor di dalam negeri kita untuk tujuan-tujuan pembangunan.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa yakin yang langkah-langkah diambil oleh Kementerian itu akan merendahkan harga kayu. Tidakkah Kementerian bercadang hendak mengambil langkah yang paling positif iaitu menetapkan harga kayu mengikut jenis-jenisnya kerana kita dengar Kerajaan mengutamakan rumah kos rendah yang menggunakan kayu, Kerajaan hendak menolong orang kampung membina rumah dan sebagainya tetapi kalau harga kayu ini kita harap akan turun rendah kerana langkah-langkah kita yang kurang dinamis rasa saya, maka selama bila agaknya rumah itu betul-betul boleh dibina? Tidakkah ada cadangan daripada Kementerian ini menolong Kementerian Perumahan untuk mengontrol?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu masalah kita ialah bukannya hendak mengurangkan harga. Masalah kita ialah bagaimana hendak menstabilkan harga pada kadar yang menasabah bagi kayu-kayu yang ada di dalam negeri untuk kegunaan rakyat. Jadi masalah ini dapat kita atasi yang kita percaya pada setakat ini ialah dengan melihat masalah pembekalan dalam negara ini. Ertinya kalau kita dapat mengambil langkah-langkah bagi memperbanyakkan lagi bekalan kayu-kayuan ini untuk kegunaan rakyat dengan sendiri sahaja maka kita percaya bahawa kadar harga tadi akan stabil pada satu peringkat yang menasabah di mana setiap rakyat yang mempunyai kuasa membeli yang juga telah meningkat akan dapat membeli bahan-bahan tersebut untuk kegunaan mereka.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa permintaan terhadap barang-barang penge-luaran daripada kayu balak ini dalam negeri adalah semakin meningkat dari semasa ke semasa, saya ingin bertanya adakah Kementerian beliau bercadang mengharamkan lang-sung eksport kayu ke luar negeri atas dasar untuk mengutamakan keperluan tempatan, memberi peluang kepada orang tempatan dahulu menggunakan kayu dan jika ada kelebihan baru dieksport.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, kayu balak memang diharamkan sama sekali kecuali 1½% sahaja daripada jumlah pengeluarannya dieksportkan. Yang banyak dieksportkan sekarang ini ialah kayu gergaji. Kayu gergaji juga kita memilih dari jenis-jenis yang tertentu dan kita mengharamkan sama sekali jenis-jenis tertentu itu kerana keperluannya untuk kegunaan rakyat pada keseluruhannya. Walau bagaimanapun pandangan Yang Berhormat itu tadi memang diambil perhatian. Sekiranya terdapat desakan dan permintaan yang terlalu tinggi untuk kegunaan rakyat dan negara, Kementerian ini tidak ada halangan untuk menimbangkan kemungkinan mengambil tindakan menyekat eksport bagi lain-lain jenis.

Tuan Chan Teck Chan: Berbagai tindakan yang diambil untuk menyekat eksport kayu-kayuan ini masih tidak boleh mengatasi masalah yang dihadapi oleh negara kita. Adakah Kementerian yang berkenaan menimbang dengan cara seriusnya untuk mengimport kayu balak daripada negara-negara jiran kita yang sangat popular yang digunakan oleh negara-negara kita dengan memberikan satu insentif supaya pengimport Malaysia boleh mengimport kayu-kayuan di mana kalau didapati kekurangan di negara kita.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Barangkali Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak mendengar satu daripada langkah yang saya sebutkan tadi. Saya menyatakan bahawa sebenarnya pengecualian cukai import dan cukai tokok yang telah dibuat, kita menghapuskan cukai-cukai ini, semata-mata untuk menggalakkan supaya bekalan dalam negeri ini dapat bertambah dengan cara mengimport daripada negara-negara jiran kita.

Tuan Chan Teck Chan: Tetapi hanya pengecualian dikenakan ke atas kayu-kayuan bergergaji sahaja tetapi bukannya balak. Apa yang saya maksudkan mengimport balak.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Saya kurang dengar soalnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ulang sekali lagi. Soal tambahan jangan panjang.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahannya ialah adakah Kerajaan akan memberi satu galakan untuk mengimport balak yang boleh digunakan sebagai bahan untuk dibuat kayu-kayuan gergaji yang sangat popular digunakan di negara kita sebagai langkah yang berkesan untuk mengatasi masalah di negara kita.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Saya sudah katakan tadi pengecualian cukai import itu ialah untuk menggalakkan pengimportan kayu gergaji dan juga kayu balak daripada negeri-negeri jiran ke dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Itu dia minta penjelasan Yang Berhormat tadi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi mengatakan kenaikan harga tempatan ini disebabkan oleh kekurangan bekalan kayu-kayu balak. Adakah kekurangan bekalan kayu balak itu adalah disebabkan oleh kayu-kayu balak ini tidak dapat dikeluarkan daripada kawasan-kawasan pendalaman sehingga bertimbun di kawasan pendalaman disebabkan kekurangan wagon ataupun gerabak-gerabak untuk membawa keluar. Jika sekiranya benar adakah kerjasama Kementerian ini dengan Kementerian Pengangkutan supaya dapat dibekalkan wagon yang boleh mengeluarkan kayu dengan cepat supaya harga menurun untuk mengeluarkan kayu-kayu daripada kawasan pendalaman ke kawasan luar.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan bidang Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian ini. Ini berkenaan pengangkutan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini berkaitan dengan kekurangan bekalan, jadi apakah kerjasama Kementerian ini dengan Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! minta kerjasama.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, memang ada kes berlaku di mana terdapat masalah di segi pengangkutan untuk membawa balak-balak ini ke luar daripada kawasan-kawasan pendalaman. Bagaimanapun memang ada satu jawatankuasa khas telah dibentuk yang terdiri daripada Kementerian saya dan Kementerian Pengangkutan bagi menyelaraskan soal pengangkutan ini dan kita jangka dalam masa yang tidak berapa lama lagi masalah-masalah ini akan dapat diatasi secara beransur-ansur.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar keadaan yang sangat memalukan kita sebagai sebuah negara yang mengeluarkan kayu tetapi kita kekurangan kayu, bagaimana kata pepatah, buruk di hutan disusukan, anak kelaparan. Adakah Kementerian ini berca-

dang supaya kayu gergaji pun diharamkan langsung daripada eksport untuk kegunaan tempatan.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, kekurangan yang saya maksudkan ialah kekurangan yang relatif, ertinya kekurangan kerana harga yang berlaku atau yang ada di dalam pasaran di negara kita. Kekurangan ini disebabkan oleh kerana harga yang meningkat dan saya rasa masalah kita ialah masalah bagaimana harga yang ada dalam negara kita seperti yang saya sebutkan tadi dapat dimenasabahkan kepada satu peringkat di mana kebanyakan daripada orang atau sektor yang memerlukannya dapat membeli kayu-kayu yang ada dalam negara kita pada harga yang berpatutan. Jadi kekurangan dari segi fizikal itu saya rasa tidak berapa menjadi masalah kepada negara kita buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi Yang Berhormat dari Teluk Anson yang akhirnya.

Tuan Au How Cheong: Terima kasih, Kementerian Perusahaan Utama ini mempunyai perangkaan-perangkaan tertentu yang menunjukkan peratusan kayu yang dieksport dan yang digunakan dalam negara kita. Jadi benarlah Kementerian menjalankan kajian supaya menentukan keperluan yang benar atau bahagian yang diperlukan bagi negara kita ini supaya kita dapat menentukan keluaran bagi pasaran dalam negeri ini dan tidak payah hendak haramkan kesemuanya seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau itu.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya ingin menyatakan bahawa kajian tertentu untuk menunjukkan keperluan negara terhadap kayu balak belum lagi diadakan. Apa yang ada ialah data-data statistik dalam Kementerian saya dan badan-badan berkanun di bawahnya yang menunjukkan apakah kegunaan (consumption) yang telah digunakan oleh negara kita dan apa yang dikeluarkan oleh sektor perhutanan pada masa sekarang. Bagaimanapun saya rasa pandangan Ahli Yang Berhormat itu adalah baik dan saya rasa Kementerian saya akan membuat kajian teliti mengenai sebenarnya keperluan negara terhadap balak.

TENTERA SOVIET DI LAUTAN PASIFIK

3. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia telah membuat perwakilan kepada Soviet Union yang melahirkan pandang beratnya terhadap bertambahnya ketenteraan Soviet di Laut Pasifik dan India kerana pertambahan ketenteraan tersebut menimbulkan ketegangan dan kemungkinan berlakunya konflik di antara kuasa-kuasa besar di Asia Tenggara, dan nyatakan langkah-langkah Kerajaan telah ambil untuk memberitahu bukan sahaja Soviet Union bahkan seluruh komuniti antarabangsa atas pandangannya itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah dengan tegas melahirkan perasaannya kepada Soviet Union melalui Kedutaan Soviet di Kuala Lumpur terhadap peningkatan tenteranya di Lautan Pasifik dan Lautan Hindi kerana tindakan Soviet yang sedemikian akan melahirkan ketegangan dan memperhebatkan persaingan di antara kuasa-kuasa besar yang boleh membawa kepada konflik di antara kuasa-kuasa besar tersebut di rantau kita ini.

Adalah dengan tujuan menghapuskan persaingan di antara kuasa-kuasa besar di rantau ini, maka Malaysia telah menyatakan sokongan yang kuat di Bangsa-bangsa Bersatu untuk mewujudkan Lautan Hindi sebagai suatu kawasan aman. Berasaskan dengan tujuan ini juga Malaysia bersama-sama dengan negara-negara anggota ASEAN yang lain pada tahun 1971 telah menandatangani Deklarasi Kuala Lumpur yang menyeru terhadap penubuhan kawasan Aman Bebas dan Berkecuali di Asia Tenggara.

Tuan Lim Kit Siang: Dengan bertambahnya ketegangan dan konflik kuasa-kuasa besar dan dengan usaha-usaha yang dalam pengetahuan umum bahawa pihak Soviet Union adalah cuba untuk mensubvertkan pemimpin-pemimpin, diplomat-diplomat baikpun dalam negeri atau di luar negeri untuk tujuan mereka yang ada baru-baru ini dibaca oleh kita semua ada berlaku di Singapura, bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini apakah usaha-usaha dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan kita bahawa

mencegah perkara ini berlaku khususnya terhadap diplomatik-diplomatik kita di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Ini di luar sedikit daripada soal asal, tetapi kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen suka hendak jawab, silakan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya yakinlah soal itu di luar sedikit daripada tajuk.

Dr Hee Tien Lai: Saya ingin bertanya daripada Tuan Berhormat Setiausaha Parlimen adakah beliau sedar bahawa dalam satu kenyataan suratkhbar di mana mensifatkan Selat Melaka sebagai salah satu strategic position untuk Soviet Union dalam konteks yang kita sedang bincangkan. Jika ia, setakat hari ini adakah evidence atau tanda menunjukkan kegiatan ketenteraan Soviet di Selat Melaka. Kalau ada bagaimana.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang kita tahu perkara ini tidak ada. Tetapi walau bagaimana sekalipun sukalah saya menyatakan di sini bahawasanya berhubung dengan Selat Melaka, dalam soal kapal perdagangan, kapal perang asalkan mereka berselaras dengan prinsip Innocent Passage, selagi mereka tidak mengancam keamanan, kesetabilan, keselamatan Malaysia maka pihak kita tidak ada mempunyai halangan dan negara-negara anggota ASEAN bersefahaman dengan kita untuk mengelakkan Selat Melaka ini daripada menjadi tumpuan rebutan kuasa-kuasa besar.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Saya suka bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen selain daripada melahirkan perasaan Malaysia kepada Soviet Union melalui Kedutaan Soviet di Kuala Lumpur mengenai masalah ketenteraan Soviet di Lautan Pasifik dan India, saya suka mendapat tahu apakah langkah-langkah yang lain yang telah diambil oleh Malaysia untuk mengutuk tindakan Soviet. Dan juga saya suka mendapat tahu sama ada Kerajaan Malaysia bercadang untuk mengambil inisiatif untuk memanggil satu sidang khas negara-negara ASEAN untuk membincangkan masalah itu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana telah diperkatakan tadi kita mengetahui persaingan kuasa-kuasa besar di Lautan India yang akan melahirkan ketegangan dan ketidakstabilan di rantau ini. Dan Bangsa-bangsa Bersatu sebenar sekali telah meluluskan satu resolusi yang mana Lautan India dijadikan kawasan aman. Dan dalam masalah ini Malaysia adalah menjadi ahli bagi Ad Hoc Committee. Jadi itu salah satu daripada tindak-tanduk selain daripada apa yang disebutkan tadi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen adakah kehadiran tentera Soviet di Lautan India dan Pasifik ini ada di dalam pengetahuan Kerajaan kita. Sekiranya ada di dalam pengetahuan Kerajaan kita, setakat manakah kekuatan tentera-tentera tersebut setakat maklumat yang kita ketahui.

Tuan Yang di-Pertua: Bahagian pertama pertanyaan itu, daripada jawapan tadi sudah ada. Yang kedua, ini kalau ada—sila; melainkan kalau berkehendakkan notis.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya berkehendakkan notis.

Tuan Hussein bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sekejap tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan menyatakan bahawa Deklarasi ASEAN pada tahun 1971 telah menunjukkan satu tindakan tegas dari Malaysia dan ASEAN mengenai perkara ini.

Saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen berkenaan selain daripada Malaysia terdapat juga negara-negara lain yang membantah kehadiran Soviet Union di tempat tersebut. Setakat hari ini sejauh manakah dapat dikesan kesan-kesan daripada tentangan-tentangan yang telah sama ada dibuat oleh Malaysia, ASEAN ataupun negara-negara lain.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat itu ulangkan soalnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ulang soalnya.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya segala tentangan-tentangan yang dikeluarkan oleh Malaysia ataupun ASEAN ataupun negara-negara lain setakat hari ini sejauh manakah dapat dikesan hasilnya daripada tentangan-tentangan tersebut.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan Ahli Yang Berhormat itu luas sangat, jadi susah saya hendak khususkan kepada jawapan yang tepat. Sebab ini seolah-olah hendak mengetahui keseluruhannya. Jadi saya rasa tidak dapatlah saya hendak memberi jawapan sebagai jawapan khusus kepada Yang Berhormat itu.

BANTUAN PENYARAAN ORANG-ORANG TUA

4. **Tuan Haji Ibrahim bin Mohamad** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang dikeluarkan bagi memberi bantuan kepada orang-orang tua dan bilangannya menurut Negeri? Dan adakah Kerajaan Pusat bercadang menyelaras untuk menambah kadar bayaran bulanan kepada mereka memandangkan keadaan inflasi atau kenaikan harga barang-barang sekarang?

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan bagi Bantuan Penyaraan Orang-orang Tua untuk tahun 1979 ialah \$1.2 juta dan seramai 4,205 orang tua telah menerima bantuan ini. Bilangan penerima mengikut negeri ialah: Perlis 159 orang, Kedah 632 orang, Pulau Pinang 177 orang, Perak 381 orang, Selangor 278 orang, Wilayah Persekutuan 242 orang, Negeri Sembilan 197 orang, Melaka 237 orang, Johor 895 orang, Pahang 250 orang, Trengganu 280 orang dan Kelantan 477 orang.

Kementerian saya telah mengkaji semula kadar bantuan ini dan telahpun menambahkannya kadar ini daripada \$37 sebulan kepada \$50 sebulan untuk seseorang mulai daripada 1-1-80.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad.

Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 5.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh.

KUPON SUBSIDI KEPADA PETANI

5. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan tidak berlakunya penyelewengan dalam pemberian kupon-kupon subsidi kepada petani-petani seperti yang sedang berlaku di Tanjong Karang di mana kupon-kupon itu dibeli oleh beberapa kalangan tertentu dengan harga yang kurang daripada \$2 untuk sepikul padi dengan mengeksploitkan keperluan petani-petani kepada bayaran tunai sewaktu menjualkan padi mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Speaker, sepanjang pengetahuan saya tidak ada penyelewengan yang berlaku di Tanjong Karang sebagaimana yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sekiranya terdapat bukti, diharap Ahli Yang Berhormat melaporkan kepada Kementerian saya.

Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali: Soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan sedar

Tuan Yang di-Pertua: Angkat suara sedikit Yang Berhormat!

Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali: Apakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa sistem kupon itu telah lewat daripada masa sepatutnya menyebabkan banyak petani-petani yang tidak menerima kupon itu.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Speaker, kita memang sedar tentang keadaan itu tetapi kita dapati inilah masa yang paling sesuai sekali untuk dikeluarkan kupon ataupun dikeluarkan kupon ataupun dikeluarkan sistem subsidi.

URI PESAKIT YANG BERSALIN DI HOSPITAL

6. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa uri orang yang bersalin di hospital dijual kepada satu sindiket untuk diproses membuat alat solik bagi kaum wanita, sekiranya sedar apakah tindakan yang harus diambil.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan bahawa uri-uri pesakit-pesakit yang beragama Islam yang bersalin di hospital-hospital, pada lazimnya adalah diambil oleh mereka sendiri ataupun kaum keluarga mereka.

Dalam kes pesakit-pesakit yang bukan beragama Islam pula, uri-uri itu adalah dibuang (disposed of) oleh pihak hospital. Bagaimanapun dalam beberapa buah hospital ada jua uri-uri pesakit-pesakit bukan beragama Islam diambil oleh pihak-pihak tertentu untuk pelbagai tujuan.

Dalam hubungan ini saya telah difahamkan amalan pengambilan ini adalah sangat berkurangan bahkan di beberapa hospital yang dulunya merupakan pusat pungutan telah tidak berbuat demikian. Kementerian Kesihatan akan mengkaji perkara ini dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Sementara itu pihak Kementerian Kesihatan sedang merangka satu undang-undang bagi mengawal perniagaan (trading) darah dan dalam interpretasi perkataan darah termasuklah juga uri.

KOMPLEKS PERDAGANGAN BEBAS DI TAMBAK JOHOR

7. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan ada bercadang untuk mencari satu tempat yang boleh dijadikan satu pulau dekat dengan tambak Johor untuk diberi taraf free port status supaya barang-barang yang dijual di situ adalah murah dan sama dengan Singapura dan ini boleh mengurangkan atau menyekat pengaliran ringgit Malaysia dengan banyaknya ke Singapura. Jika sekiranya ada usaha-usaha dari pelabur-pelabur tempatan yang mahu joint venture dengan

pengusaha-pengusaha luar negeri untuk memajukan pusat perdagangan tersebut, sama ada Kerajaan akan merestui cadangan tersebut. Jika tidak, mengapa.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ada menerima permohonan dari pemaju swasta untuk menubuhkan kompleks perdagangan bebas di satu kawasan berhampiran dengan tambak Johor tetapi bukan di mana-mana satu pulau. Permohonan itu telah ditolak oleh Kerajaan selepas dikaji. Banyak sebab-sebab mengapa projek itu tidak dapat diluluskan yang antaranya seperti berikut:

- (i) projek ini berlawanan dengan konsep perdagangan bebas, kerana perdagangan bebas adalah bertujuan untuk menggalakkan pengilangan barang-barang untuk dieksport atau menggalakkan perdagangan antara kawasan, sementara projek ini bertujuan untuk menjual barang-barang untuk pasaran tempatan;
- (ii) tujuan mengurangkan aliran wang Malaysia ke Singapura mungkin tidak tercapai sepenuhnya, memandangkan kedudukan Singapura sebagai pelabuhan "entrepot" yang tidak dapat ditandingi oleh projek yang sebegitu kecil ini.

Walau bagaimanapun bagi membolehkan barang-barang pengguna yang diimport dijual dengan lebih murah, Kerajaan telah meluluskan sistem gudang berlesen sebagaimana yang diumumkan dalam Ucapan Belanjawan saya akhir tahun sudah. Di bawah sistem ini barang-barang boleh diimport dengan banyak dan mendapat diskaun yang lebih. Pada masa yang sama ianya dapat menolong kedudukan "cash flow" pengimport kerana cukai tidak dibayar sehingga barang-barang dikeluarkan dari gudang-gudang tersebut.

PASUKAN PENGAKAP SEMPADAN

8. Tuan Sibat Miut Anak Tagong minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang kemungkinan meletakkan anggota-anggota Pengawas Sempadan di Sarawak dalam satu skim perkhidmatan yang tetap dan berpencen.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk

mengadakan satu skim perkhidmatan berasingan untuk meletakkan Anggota Pasukan Pengakap Sempadan ke dalam perkhidmatan tetap dan berpencen. Pasukan Pengakap Sempadan telah ditubuhkan untuk memenuhi keperluan sementara bagi membantu Pasukan Polis Di Raja Malaysia di Sarawak dan juga di Sabah dalam gerakan keselamatan. Anggota-anggota Pengakap Sempadan adalah dilantik dengan syarat-syarat sementara dan tidak tertakluk kepada kelayakan-kelayakan seperti yang ditetapkan untuk Perkhidmatan Konstabel dan Pegawai Rendah Polis. Walau bagaimanapun, Anggota-anggota Pasukan Pengakap Sempadan yang boleh memenuhi syarat kelayakan bagi Pehkhidmatan Konstabel dan Pegawai Rendah Polis akan ditimbang permohonan mereka mengikut peraturan bagi lantikan ke Perkhidmatan Konstabel dan Pegawai Rendah Polis yang tetap dan berpencen.

NILAIAN TANAH-TANAH RAKYAT

9. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah meminta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah dasar sebenar Kerajaan dalam membuat penilaian tanah rakyat yang hendak diambil balik untuk melaksanakan sesuatu rancangan pembangunan dan apakah panduan yang digunakan dalam pembayaran pampasan dan gantirugi kepada tuan-tuan tanah yang berkenaan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan di dalam membuat penilaian terhadap tanah-tanah rakyat yang hendak diambil balik untuk melaksanakan sesuatu rancangan pembangunan adalah berpandu kepada peruntukan jadual Pertama Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 (No. 34 tahun 1960).

Prinsip-prinsip yang digunakan ialah:

- (a) Bayaran pampasan hendaklah berdasarkan kepada Nilai Pasaran (Market Value) tanah yang akan diambil semasa digezetkan.
- (b) Jenis kegunaan tanah (Land use) yang sedia ada juga diambil kira untuk menentukan pampasan.
- (c) Kerosakan kepada tanah selepas tanah diambil akan juga diambil kira. Misalnya pampasan juga diberi kepada baki

tanah yang diambil balik dan pengambilan ini mengakibatkan kerugian kepada tuan tanah kerana tanah tersebut tidak dapat digunakan langsung.

(d) Kehilangan punca pendapatan dan tempat tinggal tuan tanah pun diambilkira.

Sekiranya timbul tidak puashati di atas bayaran pampasan dan gantirugi, tuan-tuan tanah bolehlah membuat rayuan mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960.

Tuan Lee Lam Thye: Saya suka hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri sedar tentang kelewatan untuk membuat bayaran pampasan atau gantirugi kepada tuan-tuan tanah apabila tanahnya itu diambil balik untuk tujuan pembangunan. Jika beliau sedar, apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini?

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya taksiran tanah disetujui oleh dua pihak perkara lambat itu tidak timbul. Kelambatan selalu timbul apabila penilaian yang diberi oleh pihak berkuasa tidak dapat diterima oleh tuan tanah itu, maka dia membangkang dan dari itu dia tidak menerima wang itu dan dibawa pula bicara di mahkamah. Walau bagaimanapun, saya ada mengarahkan iaitu sekiranya semua perkara ini telah selesai bayaran hendaklah disegerakan. Sekiranya Yang Berhormat ada perkara ini dalam kawasannya yang mengatakan lambat bayaran itu saya sedia menerima aduan untuk melekaskan.

MEMBACA, MENULIS DAN MENGIRA BAGI MURID-MURID

10. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian beliau untuk menentukan setiap murid yang tamat darjah enam sekolah rendah dapat membaca, menulis dan mengira.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman yang Berhormat, soalan tersebut telahpun saya menjawab dan menghuraikan dengan panjang lebar di dalam ucapan saya sewaktu menggulung perbahasan Titah

Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 24hb Mac, 1980 yang lepas. Ahli Yang Berhormat sila rujuk kepada ucapan itu.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, salah satu perakuan daripada Laporan Kabinet mengenai perkara ini ialah yang terdapat pada 2 (a). Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bilakah agaknya perakuan ini boleh dimulakan.

Dato' Chan Siang Sun: Sila ulang sekali lagi.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, salah satu perakuan di dalam Laporan Kabinet mengenai pelaksanaan dasar pelajaran terdapat pada perakuan 2 (a) yang mana ada kaitan dengan masalah membaca, menulis dan mengira. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bilakah perakuan ini dapat dilaksanakan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara ini dalam ucapan saya menggulung perbahasan Titah Ucapan Di Raja, saya sudah katakan satu kajian telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran yang mana dalam masa lebih kurang 6 bulan lagi kita boleh selesaikan ujian ini. Jadi apabila sampai masanya itu kita akan pastikan apa langkah yang positif kita akan ambil.

PESURUHJAYA KEHAKIMAN— LANTIKAN

11. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan peguam-peguam yang menjalankan amalan khasnya mereka dari Majlis Peguam dilantik menjadi Pesuruhjaya Kehakiman separuh masa dan oleh kerana mungkin tertimbul konflik kepentingan dan "unfair advantage" yang dinikmati oleh mereka, sama ada Kerajaan akan bercadang membatalkan perlantikan-perlantikan tersebut.

Setiasaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Buat masa ini, Kerajaan tidaklah bercadang untuk membatalkan perlantikan Pesuruhjaya

Kehakiman separuh masa kerana perkhidmatan mereka adalah diperlukan memandangkan bahawa bilangan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi adalah masih tidak mencukupi. Perkhidmatan mereka adalah amat perlu terutama ketika Hakim-hakim bercuti oleh kerana mereka boleh menggantikan Hakim-hakim tersebut dalam menyelesaikan kes-kes yang telah ditetapkan untuk dibicarakan. Pada pandangan saya masalah "conflict of interest" tidaklah timbul oleh kerana mereka tidak membicarakan kes-kes yang mereka atau firma-firma mereka terlibat sebagai peguam. Tidak ada juga bukti yang menunjukkan bahawa mereka menikmati "unfair advantage" sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Malah dari segi kewangan elaun yang diberi kepada mereka adalah terlalu sedikit berbanding dengan pendapatan mereka.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, kami tentu tidak boleh menerima satu keadaan di mana hari ini seorang menjadi Hakim, esok menjadi Peguam dan pada hari lusa menjadi Hakim lagi sekali, itu tentu adalah satu perkara yang tidak baik. Bolehkah saya dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang melantik Hakim bukan Pesuruhjaya Kehakiman tetapi Hakim; kalau tidak cukup Hakim boleh dilantik Hakim lagi. Adakah Kerajaan bercadang untuk melantik Hakim lagi jikalau tidak mencukupi?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat yang pertama

Tuan Karpal Singh: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Bila saya bercakap duduklah dahulu, kalau tidak, tidak dengar nanti. Peraturan Mesyuarat 42 kata begitu: bila Pengerusi bercakap, Ahli Yang Berhormat duduk dan senyap. Tolong jawab.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, tengah bercakap tadi, saya terpaksa duduk. Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kerajaan bertujuan untuk melantik Hakim-hakim kalau boleh, kalau ada, tetapi untuk memandangkan keadaan sekarang apabila dalam keadaan tidak dapat melantik Hakim dengan seberapa banyak mengikut keadaan mahkamah sekarang, salah satu jalan yang lebih baik ialah dengan cara

kita melantik Pesuruhjaya Kehakiman. Masalah yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tentang keraguannya saya fikir tidaklah satu masalah yang harus dibincangkan oleh kerana sepertimana saya katakan Pesuruhjaya Kehakiman yang separuh masa ini tidak akan duduk sebagai Hakim sementara untuk membicarakan kes-kes yang diwakili oleh mereka sendiri atau firma-firmanya, lebih-lebih lagi mereka akan menduduki sebagai Hakim sementara di tempat-tempat di mana mereka tidak mengadakan practice mereka masing-masing. Jadi, keyakinan pihak Kerajaan terhadap Pesuruhjaya Kehakiman ini memanglah ada dan saya haruslah menegaskan bahawa Ahli Yang Berhormat janganlah menaruh kesangsian sangat oleh kerana soalnya pun ialah menimbulkan soal kemungkinan. Jadi kalau masih lagi dalam peringkat kemungkinan ini telah merendahkan kedudukan Peguam-peguam salah satu daripadanya ialah Ahli Yang Berhormat itu sendiri yang menjadi seorang Peguam. Jadi sebagai seorang Peguam satu honourable profession haruslah kita menaruh kepercayaan yang tinggi kepada rakan-rakan kita untuk menjauhkan berlaku conflict of interest dan unfair advantage.

Tuan Hishamuddin bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin kepada peguam-peguam yang menjadi sahabat saya tetapi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kalau Judicial Commissioners ini tidak akan membicarakan perkara-perkara yang diselenggarakan oleh firmanya sendiri. Kalau ada peraturan seperti itu apakah jaminan bahawa mereka ini tidak juga membicarakan perkara-perkara yang telah diuruskan oleh associate mereka.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Ahli Yang Berhormat itu saya menyanjung tinggi dan mengucapkan berbanyak terima kasih. Pandangan itu akan kami kirakan oleh Kerajaan dalam menjaminkan supaya tidak timbul conflict of interest ataupun unfair advantage. Saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada Kerajaan mengambil Pesuruhjaya Kehakiman ini sebagai mahu seruan pihak DAP yang sentiasa mahu pihak

Kerajaan membicarakan kes-kes yang ada dalam mahkamah itu secepat mungkin.

Soalan saya kedua sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk melantik Ahli-ahli daripada DAP untuk menjadi Pesuruhjaya Kehakiman di masa akan datang.

Satu lagi soalan sama ada

Tuan Yang di-Pertua: Banyak sangat soalan ini!

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Sama ada perkara-perkara sumpama ini juga berlaku di negeri-negeri lain di dunia ini.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama ialah benar.

Soalan kedua, kemungkinan itu saya tidak bolehlah beri jaminan fasal itu masa depan, saya pun manusia biasa tidak boleh memberikan ramalan.

Soalan ketiga, memang benar ada practice yang sama di negeri-negeri yang lain.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya peranan yang dimainkan oleh Pesuruhjaya Kehakiman separuh masa ini menurut jawapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah memberi kesan dan banyak menyelesaikan kes-kes di dalam mahkamah-mahkamah dan sekiranya Kerajaan tidak berniat untuk membatalkan perlantikan-perlantikan tersebut, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu memberi jaminan bahawa perlantikan-perlantikan yang berikutnya akan ditambah.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kita berpuas hati dengan bilangan yang telah dilantik.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, nampaknya ada ramai, Ahli-ahli Majlis Peguam dilantik menjadi Pesuruhjaya Kehakiman. Baru-baru ini, saya ingat pada 9hb Februari tahun ini Majlis Peguam ada buat satu keputusan boikot kes-kes yang ada dibicarakan di bawah Peraturan-peraturan Perlu

Tuan Yang di-Pertua: Itu anjuran Yang Berhormat sendiri dahulu bukan? (*Ketawa*) (*Tepuk*).

Tuan Karpal Singh: Itu betul, Tuan Speaker. Cadangan saya ditolak ada dua undi sahaja. Oleh kerana itu jikalau ada ahli-ahli yang dilantik jadi Pesuruhjaya Kehakiman, apa cadangan Kerajaan jikalau hakim ini Ahli Majlis Peguam tidak mahu bicara kes begitu. Apakah cadangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu belum sampai kepada soal itu, belum boleh dimisalkan lagi.

Tuan Karpal Singh: Jikalau jadi

Tuan Yang di-Pertua: "Jikalau" yang tidak boleh! (*Ketawa*).

Tuan Karpal Singh: Boleh jadi, Tuan Speaker, oleh kerana ada banyak Ahli-ahli Majlis Peguam

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1) (h) itu tidak boleh dikeluarkan soal yang macam itu (*Tepuk*).

ANGGOTA TENTERA PECAH AMANAH

12. **Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Pertahanan menyatakan setakat ini jumlah anggota tentera yang didapati terlibat dalam kes pecah amanah mengikut pangkat dan jumlah wang yang terlibat. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi perkara ini demi menjaga imej angkatan tentera kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah dimaklumkan iaitu kes pecah amanah yang melibatkan wang dan harta Kerajaan dalam Angkatan Tentera setakat ini berjumlah lebihkurang 2.5 juta ringgit. Kes ini hanya melibatkan anggota-anggota yang berpangkat di antara perebet hingga ke Lt. Kolonel saja. Dalam semua kes-kes tersebut tindakan telahpun diambil ke atas individu yang terlibat. Untuk mengatasi kejadian yang tidak diinginkan ini, satu arahan telah dikeluarkan dalam Perintah Angkatan Tentera yang

menekankan dasar pengendalian harta dan wang Kerajaan. Di antara beberapa tindakan yang telah diambil ialah:

- (a) Pemeriksaan stok yang lebih kerap.
- (b) Pegawai-pegawai Memerintah dikehendaki memeriksa kira-kira dan wang tunai sekurang-kurangnya sebulan sekali.
- (c) Tindakan tatatertib yang lebih berat diambil terhadap individu yang didapati menyalahgunakan wang dan harta Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 38 adalah diberi di bawah ini).

BAHASA CINA MATAPELAJARAN WAJIB

13. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan menjadikan Bahasa Cina sebagai matapelajaran wajib dalam peperiksaan bagi murid-murid keturunan Cina dengan tujuan menggalakkan murid-murid Cina lebih berminat dalam bahasa ibunda mereka; jika ya, bila projek akan dilaksanakan; jika tidak, mengapa.

Dato' Chan Siang Sun: Kementerian saya sebenarnya hanya menjadikan matapelajaran Bahasa Malaysia sebagai matapelajaran wajib yang perlu diambil oleh setiap murid dalam setiap murid dalam setiap peperiksaan kebangsaan yang dikendalikan olehnya dalam sistem persekolahan rendah dan menengah. Ini adalah sesuai dengan dasar pelajaran kebangsaan yang menyeluruh meliputi semua calon.

Minat untuk mempelajari sesuatu pelajaran, termasuklah Bahasa Cina, tidaklah sepatutnya berpunca dari keperluan peperiksaan sahaja. Galakan kepada murid-murid untuk mempelajari sesuatu pelajaran yang utamanya harus datang dari ibubapa. Kementerian saya berpegang kepada falsafah bahawa tujuan mempelajari sesuatu itu adalah untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran, bukannya untuk peperiksaan. Lebih-lebih lagi untuk matapelajaran-matapelajaran yang berteraskan kemahiran amali seperti bahasa.

DAKWAH SONGSANG

14. Tuan Haji Ampong bin Puyon minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyak golongan pendakwah songsang di negara dan sebutkan siapa mereka, apakah tindakan Kerajaan untuk menghapuskan amalan seperti ini.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa istilah "Dakwah Songsang" tiada wujud sama sekali dalam Islam kerana pengertian dakwah itu sendiri, adalah membawa pengertian "Menyeru kepada kebajikan dan Melarang daripada melakukan kejahatan". Oleh yang demikian, kalimah songsang itu tiada wajar sama sekali digunakan bersama-sama kalimah dakwah.

Jika Ahli Yang Berhormat maksudkan dengan dakwah songsang itu sebagai "Ajaran Salah", maka memanglah terdapat beberapa ajaran salah dan sesat di negara ini dan kebanyakan ajaran salah itu masih dalam penyiasatan. Maklumat-maklumat sebenar bagi tiap-tiap ajaran yang diragukan kebenarannya itu adalah amat susah untuk diperolehi dan memakan masa yang panjang oleh kerana ajaran-ajaran tersebut diajar dan disebarkan dengan cara sulit. Walau bagaimanapun, setakat ini terdapat beberapa ajaran salah yang telah diputuskan tentang salahnya; iaitu ajaran-ajaran Qadiani dan Tarikat Mufaridiah.

Kerajaan adalah sentiasa mengawasi golongan yang keterlaluan termasuk orang-orang yang menyampaikan ajaran salah dan sesat ini dan pendakwah-pendakwah ugama yang semata-mata mencari kepentingan diri. Undang-undang Pentadbiran Ugama Negeri-negeri ada memperuntukkan hukuman bagi golongan ini.

PENYAKIT KERONGKONG

15. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar tentang kejadian penyakit kerongkong di banyak bahagian di Sarawak dan jika ya apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengawal penyakit ini.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Saya sedar akan kejadian wabak penyakit kerongkong di Sarawak tahun ini dan sehingga 24-3-80

84 kes dengan 5 kematian dilaporkan di Bahagian-bahagian I, II, III, IV dan VI di Sarawak. Bahagian yang paling teruk ialah Bahagian II dengan 44 kes termasuk 3 kematian.

Tindakan-tindakan perlu telah diambil untuk mengawal wabak itu dan yang penting sekali ialah dengan memberi suntikan kepada penduduk-penduduk yang mudah kena penyakit itu. Kempen suntikan telah dimulakan dan tumpuan khas diberi kepada kanak-kanak sekolah. Sehingga 21-3-80, 314,248 suntikan telah diberi. Bekalan vaksin adalah mencukupi.

Kementerian Kesihatan telah melancarkan pelajaran kesihatan kepada orang ramai melalui sebaran am dan kakitangan-kakitangan kesihatan dengan memberitahu orang ramai berkaitan dengan tanda-tanda (symptom) penyakit itu, usaha-usaha pencegahan, jadual dan tempat-tempat untuk mendapatkan suntikan dan meminta mereka mendapatkan rawatan dengan segera.

Dalam hubungan ini Jabatan Perubatan dan Kesihatan Negeri Sarawak telah melibatkan dan mendapat sokongan dan kerjasama dari Jabatan-jabatan lain seperti Kementerian Penerangan, Kementerian Pelajaran, Pentadbiran, Polis dan Jabatan Kerja Raya dan juga lain-lain pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan tertentu di Negeri Sarawak.

Mereka yang mengidap penyakit itu telah dimasukkan ke hospital dan diberi rawatan segera dan penyiasatan epidemiologi yang berkenaan telah dijalankan untuk mengesan pembawa penyakit (carrier) atau kes-kes yang tidak dilaporkan supaya mereka boleh diberi rawatan yang sepatutnya.

Satu pasukan Epidemiologi dari Kementerian Kesihatan telah melawat Sarawak pada bulan Januari untuk mengkaji dengan teliti akan wabak ini serta masalah-masalah yang dihadapi oleh negeri itu dan perakuan-perakuan untuk mengawal segera wabak ini dan mencegah daripada berulangnya kejadian tersebut telah diberikan dan telahpun dilaksanakan oleh negeri tersebut.

Wabak penyakit tersebut telah sampai ke kemuncak merbahaya pada bulan Februari lalu dan keadaan mula segera pulih seperti sedia kala.

LOMBONG EMAS/MENGALI LOGAM

16. Tuan Au How Cheong minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Kementerian beliau telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk menentukan endapan emas dalam Malaysia dan jika ya nyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencari dan menggali logam itu; dan
- (b) apakah galakan yang diberi untuk menghidupkan semula beberapa buah lombong-lombong emas yang telah diusahakan dahulu dalam negara kita.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Bagi jawapan kepada soalan pertama, saya suka memaklumkan bahawa pada masa ini emas adalah diperolehi sebagai "by-product" operasi perlombongan timah di kawasan Bidor dan di kawasan Kuala Lumpur. Emas juga dikeluarkan dari operasi lombong secara kecilan di kawasan Raub.

Kementerian saya melalui Jabatan Penyiasatan Kajibumi sedang giat menjalankan kerja-kerja penyiasatan untuk menentukan kedapatan logam-logam dalam negara kita. Di bawah projek Bahagian Tengah Banjaran Gunung yang meliputi sebahagian dari Negeri Kelantan dan Pahang, Jabatan Penyiasatan Kajibumi sedang menjalankan kerja-kerja eksplorasi untuk menentukan kedapatan emas dan lain-lain logam yang bernilai. Butir-butir mengenai hasil penyiasatan yang dijalankan itu dilaporkan dari masa ke semasa dalam Laporan Penyiasatan Kajibumi.

Saya juga suka menambah bahawa di dalam program pemetaan kajibumi yang dijalankan terus menerus oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi ada didapati bahawa emas jenis lanar terdapat di beberapa kawasan di Johor dan di kawasan Gemas di Negeri Sembilan. Kerja-kerja eksplorasi secara detail akan dijalankan di kawasan-kawasan ini di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Mengenai soalan kedua, saya suka menyatakan bahawa harga emas mempunyai pengaruh yang besar yang boleh menentukan sama ada perlombongan emas boleh dimajukan atau tidak. Bagi lombong-lombong yang dahulunya pernah mengeluarkan emas, pembukaan semula dan operasi mengeluarkan

emas adalah bergantung kepada syarikat lombong berkenaan untuk menentukan sama ada operasi itu akan mendatangkan keuntungan berdasarkan kepada harga emas yang terdapat sekarang. Memandangkan kepada harga emas yang terdapat sekarang, Kementerian saya melalui Jabatan Penyiataan Kajibumi telah memperakukan supaya kawasan Galas-Pergau di Negeri Kelantan yang mempunyai potensi kedapatan emas dicarigali secara detail untuk dinilai kuantitinya bagi memajukan satu perlombongan emas. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Kelantan telahpun meluluskan kawasan ini untuk dijalankan kerja-kerja mencarigali.

PENERBANGAN MAS SINGAPURA—MELAKA

17. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah perkhidmatan penerbangan MAS Singapura-Melaka ini akan dipulihkan kerana sejak ianya ditarik balik pada 1-11-1977, pertumbuhan ekonomi dan perindustrian Melaka telah terjejas dengan seriusnya.

Dato Lee San Choon: Perkhidmatan tiga kali seminggu di antara Melaka dan Singapura dengan pesawat F27 telah dibatalkan oleh MAS pada 1 November 1977.

Langkah ini diambil kerana muatan pesawat F27 baik dari segi penumpang ataupun kargo adalah didapati tidak memuaskan. Pada masa perkhidmatan tersebut dibatalkan, MAS dari segi muatan penumpang, cuma mencapai angka purata penumpang seramai 17 penumpang bagi tiap-tiap perkhidmatan atau 33 peratus muatan tempat duduk pesawat tersebut. Ini bermakna bahawa perkhidmatan tersebut. Ini bermakna bahawa perkhidmatan tersebut adalah satu perkhidmatan yang tidak memberi keuntungan kerana penumpangnya yang dibawa adalah berkurangan daripada paras untung rugi. Dari segi muatan kargo MAS cuma mencapai tidak lebih dari 100 kilogram atau kiraan hasil sebanyak \$40 bagi tiap-tiap perkhidmatan.

PERKATAAN "ISLAM" DIHARAMKAN DALAM PARTI POLITIK

18. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berdasar kepada kenyataan Tim-

balan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di Sekolah Menengah Vokasional Kluang pada 30hb Disember, 1978 yang lalu, bilakah Kerajaan bercadang mengharamkan perkataan "Islam" yang maha suci itu, daripada digunakan untuk menamakan mana-mana parti politik di dalam negara ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kerajaan sebenarnya tidaklah bercadang untuk mengharamkan penggunaan nama Islam dari digunakan oleh parti-parti politik. Tetapi sekiranya penggunaan perkataan Islam menimbulkan ancaman keselamatan dan ketenteraman awam Kerajaan akan mengkaji keadaan tersebut.

MENTERI LUAR NEGERI KE HANOI

19. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada lawatan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Malaysia ke Hanoi adalah atas sifatnya sebagai Menteri Luar Malaysia dan bukan sebagai wakil ASEAN seperti yang diputuskan dan oleh yang demikian ia tidak bererti kerana seolah-olah membelakangkan kepentingan dan kehormatan Negara-negara ASEAN walaupun beliau tentu telah mengambil kesempatan untuk memberitahu perkara-perkara yang diminta oleh ASEAN. Nyatakan sama ada keengganan Hanoi menerima Menteri Luar Negeri kita sebagai wakil ASEAN itu adalah satu penghinaan kepada Negara-negara ASEAN.

Tuan Kassim bin Ahmad: Ahli Yang Berhormat mungkin sedia maklum bahawa selepas Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN di Bali pada akhir bulan Jun 1979, Y.B.M. Tengku Ahmad Rithauddeen telah menyatakan kesediaannya untuk melawat Hanoi atas hubungan dua-hala untuk membincang masalah mengenai pendatang-pendatang haram Vietnam dan bertukar pendapat mengenai konflik Kampuchea. Lawatan beliau ke Hanoi pada awal bulan Januari lalu adalah di atas jemputan yang telah lama diberi oleh bekas Menteri Luar Vietnam Nguyen Duy Trinh sejak bulan Julai, 1979.

Walaupun lawatan Menteri Luar ke Hanoi adalah sebagai Menteri Luar Malaysia dan berbentuk dua-hala, beliau telah mengambil kesempatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa

Tetap ASEAN untuk menyampaikan pandangan-pandangan negara ASEAN yang lain dalam masalah-masalah tersebut di atas. Hasil daripada lawatan itu, pemimpin-pemimpin Vietnam telah memberi jaminan bahawa:

- (a) Vietnam akan menghormati keutuhan wilayah, kedaulatan dan kemerdekaan Negeri Thai dan negara ASEAN yang lain; dan
- (b) akan bekerjasama dalam menyelesaikan masalah pendatang-pendatang haram Vietnam dengan mematuhi perakuan/jaminannya yang dibuat di Geneva untuk menghalang pelarian orang Vietnam secara haram dan bekerjasama dengan pihak UNHCR dalam "Orderly Departure Programme" orang-orang Vietnam ini.

Vietnam juga telah menyatakan kesediaan untuk mengadakan dialog dengan Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain dalam mewujudkan kawasan aman dan stabil di Asia Tenggara berdasarkan kepada Deklarasi Kuala Lumpur, November 1971. Tambahan pula Menteri Luar Vietnam telah menerima jemputan supaya beliau melakukan lawatan balas rasmi ke Malaysia tidak lama lagi.

Dengan hasil seperti tersebut di atas dan kenyataan bahawa Menteri Luar telah menyampaikan pandangan-pandangan negara-negara ASEAN kepada Vietnam dan Vietnam telah menyatakan kesediaan untuk menyambungkan dialog dengan Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain, maka Kerajaan menganggap ini adalah perkembangan yang positif dan menggalakkan, tidak sekali-kali satu penghinaan kepada Malaysia dan negara-negara ASEAN. Suatu dasar luar yang berasaskan usaha sepenuhnya mengatasi masalah dua-hala dan serantau dengan cara berdialog dan perundingan dengan aman adalah sejajar dengan matlamat Kerajaan.

LEBUHRAYA IPOH—CHANGKAT JERING

20. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan setakat manakah kemajuan atau perkembangan berhubung dengan pelaksanaan projek Lebuhraya Ipoh-Changkat Jering.

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Untuk maklum Ahli Yang Berhormat pada masa sekarang, pelan-pelan kejuteraan dan dokumen tawaran bagi projek ini sedang diteliti dan diperkemas. Pemberitahu prakelayakan bagi kontrakter-kontrakter (Notice of Prequalification of Contractors) akan diedarkan tidak lama lagi dan tawaran akan dipelawa selanjutnya. Kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada awal tahun 1981 dan dijangka akan siap dalam masa tiga tahun.

PRESIDEN MAHKAMAH PERUSAHAAN—KONFLIK TUGAS

21. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah langkah yang telah diambil terhadap Presiden Mahkamah Perusahaan, Encik Mathews Abraham kerana berkelakuan "seolah-olah mengulangi kepentingannya sendiri ke dalam konflik tugas umumnya" seperti yang dinyatakan oleh Ketua Pembangkang Yang Berhormat Lim Kit Siang di Dewan Rakyat pada 3hb Disember, 1979 supaya dapat dikekalkan kepercayaan umum akan keadilan, kebebasan dan keutuhan Mahkamah Perusahaan.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hum): Setakat ini tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa Presiden Mahkamah Perusahaan telah berkelakuan "seolah-olah mengulangi kepentingan sendiri yang mempunyai konflik dengan tugas-tugasnya", dalam melaksanakan tugas-tugas beliau. Oleh yang demikian soal mengambil tindakan beliau tidak timbul sama sekali.

PERKHIDMATAN NEGARA

22. Tuan Wong Hoong Keat minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Malaysia menghadapi sebarang ancaman luar terutama dari Vietnam memandangkan dasar perluasan sempadan Vietnam ke negara-negara jiran dan apa langkah-langkah ketenteraan yang telah diambil untuk menentukan keselamatan Malaysia dan adakah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan semua belia Malaysia yang muda dan sihat dan melebihi umur 18 tahun memasuki perkhidmatan negara.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Malaysia tidak menganggap jiran-jirannya sebagai pengancam terhadap keselamatan negara. Negara Vietnam pula telah memberi jaminan bahawa negaranya akan menghormati kemerdekaan dan kedaulatan negara-negara di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa mengambil tindakan untuk meningkatkan keupayaan Pasukan Keselamatan dengan tujuan menjamin keutuhan negara ini dan bagi menghadapi sebarang musuh.

Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang mengadakan perkhidmatan negara. Beliau-belia yang melebihi umur 18 tahun boleh menyumbangkan tenaga mereka memper-tahankan negara dengan memasuki angkatan tentera dan lain-lain pertubuhan sukarela, seperti Rela, Rukun Tetangga dan Pasukan Simpanan Tempatan.

HOOI CHIN HAN—PEMBEBASAN TAHANAN

23. Tuan V. David minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar Hooi Chin Han telah berada dalam tahanan sejak tahun 1969. Bolehkah Menteri berkenaan menimbang untuk membebaskan beliau kerana beliau telah merengkok lebih dari sepuluh tahun dalam tahanan tanpa per-bicaraan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Orang tahanan yang dinyatakan telah ditahan pada 12-12-1969.

Pembebasan orang-orang tahanan dibuat setelah Kerajaan menimbangkan perakuan-perakuan ulangkaji yang dibuat oleh Lembaga Penasihat sebagaimana yang dikehendaki oleh peruntukan dalam Akta tersebut, serta Kerajaan berpuashati pembebasan mereka tidak akan membahayakan keselamatan negara.

Mengenai orang tahanan yang dinyatakan itu Kerajaan mendapati ia masih lagi membahayakan keselamatan negara sekiranya di-bebaskan.

OPERASI ISI PENUH— PENGAMBILAN

24. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pemohon yang berjaya di bawah Operasi Isi Penuh menunjukkan komposisi kaum di dalam negeri ini,

jika tidak, nyatakan sebab-sebab dan sama ada Kerajaan ingin membetulkan imbalan kaum di pejabat-pejabat Kerajaan dengan menyatakan sebab jika Kerajaan tidak ingin berbuat demikian.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Permohonan yang berjaya mencerminkan pengambilan yang berdasarkan kepada beberapa faktor, termasuk di antaranya, kelulusan, kelayakan, dan kesesuaian calon sendiri. Prinsip yang diikuti adalah sama seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, dan amalan ini telah sekian lama dipraktikkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, iaitu sebuah badan yang bebas di dalam urusan perlantikan.

Walaupun bagaimanapun, boleh dikatakan tiap-tiap Jabatan Kerajaan ada mempunyai kakitangan-kakitangan yang terdiri daripada berbilang kaum, dan dengan demikian tiadalah sebab kenapa Kerajaan patut mengubah-kan dasar pengambilan yang tersebut di atas itu.

PERGOLAKAN DI INDOCHINA— PEMBESARAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

25. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah rancangan pertahanan yang lebih berkesan telah diadakan oleh Kementerianya untuk menghadapi pergolakan politik di Indochina khususnya.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Kementerian Pertahanan sentiasa mengkaji dan mengikuti perkembangan politik dan ketenteraan di rantau ini termasuk pergolakan di Indochina dan membuat persediaan-persediaan yang sesuai sejajar dengan apa jua kemungkinan dan ancaman yang boleh berbangkit dari kemungkinan itu. Perkembangan dan pembesaran serta permodenan Angkatan Tentera kita telah dijalankan secara berperingkat sejak beberapa tahun yang sudah. Di bawah rancangan kita terakhir perkembangan dan permodenan itu sedang kita lanjutkan. Dengan apa juga anggaran wang-wang yang diberikan, pihak Angkatan Tentera sedang giat melaksanakan rancangan ini.

TARIAN SINGA—KENYATAAN

26. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan bilakah sebuah kertas putih yang berkaitan dengan tarian singa ini akan dikeluarkan memandang kepada kenyataan-kenyataan yang bercanggah yang dibuat oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bahawa tarian singa tidak dapat diterima sebagai kebudayaan nasional kerana ianya sudah disalahgunakan oleh anasir subversif dan anti-nasional dan kenyataan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ialah tarian singa tidak dapat dijadikan kebudayaan nasional kerana tarian singa adalah merupakan kebudayaan dari luar; sebenarnya manakah satu kenyataan yang betul.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Kementerian saya tidak bercadang hendak mengeluarkan satu Kertas Putih berkenaan dengan perkara ini.

KEMALANGAN JALANRAYA

27. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah kemalangan jalanraya termasuk korban jiwa yang berlaku dalam tahun 1979 di Lebuhraya antara Ipoh dengan Taiping.

Dato' Lee San Choon: Jumlah kemalangan jalanraya yang berlaku dalam tahun 1979 di Lebuhraya antara Ipoh dengan Taiping ialah sebanyak 3,239. Kejadian-kejadian dan 1,425 kecederaan.

PERUMAHAN KEPADA PEKERJA-PEKERJA PELABUHAN

28. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar akan pertambahan penduduk yang berpendapatan rendah di kalangan Pekerja-pekerja Pelabuhan dan apakah kemudahan-kemudahan perumahan yang beliau bercadang mengadakan untuk mengatasi desakan-desakan perumahan dari kalangan ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Saya memang sedar bahawa penduduk yang berpendapatan

rendah, termasuk pekerja-pekerja Pelabuhan, telah banyak bertambah. Rancangan perumahan awam kos rendah yang dikendalikan oleh Kementerian saya adalah bertujuan untuk menyediakan lebih banyak yunit rumah kos rendah untuk mereka yang berpendapatan rendah.

Beberapa projek perumahan yang dikendalikan oleh Kementerian saya dapat menampung keperluan pekerja-pekerja pelabuhan akhirnya mereka memenuhi syarat-syarat untuk memperolehi yunit-yunit rumah yang dibina, yakin, mereka belum mempunyai rumah dan mereka berpendapatan tidak lebih dari \$500 bagi Semenanjung Malaysia dan \$700 bagi Sabah dan Sarawak.

Projek-projek perumahan yang dimaksudkan ialah di Pasir Gudang Johor, di persekitaran Pelabuhan Tanjung Gelang Pahang dan di kawasan-kawasan berhampiran dengan Pelabuhan Kelang, Selangor. Ada juga projek-projek rumah awam kos rendah yang sedang dan akan dilaksanakan di Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah yang boleh didapati oleh pekerja-pekerja pelabuhan yang layak.

Setakat ini sebanyak 2,734 yunit rumah telah siap dibina dan 6,136 yunit adalah dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Selain dari itu agensi-agensi Kerajaan yang lain ada juga menjalankan projek perumahan di kawasan berhampiran dengan pelabuhan. Umpamanya, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan cadangan untuk membina 1,000 yunit di Pandamaran Jaya dan 207 yunit di Kampong Idaman.

UNIVERSITI KEENAM DI MALAYSIA

29. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) sebab-sebab mengapa Kerajaan tidak ingin mendirikan universiti Keenam di Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Keempat sedang Timbalan Menteri Pelajaran menyatakan di Dewan Rakyat baru-baru ini bahawa Kerajaan menimbangankan membuat begitu.

(b) mengapa Timbalan Menteri Pelajaran mengelirukan Dewan Rakyat dalam perkara ini.

Dato' Chan Siang Sun: Untuk makluman Yang Berhormat, Jawapan kepada soalan yang sama telahpun saya berikan apabila menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 21-3-1980.

BANTUAN MEMPERBAIKI RUMAH

30. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Perdana Menteri menyatakan adakah Jabatan Perdana Menteri bercadang hendak menambah bantuan memperbaiki rumah dalam projek pemulihan kampung daripada \$1,000 kepada \$2,000 atau lebih.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang hendak menambah bantuan memperbaiki rumah dalam Rancangan Pemulihan Kampung daripada \$1,000 kepada \$2,000 ataupun lebih. Bantuan yang diberi di bawah Rancangan Pemulihan Kampung adalah bertujuan untuk pemulihan rumah dan bukannya untuk membina rumah yang baru. Lagipun, jumlah yang diberi ini hanyalah merupakan sumbangan bantuan kerajaan sahaja dan penerima-penerima bantuan tersebut diharap dapat juga menyumbang dari segi tenaga dan kewangan bagi memperbaiki rumah mereka sendiri.

Mengikut kajian Klasifikasi Kampung yang telah dijalankan dalam tahun 1978 rumah-rumah yang perlu dibaiki adalah terlalu banyak. Oleh itu sekiranya Kerajaan hendak membantu seberapa banyak rumah yang boleh maka bantuan sebanyak \$1,000 tersebut adalah wajar. Selain daripada itu, Kerajaan juga akan dapat menjalankan lain-lain projek di bawah Rancangan Pemulihan Kampung.

EKSEKUTIF BUMIPUTRA DI NEW STRAITS TIMES

31. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (i) adakah Kerajaan sedar dan bercadang untuk bertindak mengenai keadaanimbangan kakitangan executive yang terdiri dari Bumiputra di Jabatan Pengarang Syarikat New Straits Times

yang amat jauh lebih kecil bilangannya jika dibanding dengan kakitangan executive bukan Bumiputra;

- (ii) apakah sebab-sebab beberapa orang pegawai executive Bumiputra dalam syarikat itu meletakkan jawatan.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):

- (i) Kedudukan perimbangan Kaum Eksekutif-eksekutif Bumiputra di Bahagian Pengarang Syarikat New Straits Times pada masa ini adalah memuaskan. Pada akhir bulan Februari, 1980, dari seramai 39 orang pegawai-pegawai eksekutif di Bahagian tersebut 19 orang terdiri dari Bumiputera. Pecahan angka-angka tersebut mengikut peringkat-peringkat jawatan adalah seperti berikut:

Di peringkat pengurusan tinggi (top management) dari 2 orang pegawai se-orang darinya Bumiputera. Di peringkat pengurusan menengah dari 25 orang pegawai 12 terdiri dari Bumiputera, dan di peringkat pengurusan rendah dari jumlah 12 orang pegawai 6 terdiri dari Bumiputera.

- (ii) Mengikut siasatan Kementerian ini dari bulan Jun 1979 hingga bulan Februari, 1980, 4 orang Pegawai Bumiputra telah meletakkan jawatan 3 kerana mendapat tawaran di lain syarikat dan seorang lagi kerana mengikut suaminya ke seberang laut.

RUMAH KAMPUNG MENDAPAT BANTUAN

32. Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa hanya rumah-rumah dalam kategori "C" sahaja yang berhak mendapat bantuan khas RPK sementara rumah-rumah dalam kategori "B" tidak diberi kemudahan ini dan terdapat rumah-rumah yang digredkan dalam kategori "B" yang keadaannya lebih daif dari kategori "C" dan jika ya sama ada beliau boleh memberi ke-longgaran supaya rumah-rumah dalam kategori "B" juga boleh mendapat bantuan seperti ini.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Pada masa ini Kerajaan memberi bantuan di bawah Rancangan Pemulihan Kampung (RPK) kepada rumah-rumah di dalam kampung-kampung yang diklasifikasikan dalam kategori "C" (Kampung-kampung mundur). Kateria yang digunakan ialah Kampung bukannya rumah seperti yang ditanyakan oleh Yang Berhormat itu. Klasifikasi kampung-kampung tersebut adalah berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan pada tahun 1978 di mana telah didapati lebihkurang 70% daripada semua kampung-kampung yang dibanci itu adalah termasuk dalam kategori "C". Oleh itu buat permulaan Kerajaan memberi keutamaan untuk pemulihan kampung dan juga pemulihan rumah bagi kampung-kampung dalam kategori "C".

Kerajaan sedar bahawa terdapat juga rumah-rumah di dalam kampung kategori "B" di mana keadaan mereka adalah lebih buruk daripada setengah-setengah rumah dalam kampung kategori "C". Tetapi memandangkan bahawa terdapat banyak rumah yang buruk di dalam kampung kategori "C" maka tumpuan yang diberi buat masa ini adalah kepada kampung-kampung tersebut.

Kerajaan ada mempunyai rancangan untuk memberi bantuan kepada kampung di dalam kategori "B" tetapi perkara ini perlu ditangguhkan buat masa ini. Penangguhan ini dibuat untuk mengelakkan ujudnya jurang perbezaan yang besar di antara kampung kategori "C" dan kampung kategori "B".

DASAR PERUMAHAN NEGARA— PERLAKSANAAN

33. Tuan Lee Lam Thye meminta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan kepada kegagalan perusahaan perumahan serta masalah kekurangan rumah yang teruk di negara ini, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian ini untuk mengatasi kegagalan ini dan memperbaiki kekurangan rumah dan apakah langkah-langkah yang telah dipakai untuk merancang satu Dasar Perumahan Negara bagi negara ini dan juga untuk menubuhkan satu Lembaga Perumahan.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Pendapat Ahli Yang Berhormat itu bahawa perusahaan perumahan telah gagal adalah sama sekali

tidak benar. Kemajuan industri perumahan tidak boleh diukur dari segi bilangan yunit rumah yang dapat di bina sahaja. Perumahan adalah satu bahagian yang penting dalam industri pembinaan yang menyumbangkan lebih kurang 5% daripada keluaran Negara Kasar dan lebih kurang 50% daripada pelaburan swasta mengikut harga yang tetap (constant prices). Industri pembinaan yang mempunyai kadar pertumbuhan sebanyak 14% pada tahun yang lalu, adalah merupai sektor yang pesat membangun. Selain dari itu lebih kurang 250,000 pekerja adalah terdapat di dalam industri pembinaan.

Dari segi pelaksanaan program-program perumahan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, kemajuan yang telah dicapai adalah menggalakkan. Sehingga akhir tahun 1979, 286,625 yunit rumah atau 52% daripada matlamat program perumahan yang dilaksanakan oleh sektor awam dan sektor swasta dalam Rancangan Malaysia Ketiga, telah siap. Sektor awam telah menyiapkan 38% atau 91,360 yunit rumah pada 31-12-1979 dan dijangka akan menyiapkan 51.4% atau 124,815 yunit rumah menjelang 31-12-1980. Rancangan perumahan sektor awam termasuk perumahan awam kos rendah, perumahan di Sekim Pembangunan Tanah dan Pembangunan Wilayah, perumahan Kakitangan Kerajaan, perumahan Jabatan Orang Asli, Lembaga Tanah Sabah dan Sarawak dan Perumahan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri.

Prestasi sektor swasta adalah lebih tinggi kerana 195,265 yunit atau 62% telah siap pada 13-12-1979. Dari angka ini, bilangan yang terbesar sekali yakni 131,515 yunit telah di bina oleh pemaju swasta. Ini merupakan 88% daripada sasaran Rancangan Malaysia Ketiga pemaju-pemaju swasta. Rancangan perumahan sektor swasta terdiri juga daripada perumahan Syarikat Kerjasama dan perumahan orang-orang Persa-orangan. Anggaran yang dijangka siap pada 31-12-1980 oleh perumahan sektor swasta ialah 225,950 yunit atau 72.4% daripada sasaran Rancangan Malaysia Ketiga. Dari angka ini pemaju swasta dijangka akan menyiapkan 145,000 yunit atau 96.7% daripada sasaran Rancangan Malaysia Ketiga mereka.

Kementerian saya telah mengkaji kedudukan pelaksanaan keseluruhan program perumahan, terutama Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah telah dapat dikesan dan Kementerian saya sedang merancang strategi-strategi baru yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk mengatasi masalah-masalah itu. Langkah-langkah tersebut telah pun saya huraikan semalam dalam ucapan saya di Dewan yang mulia ini semasa menggulung atas Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kerajaan akan menambah bilangan rumah awam kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Sektor swasta juga akan digesa dan digalakkan melaksanakan rancangan perumahan awam kos rendah dalam Rancangan Malaysia Keempat, di samping memajukan perumahan untuk rakyat berpendapatan sederhana dan tinggi. Rundingan-rundingan dengan pihak Persatuan Pemaju Perumahan dan Master Builders Association sedang dijalankan untuk menjayakan rancangan ini.

Sepertimana yang saya telah sebutkan dalam ucapan saya di Dewan ini kelmarin, Majlis Perunding Kebangsaan mengenai Perumahan sedang menggubal strategi baru untuk mengatasi masalah-masalah pelaksanaan rancangan perumahan pada keseluruhannya.

Berhubung dengan masalah Dasar Perumahan yang selalu dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sekali lagi saya ingin menerangkan bahawa Kerajaan telahpun mempunyai Dasar Perumahan Kerajaan sepertimana yang dihuraikan di dalam Manifesto Parti Barisan Nasional dan di dalam Buku Rancangan Malaysia Ketiga. Buat masa ini, Dasar yang ada itu serta program-program perumahan yang sedang dan akan dilaksanakan adalah dikira sudah cukup dan memadai.

Mengenai penubuhan Lembaga Perumahan, saya telah menjelaskan dalam ucapan saya menggulung titah ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kenapa Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menubuhkannya.

TENTERA LAUT RUSSIA DI LAUTAN HINDI

34. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa dengan terdapatnya bukti-bukti antarabangsa dewasa ini bahawa Russia sedang gigih malah menggunakan tindakan probokasi untuk meluas dan melebarkan pengaruh komunisnya dan kuasa politik dengan cara menghantar dengan banyak angkatan laut ke marata pelusuk dunia bagi mengimbangi malah mengatasi kuasa tentera laut barat khususnya Amerika, jika sedar, adakah Kementerian ini yakin kawasan sekitar laut Selat Melaka tidak terjejas dengan perkembangan ini. Adakah daya kawalan laut kita oleh TLDM dapat mengawasi tiap gerak-geri Russia supaya kedaulatan laut kita tidak terjejas, apakah reaksi rakan-rakan Malaysia di dalam ASEAN dalam perkara ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Saya sedar tentang peningkatan kuasa tentera laut Russia di Lautan Hindi. Perkara ini adalah diperhatikan dengan rapi oleh Kementerian saya. Kita memandang berat perkara ini kerana ianya akan mengakibatkan penghebatan persaingan di antara kuasa-kuasa besar di lautan ini dan melahirkan ketegangan dan ketidak stabilan di rantau tersebut yang berjiran dengan rantau kita. Oleh sebab itu Malaysia telah dengan aktifnya menyokong semua usaha-usaha untuk mengimplementasikan Resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang mengistiharkan Lautan Hindi sebagai Kawasan Aman.

Berkaitan dengan perairan negara kita, Malaysia menjalankan kuasa mutlaknya terhadap kedaulatan pengairan tersebut, dan kita sentiasa berjaga-jaga dari apa-apa bentuk pencabulan terhadap kedaulatan, keutuhan wilayah atau kemerdekaan kita.

Ahli Yang Berhormat mungkin berminat untuk mengetahui yang Selat Melaka telah digunakan sebagai perairan antarabangsa. Kapal-kapal perdagangan dan kapal-kapal perang boleh melalui Selat ini selaras dengan prinsip "innocent passage" iaitu selagi ia tidak mengancam keamanan, kestabilan dan keselamatan Malaysia.

Negara-negara anggota ASEAN yang lain bersefahaman dengan kita untuk mengelakkan Selat Melaka daripada dijadikan tumpuan rebutan antara kuasa-kuasa besar.

PROJEK RUMAH DI TAMAN RISHAH, IPOH—KELEWATAN

35. Tuan P. Patto minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak pembeli-pembeli rumah di Taman Rishah, Jelapang, Ipoh tidak dapat menduduki rumah-rumah itu kerana pemajunya Fahlum Development Sdn. gagal membina rumah tersebut dalam tempoh 18 bulan seperti yang tercatat di dalam perjanjian yang ditandatangani oleh pembeli dan pemaju dan kebanyakan pembeli telahpun mendapat pinjaman perumahan sama ada dari bank atau Kerajaan yang mana mereka terpaksa membayar faedah dan juga terpaksa menyewa rumah dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan mengenai perkara ini.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Saya sedar tentang kelewatan menyiapkan rumah di Taman Rishah, Ipoh.

Sebenarnya Kementerian saya telah mengkaji kedudukan pelaksanaan kemajuan perumahan ini dari masa ke semasa semenjak tahun 1977. Kebanyakan pembeli-pembeli yang terlibat dalam kemajuan ini telah menandatangani Surat Perjanjian Jualbeli dengan syarikat dalam tahun 1977 dan 1978. Peringkat Pertama kemajuan ini yang mengandungi 74 yunit rumah teres satu tingkat telah disiapkan dan diduduki pada bulan Disember 1978. Kerja pembinaan bagi peringkat kedua yang mengandungi 217 yunit rumah teres satu tingkat, dua tingkat dan rumah-rumah berbandung sedang dijalankan.

Mengikut penjelasan yang diberi oleh pemaju, kelewatan adalah disebabkan oleh keadaan tanah di kawasan tersebut. Kawasan projek itu adalah bekas lombong dan satu kajian yang telah dijalankan oleh Jurutera Perunding pemaju mengesyorkan supaya projek ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat setelah ditentukan kestabilan dan kekukuhan tanah di tempat-tempat yang berkenaan. Oleh kerana hakisan tanah tersebut pemaju telah dinasihatkan untuk menunggu dan memastikan keadaan kestabilan tanah sebelum memulakan kerja-kerja pembinaan. Sebenarnya, pada satu masa yang lalu, pihak pemaju terpaksa merobohkan 20 yunit rumah yang telah didirikan itu atas nasihat Jurutera Perundingnya oleh sebab rumah-rumah tersebut telah terlalu awal dibina sebelum di-

tentukan keadaan tanah di tempat tersebut. Kejadian ini telah mengakibatkan kerugian sebanyak \$200,000.

Bagaimanapun pemaju ini telah memberitahu Kementerian saya bahawa sebanyak 104 yunit lagi akan siap dibina pada bulan Jun tahun ini.

Pada pendapat saya, masalah-masalah yang dihadapi oleh pemaju ini adalah satu masalah yang tidak dapat dielakkan. Sebenarnya kejadian seperti ini mungkin akan merugikan dan harus dielakkan oleh seorang pemaju dari segi amalan-amalan urusiaga perumahan memandangkan ianya terpaksa melaksanakan projek tersebut mengikut kos pembinaan yang berlaku sekarang sungguhpun harga jualan telah ditetapkan pada tahun 1977 dan 1978.

Projek perumahan ini adalah yang pertama yang dijalankan oleh pemaju tersebut dan sungguhpun kesulitan-kesulitan yang dihadapi olehnya adalah merugikan, ianya masih bersedia untuk meneruskan projek itu dan menunaikan kewajipan-kewajipannya di bawah kontrak. Saya harap keadaan sebenarnya yang saya telah terangkan di atas telah menjawab soalan Ahli Yang Berhormat.

ISU KOPON SUBSIDI PADI LPN DI ALOR STAR

36. Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan siapakah sebenarnya anasir-anasir yang telah mengambil kesempatan dari isu kopon subsidi padi LPN sehingga teretusnya tunjuk-tunjuk perasaan haram di Alor Setar baru-baru ini, apakah tindakan undang-undang yang telah diambil terhadap mereka itu serta langkah-langkah lanjutan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini itu berulang lagi.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Jawapan kepada soalan yang hampir sama telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam ketika menjawab soalan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 18-3-80 dan jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Grik oleh saya pada 25-3-80. Dengan itu saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

GURU BAHASA CINA KE PENANG GIRLS' HIGH SCHOOL

37. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa :

- (a) Pengarah Pelajaran Pulau Pinang, Encik Saw Chu Thong, dengan sengajanya menghantar ke Penang Chinese Girls' High School seorang Penolong Kanan yang tidak fasih dalam bahasa Mandarin; jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membetulkan keadaan ini;
- (b) Pengarah Pelajaran Pulau Pinang enggan menghantar guru-guru bahasa Cina ke Penang Girls' High School yang amat memerlukan perkhidmatan guru-guru ini; dan
- (c) Sebilangan murid-murid di Tingkatan 4 di Penang Chinese Girls' High School terpaksa dan dipaksa oleh Pengarah Pelajaran Pulau Pinang untuk memasuki kelas aliran sains apabila mereka dan ibubapa mereka lebih gemarkan akan pelajaran perdagangan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membetulkan keadaan ini.

Dato' Chan Siang Sun:

(a) Semua Sekolah Menengah Kerajaan adalah Aliran Kebangsaan, oleh itu Guru Besar atau Penolong Kanannya tidak dikehendaki fasih dalam bahasa-bahasa selain dari Bahasa Malaysia. Oleh kerana jawatan Penolong Kanan Sekolah Tinggi Perempuan Cina, Pulau Pinang adalah jawatan kenaikan pangkat bagi guru-guru dalam Kategori D1 (guru siswazah), maka pengisiannya adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip Kenaikan Pangkat dan Sekim Perkhidmatan yang telah ditetapkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kebetulan Penolong Kanan Sekolah Menengah Perempuan Cina (Penang Chinese Girls' High School) pada masa ini ialah seorang murid tua sekolah

Menengah Chung Ling, iaitu sebuah sekolah Menengah Conforming. Dengan demikian tohmahan bahawa Penolong Kanan ini tidak fasih dalam bahasa Mandarin adalah tidak benar.

- (b) Tohmahan bahawa Pengarah Pelajaran enggan menghantar guru-guru bahasa Cina ke Sekolah Menengah Perempuan Cina (Penang Chinese Girls' High School) iaitu adalah tidak berasas sama sekali kerana sekolah tersebut sebagai sebuah Sekolah Menengah Conforming adalah sepanjang masa mempunyai guru-gurunya yang cukup yang boleh mengajar bahasa Cina.
- (c) Tohmahan bahawa Pengarah Pelajaran, Pulau Pinang memaksa murid-murid di Tingkatan 4, di Sekolah Menengah Perempuan Cina (Penang Chinese Girls' High School) memasuki kelas aliran Sains itu adalah tidak timbul dan tidak benar kerana penentuan murid-murid menaiki Tingkatan 4 sama ada aliran Sains atau aliran Sastera adalah dibuat oleh pihak Kementerian berdasarkan keputusan peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran murid-murid itu.

EKSPOT MINYAK

38. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan :

- (a) keuntungan yang telah diperolehi dari pengekspotan minyak dalam setiap tahun sejak Malaysia mula mengekspot minyak;
- (b) jumlah gelen minyak yang dicarigali, yang diekspot dan yang digunakan dalam negeri dengan memberi angka-angka pecahan bagi setiap tahun sejak Malaysia mula mengeluarkan minyak;
- (c) jumlah gelen minyak yang telah digunakan dalam Malaysia dalam tempoh lima tahun yang lalu dengan memberi angka-angka pecahan bagi (i) petrol, (ii) disel dan (iii) minyak tanah; dan
- (d) sama ada Kerajaan bercadang mengekspot hanya minyak berlebihan selepas kegunaan tempatan dan dengan ini, tidak perlu lagi mengimpor minyak.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad:

- (a) Keuntungan yang diperolehi Kerajaan, iaitu, hasil pendapatan kepada Kerajaan daripada pengeksporan minyak setiap tahun semenjak Malaysia mengeksport minyak adalah:

Tahun	Cukai Pendapatan (\$ juta)	Royalti (\$ juta)	Jumlah (\$ juta)
1971	4	6	10
1972	—	23	23
1973	27	25	52
1974	144	46	190
1975	322	78	400
1976	322	84	406
1977	776	111	887
1978	771	116	887
1979	828	116	944
	<u>3,194</u>	<u>655</u>	<u>3,849</u>

- (b) Jumlah minyak yang dikeluarkan, dieksport dan digunakan dalam negeri, mengikut tahun-tahun semenjak Malaysia mengeksport minyak, adalah:

Tahun	Pengeluaran (juta tong)	Dieksport (juta tong)	Kegunaan Tempatan (juta tong)
1975	35.8	—	10.6
1976	60.5	50.9	13.4
1977	67.0	54.6	11.4
1978	79.2	68.0	11.4
1979	103.3	82.6	11.5

- (c) Jumlah minyak yang digunakan dalam Malaysia dalam tempoh lima tahun yang lalu adalah:

Tahun	Minyak petrol (juta tong)	Disel (juta tong)	Minyak tanah (juta tong)
1975	6.0	12.0	2.1
1976	6.7	13.6	2.3
1977	7.4	14.1	2.4
1978	9.0	15.6	2.7
1979	8.9	18.4	3.0

- (d) Berdasarkan kepada keperluan bahan-bahan minyak (product requirements) oleh negara ini dan atas pertimbangan-pertimbangan kewangan, Kerajaan, di samping mengeksport dan menggunakan sebahagiannya untuk keperluan tempatan, masih perlu mengimportkan minyak dari negara-negara lain.

Nota: 1 tong (barrel)=35 Imperial Gallons.

USUL UNTUK MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN PILIHANRAYA (PINDAAN) 1980

3.36 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, saya bangun untuk memohon izin Dewan yang mulia ini menurut perintah Fasal 49 (1) untuk mengemukakan satu Rang Undang-undang Persendirian bernama Election Offences (Amendment) Bill 1980 untuk meminda Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 (Election Offences Act 1954) untuk menyatakan pindaan berikut kepada seksyen 36:

“Hendaklah diadakan hak untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan dalam kes-kes di mana pihak-pihak yang terkilan ingin merayu atas keputusan yang dibuat oleh seorang Hakim Pilihanraya”.

Apa yang terdapat sekarang dalam Undang-undang kita ialah tidak ada sebarang rayuan atas keputusan Hakim Pilihanraya. Dalam Undang-undang Pilihanraya kita tidak ada peruntukan untuk membuat rayuan. Sesuatu rayuan pilihanraya adalah dibuat menurut peruntukan-peruntukan dalam seksyen 33 (1) Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 yang dikehendaki dibicarakan oleh Hakim Besar ataupun seorang Hakim Mahkamah Tinggi yang dilantik oleh Hakim Besar bagi maksud tersebut. Biasanya rayuan boleh dibuat atas keputusan-keputusan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi kepada Mahkamah Persekutuan dan selepas itu kepada Majlis Privy bersamaan dengan izin Mahkamah Persekutuan atau dengan izin khas daripada Majlis Privy sekiranya izin seumpamanya itu tidak diberi oleh Mahkamah Persekutuan dalam perkara-perkara sivil.

Seimbias lalu saya ingin menyatakan di sini bahawa nampaknya Hakim-hakim kita dianggap oleh Kerajaan sebagai kurang arif dalam perkara-perkara sivil oleh kerana kita masih membenarkan rayuan-rayuan kepada Majlis Privy dalam perkara-perkara sivil walaupun rayuan-rayuan kepada Majlis

Privy dalam perkara-perkara Perlembagaan dan jenayah telah dimansuhkan sejak 1-1-1980.

Saya kurang memahami mengapa rayuan-rayuan atas perkara-perkara yang melibatkan nyawa manusia kepada Majlis Privy dimansuhkan. Dengan memansuhkan rayuan-rayuan kepada Majlis Privy dalam perkara-perkara sivil Kerajaan dengan jelas telah menunjukkan ia tidak menghargai tinggi nyawa manusia. Hakikat bahawa Kerajaan tidak bercadang ustuk mewujudkan satu mahkamah rayuan terakhir untuk menggantikan Majlis Privy dalam perkara-perkara berperlembagaan dan jenayah. Kerajaan hendaklah menyemak semula dengan serius pendiriannya dalam hal ini.

Kerajaan menganggap satu-satu keputusan pilihanraya itu adalah muktamad yang tidak boleh dirayu adalah betapa perlunya untuk memastikan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen itu tidak menjadi bahan keraguan. Kedudukan mereka tentu tergugat sekiranya mereka menghadapi kemungkinan rayuan-rayuan pilihanraya yang tak berkesudahan yang mungkin dan mengambil masa yang melebihi tempoh jawatan mereka. Walau bagaimanapun seorang Hakim Pilihanraya seperti seorang hakim biasa ialah seorang manusia dan boleh menjadi mangsa kesilapan manusia. Seorang Hakim Pilihanraya boleh melucutkan kerusi seorang Perdana Menteri dalam sesuatu kes rayuan pilihanraya.

Di India, Tuan Speaker, Encik Raj Narain vs Puan Indira Gandhi berjaya mendapat perisytiharan bahawa pemilihan Puan Indira Gandhi dalam kawasan pilihanraya Rae-Barelli adalah tidak sah. Kejayaan ini mengakibatkan kejatuhan Puan Indira Gandhi sebagai Perdana Menteri.

Di India rayuan-rayuan pilihanraya dibicarakan oleh satu pengadilan pilihanraya yang mengandungi hanya seorang sahaja yang dilantik oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Orang yang dilantik itu dipilih daripada satu senarai hakim-hakim daerah yang diperolehi daripada Mahkamah-mahkamah Tinggi setiap negeri.

Sebelum tahun 1956 setiap perintah pengadilan itu adalah penamat dan muktamad. Satu-satunya cara di mana perintah penga-

dilan boleh dicabar di Mahkamah Tinggi adalah melalui *Writ of Certiorari* di bawah Perkara 226 Perlembagaan India.

Selepas tahun 1956 undang-undang itu dipinda bagi menentukan rayuan-rayuan ke Mahkamah Tinggi tentang perintah pengadilan pilihanraya. Keputusan Mahkamah Tinggi atas rayuan tersebut adalah penamat dan muktamad. Undang-undang tersebut memperuntukkan bahawa setiap rayuan hendaklah diputuskan seberapa cepat yang boleh dan usaha-usaha hendaklah dibuat untuk memastikan secara muktamad dalam tempoh 3 bulan dari tarikh di mana memorandum rayuan itu dikemukakan di Mahkamah Tinggi.

Di England, Tuan Speaker, tidak ada sebarang rayuan tanpa izin khas dari Mahkamah Tinggi di dalam sesuatu interpretasi undang-undang bagi rayuan pilihanraya atas rayuan atau sebaliknya di bawah peruntukan Akta Perwakilan Rakyat, 1949 berhubung dengan rayuan pilihanraya. Sekiranya izin untuk merayu dibenarkan, keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes tersebut adalah penamat dan muktamad.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berapa panjang lagi?

Tuan Karpal Singh: Tidak berapa panjang lagi, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Duduklah dahulu! Usul Yang Berhormat kemukakan ialah di bawah Fasal 49. Peraturan Mesyuarat 49 boleh dibenarkan Yang Berhormat mengemukakan hanya perkara-perkara besar yang dicadangkan hendak dimasukkan di dalam Rang Undang-undang itu kelak kalau diluluskan oleh Dewan ini. Jadi bukan hujah-hujahnya. Kalau hujah, itu bila sudah dibahas. Jadi, apa perkara yang besar, main features of the proposed Bill. Itu yang hendak dinyatakan di sini. Bukan bahasnya. Kalau sudah lulus di sini, barulah boleh dibahas bacaan kali yang pertama.

Tuan Karpal Singh: Minta maaf, Tuan Speaker, tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat pun baru kali yang pertama menggunakan Fasal 49 itu.

Tuan Karpal Singh: Itu betul, ada silap.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Sila.

Tuan Karpal Singh: Hakim Mohamed Zahir di dalam satu rayuan pilihanraya, Zulkarnaini bin Mohamed Noor vs. Syed Omar bin Mohamad & Another di Mahkamah Tinggi Kuala Trengganu pada 10hb Disember, 1978 mencadangkan satu rujukan segera selepas keputusan di dalam sesuatu rayuan pilihanraya kepada Mahkamah Persekutuan dalam tempoh yang pendek boleh menjadi jawapan kepada pembetulan sebarang kemungkinan kesalahan di dalam undang-undang bagi pihak hakim pilihanraya.

Terdapat begitu banyak sekali rayuan pilihanraya selepas Pilihanraya Umum yang lalu. Hanya Hakim Fred Arulanandom sahaja yang membenarkan rayuan pilihanraya yang difailkan oleh Datuk Khoo Kay Por, calon Barisan Nasional selepas kemenangan cemerlang DAP di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Kampung Kolam di Pulau Pinang. Malangnya DAP tidak dapat merayu lebih lanjut dan begitu juga orang-orang lain yang rayuan pilihanraya mereka telah ditolak.

Setiap orang mempunyai hak untuk berbanding di dalam pilihanraya. Ini tidak perlu dipertikaikan lagi. Oleh itu jalan keluar bagi tindakan undang-undang kepadanya tidaklah boleh dihadkan setakat Mahkamah Tinggi sahaja. Sepatutnya hak merayu kepada Mahkamah Persekutuan hendaklah diselesaikan secepat mungkin, katakan dalam tempoh 6 bulan, untuk memastikan kedudukan Ahli Dewan Undangan Negeri atau Ahli Dewan Rakyat supaya mereka tidak berada di dalam keadaan yang ketidakpastian.

3.45 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jelutong yang membawa usul ini membangkitkan perkara penghentian kita dalam ulang bicara hingga ke Privy Council berkenaan jenayah dan juga Perlembagaan dan yang masih kita teruskan ialah untuk sivil sahaja.

Perkara ini telah dibincangkan banyak kali dan saya telah menyatakan sebab-sebabnya dan nampaknya asas Yang Berhormat mem-

bawa usul ialah tiap-tiap satu perbicaraan itu lagi banyak diulang bicara, lagi tinggi, lagi baik. Tetapi sebagaimana kita maklum semua manusia; katanya, seorang tidak hilang daripada silap. Kalau dibawa kepada Privy Council sekalipun, kalau ada pula ultra Privy Council atas itu mengatakan Privy Council pun salah juga. Bawa lagi setapak ke langit pun ada yang salah lagi. Hingga pada Tuhan baru dapat tahu. Nyatalah Privy Council tidak boleh putus, di Malaysia ini ada keputusan.

Tentang kesilapan, semua manusia silap termasuk ke Privy Council sekalipun. Tetapi di sini saya mengingatkan iaitu kita telah memutuskan dua perkara yang tidak dapat dibicarakan di Privy Council dan tinggal satu sahaja, sivil. Tetapi satu masa kelak rasa saya patut semua jangan diadakan rayuan ke Privy Council lagi.

Banyak lagi negara yang telah merdeka, negara-negara Commonwealth yang lain telah memutuskan tidak lagi dibicara di bawah Privy Council. Ini ialah bagi meninggikan kedaulatan negara kita dan nama baik hakim-hakim kita dan Mahkamah Tinggi kita, tetapi sebab saya terangkan di sini sivil itu masih kita benarkan lagi ialah bukan sebab tidak ada kebolehan Mahkamah Persekutuan kita memutuskannya, kita menggalakkan orang-orang luar menanam modal di sini sekiranya adalah perasaan mereka itu, salah seorang tidak puas hati, bimbang atas independence of our Judiciary dia boleh bawa ke Privy Council, tidak ada bimbang langsung. Itu sahaja satu daripada sebab yang mustahak supaya mereka yang menanam modal berapa banyak dalam negeri ini kalau sekiranya tidak puas hati atau ada bimbang ke atas independence Judiciary kita boleh membawa ke Privy Council.

Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, semenjak kita merdeka, ada pilihanraya dan sekarang 23 tahun diatur undang-undang ini nampaknya berjalan dengan cukup baik sehingga sekarang ini. Tidak ada keraguan mana-mana pihak sekalipun dan saya nyatakan di sini, sebagaimana Dewan sedia maklum tiap-tiap petisyen pilihanraya hendaklah dibicarakan oleh Hakim Besar atau oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi yang dinamakan olehnya. Relif-relif yang si petisyen mungkin berhak mendapat pendapat dan boleh tuntutan dalam sesuatu petisyen pilihanraya dan termasuk perisytiharan bahawa

pilihanraya itu salah atau tidak sah, bahawa orang yang dipilih telah tidak dipilih dengan sempurna misalnya, atau sepatutnya telah tidak dipilih, atau bahawa seseorang calon itu telah dipilih dengan sempurna dan sepatutnya telah dilapor dipilih.

Scrutiny juga boleh dituntut jika seorang calon yang tidak berjaya tidak puas hati atas alasan bahawa beliau telah mendapat undi yang lebih, yang terbanyak yang sepatutnya sah di sisi undang-undang maka boleh juga dihitung semula undi itu.

Petisyen pilihanraya bolehlah dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi oleh seseorang pengundi atau yang telah ada hak mengundi mengikut undang-undang. Selepas perbincangan itu, Tuan Yang di-Pertua, petisyen pilihanraya seseorang Hakim Pilihanraya hendaklah membuat perakuan mengenai keputusannya kepada Suruhanjaya Pilihanraya atau Pihakberkuasa Negeri, mengikut mana yang berkenaan, yang hendaklah dalam tempoh satu bulan dari keputusan itu memberi notis pilihanraya dalam bahagian pilihanraya atau kawasan pilihanraya yang berkenaan mengikut perakuan itu.

Waktu, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini adalah menjadi faktor yang utama, yang amat penting dalam sesuatu petisyen pilihanraya. Setiap petisyen itu hendaklah diselesaikan dengan secepat mungkin supaya pihak-pihak yang terlibat dalam petisyen pilihanraya itu dapat tahu kedudukan masing-masing pada awal-awal lagi. Jika tidak, peraturan dan perjalanan bahagian pilihanraya atau kawasan pilihanraya yang berkenaan akan tergendala. Boleh jadi kalau kita hendak sampai kepada Privy Council selama tiga tahun kawasan itu tidak ada wakil rakyat kerana menunggu keputusannya.

Tugas membicarakan sesuatu petisyen pilihanraya diberi kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi. Bukan macam dalam suruhanjaya berkenaan dengan trade dispute dan lain-lain, ini Mahkamah Tinggi sendiri. Ini mencerminkan taraf seorang Hakim Pilihanraya itu. Tidaklah diduga bahawa

seorang Hakim Mahkamah Tinggi yang telah dinamakan oleh Hakim Besar untuk tugas khas seperti ini akan sia-sia buat keputusan yang tidak menentu dalam sesuatu petisyen pilihanraya.

Keputusannya hendaklah dianggap muk-tamad dan notis pilihanraya mengenainya hendaklah dibuat dalam tempoh satu bulan. Pihak-pihak yang terlibat tidaklah perlu menunggu-menunggu akan keputusan petisyen itu. Ianya akan mengambil masa yang panjang jika rayuan terhadap keputusan itu dibenarkan dan ini adalah tidak sihat bagi rakyat jelata jika kedudukan wakil rakyat yang terlibat belum dapat dipastikan selepas tempoh yang panjang. Ini yang kita kira selama ini apakala Kerajaan membawa undang-undang dalam Parlimen, sekarang sudah 23 tahun berjalan dengan cukup licin, memandangkan tidak ada mustahak kita adakan ulangbicara atas keputusan seorang Hakim Pilihanraya itu ke Mahkamah Persekutuan kerana kita penuh kepercayaan kepada kebolehan, kejujuran dan independent seorang hakim yang membicarakan itu. Keputusannya boleh jadi sebelah pihak Pembangkang atau sebelah kita, kita terima tetapi pada pendapat Kerajaan kita tidak akan meminda perkara ini kerana sebagaimana saya katakan tadi masa itu yang amat penting. Inilah satu daripada sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu lagi membawa kes Perlembagaan kita sehingga ke London, kadang-kadang memakan masa sehingga 2-3 tahun.

Saya bertemu banyak kali dengan Hakim-hakim Privy Council, berbual dengan saya mengatakan kalau perkara ini dibenarkan macam kes Perlembagaan dan kes lain-lain dibawa ke London sehingga 3-4 tahun apa akan jadi pada negeri tuan, katanya kalau kes berkenaan Perlembagaan tak diputuskan dalam 3 tahun? Ini satu perkara yang kita pertimbangkan. Sebab itulah perkara macam Perlembagaan dan pilihanraya ini hendaklah dipercepatkan keputusannya.

Dengan alasan-alasan yang tersebut, Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kerajaan menolak usul Ahli Yang Berhormat itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.53 *ptg.*

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan satu Rang Undang-undang Bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Dadah Berbahaya 1952.

Ordinan Dadah Berbahaya 1952 adalah satu Ordinan yang bertujuan untuk mengawal penggunaan dadah berbahaya yang halal ("licit use").

Cadangan pindaan kepada seksyen 2 Ordinan tersebut ialah bertujuan untuk menggantikan takrif "Cannabis" dengan satu definisi yang lebih tepat, ianya adalah juga untuk memasukkan takrif bagi perkataan baru iaitu "Drug Enforcement Officer" dan dengan adanya takrif bagi perkataan baru ini, takrif bagi perkataan "Inspector" hendaklah dimansuhkan.

Kementerian Kesihatan mendapati bahawa takrif terdapat perkataan "Cannabis" dalam Ordinan Dadah Berbahaya 1952 tidak mencukupi untuk tujuan pengawalan. Ianya harus dipinda untuk meluaskan penglibatannya bagi menentukan bahawa kes-kes di bawah Ordinan ini atas kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan "Cannabis" akan berjaya dan tidak gagal semata-mata atas sebab-sebab teknikal. Sebagai contohnya di dalam satu kes Inggeris R.V. Goodchild/1977/2 A11 E.R. 163 yang melibatkan interpretasi satu takrif "Cannabis" di bawah "Misuse of Drug Acts 1971, England", hukuman-hukuman ke atas orang yang dituduh melakukan kesalahan mengenai "Cannabis" dibatalkan oleh Mahkamah Rayuan kerana adalah tidak dapat ditunjukkan bahawa bahan-bahan "Cannabis" berasal daripada "The Flowering or Fruiting Tops" pokok itu. Kes ini juga menunjukkan bahawa daun "Cannabis" yang mengandungi "psycho-active" pokok itu dan biasanya dihisap tidak diliputi oleh takrif. Akibat dari kes "Goodchild" ini takrif "Cannabis" di dalam Akta Inggeris itu telah dipinda. Di bawah Takrif baru ini, sebarang bahagian pokok, melainkan bahagian-bahagian yang dikecualikan akan diliputi oleh

takrif perkataan "Cannabis". Takrif baru ini mengeneipkan keperluan bagi membuktikan bahan Cannabis berasal dari sesuatu bahagian pokok itu dan mengandungi daun. Takrif Cannabis yang didapati di Malaysia dalam seksyen 2 Ordinan Dadah Berbahaya 1952 itu adalah sama dengan takrif lama dalam Akta Inggeris tersebut. Dengan sebab itu perlulah takrif ini dipinda selaras dengan takrif baru dalam Akta Inggeris itu.

Pada masa ini semua ahli farmasi dalam perkhidmatan awam dilantik menjadi "Inspektor" di bawah seksyen 3 Ordinan Dadah Berbahaya 1952. Kementerian ini berpendapat bahawa satu nama yang lebih tepat harus diberi kepada ahli farmasi untuk membezakannya daripada Inspektor Polis. Sekiranya nama itu ditukarkan menjadi "Drug Enforcement Officer", ini akan mengelakkan sebarang kekeliruan yang timbul atau yang mungkin timbul yang disebabkan oleh nama "Inspektor" itu.

Ahli farmasi yang dilantik di bawah seksyen 3 hanya bertindak di bawah seksyen kecil 3 seksyen 27 iaitu ia hanya mempunyai kuasa untuk masuk ke dalam kedai dan memeriksa rekod dan stok dadah-dadah berbahaya yang didapati di dalam kedai itu sahaja. Pindaan kepada seksyen 27 adalah bertujuan untuk memberi kuasa yang lebih luas kepada ahli-ahli farmasi tersebut bagi menjalankan penyiasatan, umpamanya, kuasa untuk menggeledah dan merampas dadah berbahaya, buku-buku dan dokumen-dokumen. Dengan pindaan ini pegawai itu akan diberi kuasa yang serupa dengan pihak polis dan kastam kecuali kuasa untuk menangkap orang.

Berasaskan kepada sebab-sebab yang disebutkan di atas, tindakan yang sewajarnya adalah untuk meminda Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 bagi mencapai tujuan memperketatkan kawalan berkaitan dengan penjualan dadah berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan Rang Undang-undang bertajuk Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1980 supaya diluluskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat soalnya, sekarang ialah satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Dadah Berbahaya 1952 dibacakan kali kedua sekarang dan dibuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.58 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memasuki perbahasan ini saya harap pada masa akan datang apabila Rang Undang-undang seperti ini dibentangkan satu naskah dalam Bahasa Malaysia sepenuhnya patutlah diberikan. Memang saya memahami kesulitan pihak berkenaan untuk mengeluarkan teks dalam Bahasa Malaysia sepenuhnya kerana disebabkan technical translation, tetapi bagi kita yang hendak berucap dalam Bahasa Malaysia ini kadang-kadang mungkin terjemahan kita tidak tepat dalam menggunakan istilah-istilah yang berkenaan. Itulah satu permintaan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong bahawa satu pindaan telah diadakan bagi Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1980 ini. Memang kita semua sedari bahawa masalah dadah ini telah membanjiri di seluruh dunia khususnya di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kita khuatirkan sekarang bukanlah sahaja dari segi penguatkuasaan undang-undang yang berkenaan terhadap masalah dadah yang Malaysia hadapi. Memang tindakan undang-undang adalah sangat mustahak untuk menyekat, mengawal dan mencegah segala kenyataan pengedaran dadah atau penagihan dadah untuk menyelamatkan masa depan masyarakat dan negara kita. Selain daripada tindakan undang-undang yang tegas yang mungkin boleh berkesan untuk sementara waktu ini, adakah pihak Kerajaan sungguh-sungguh memberikan satu perhatian yang berat terhadap perkara ini. Sungguhpun isu ini pernah saya bangkitkan dalam perbahasan belanjawan tahun lepas tetapi nampaknya Kerajaan masih kelalaian dari segi berpuncunya masalah dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendesak Kerajaan boleh meninjau dan mengkaji serta menganalisis sebab musabab yang mengakibatkan begitu ramainya rakyat Malaysia,

pemuda-pemudi termasuk kakitangan Kerajaan juga termasuk personnel polis dan tentera dalam perkara ini.

Peraturan rakyat Malaysia yang terlibat dalam penagihan dadah ini adalah sangat-sangat memeranjatkan, kalaulah keadaan ini tidak dikawali, apakah yang akan berlaku kepada Malaysia pada masa yang akan datang ini. Memang Kerajaan ada melancarkan kempen-kempen yang berkenaan untuk mendidik dan memberitahu rakyat tentang betapa bahayanya masalah dadah ini. Tetapi adakah mencukupi bagi Kerajaan hanya bertindak pada peringkat ini? Saya fikir satu kempen pelajaran sosial dan politik yang lebih berkesan boleh dijalankan dan dilancarkan baik dari tiap-tiap rumahtangga atau dari semua peringkat sekolah atau di semua lapisan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan semua masalah ini kerana saya dapati Kerajaan masih bersikap tidak apa terhadap kempen pelajaran sosial dan politik ini, kerana masalah dadah ini bukanlah satu masalah undang-undang yang boleh diatasi dengan tindakan undang-undang sahaja.

Masalah pengedaran dadah atau penagih dadah adalah merupakan satu masalah sosial negara kita maka unsur-unsur kemasyarakatan perlu ditinjau dan dikaji supaya punca-punca yang membawakan rakyat Malaysia terjerumus dalam keadaan atau kenyataan maksiat ini bolehlah dikesani, barulah tindakan-tindakan preventive dapat diambil.

Tuan Yang di-Pertua, DAP sebagai parti Pembangkang, tetapi DAP adalah juga bertanggungjawab untuk menolong Kerajaan mengawal dan mengawasi masalah ini supaya masa depan negara kita boleh diselamatkan. Yang saya khuatir dan yang rakyat khuatir ialah kalaulah percentage penagih dadah di Malaysia kian meningkat mungkin berpunca dari masalah sistem pelajaran kita atau sistem pemerintahan Kerajaan yang mungkin terlibat, Kerajaan tidak dapat memberi atau menawarkan peluang-peluang pelajaran yang mencukupi atau peluang-peluang pekerjaan yang mencukupi sehingga mengakibatkan putus asa di kalangan pemuda-pemuda kita, mungkin disebabkan faktor-faktor ini yang mengakibatkan kakitangan Kerajaan atau personnel polis dan tentera terlibat dalam penagihan dadah, ini adalah sangat serius

kalau kita masih berkeadaan seperti ini, kita perlulah sama-sama mempelajari secara perang opium yang berlaku di Tiongkok pada masa yang lampau di mana kita boleh lihat secara ini bagaimana opium ini boleh melemahkan sebuah negara, melemahkan rakyat baik dari segi rohani dan jasmani. Mungkin satu hari kalau Kerajaan tidak bertindak tegas terhadap perkara ini dan Malaysia mungkin akan menimpa nasib yang sama sepertimana secara yang selalu ditunjukkan bahayanya kalau rakyat kita ada terlibat dalam penagihan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan boleh memberikan satu pertimbangan yang serius dan sewajarnya terhadap seruan dan cadangan-cadangan DAP selama ini. Di dalam Dewan mulia ini adalah tempat yang paling sesuai bagi kita bersama-sama untuk membincangkan masalah itu.

Di sini saya hendak memberitahu Dewan yang mulia ini memang tindakan undang-undang yang tegas perlu diperketatkan lagi tetapi di samping itu, saya merayu Kerajaan boleh mengambil beberapa langkah yang mustahak yang saya cadangkan iaitu:

Pertama, kita perlu menubuhkan satu jawatankuasa sepertimana yang ada disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengkaji punca-punca yang mengakibatkan masalah ini kian menjadi serius di Malaysia.

Yang kedua, ialah di setiap negeri perlu ditubuhkan Pusat Pemulihan bagi penagih-penagih dadah. Saya dapati ada sebahagian penagih dadah sungguhpun sudah dilepas keluar dari Pusat Pemulihannya, ianya tidak diterima dan dilayani oleh masyarakat kita, mereka masih dianggap sebagai orang yang bahaya terhadap masyarakat sehingga mereka putus asa untuk mencari satu kerja untuk membolehkannya memulakan satu hidup yang baru.

Di sini saya harap Kerajaan boleh mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh penagih dadah yang sudah mengalami, yang sudah menjalani pemulihan, tetapi masalah yang kemudiannya tidak dapat diatasi kerana kelalaian Kerajaan. Mungkin disebabkan oleh kerana kesedaran masyarakat kita untuk memberi peluang kepada penagih-penagih dadah ini. Memang mereka membuat satu kesilapan tetapi kalaulah masyarakat tidak boleh memaafkan mereka, mungkin

usaha Kerajaan mahu membolehkan mereka atau membebaskan mereka daripada bahaya itu akan memaksa mereka sekali lagi menagih dadah lagi. Sebab itu usaha-usaha ini perlulah diambil berat oleh Kerajaan dan saya dapati Pusat seperti ini sangat kurang dan tidak cukup untuk menampung bilangan penagih-penagih dadah yang ada di negara kita.

Saya pernah dihubungi oleh para ibubapa mengenai bagaimana memasukkan anak mereka kerana tempat-tempat yang berkenaan sudah penuh sesak. Di sini nampaknya adalah satu masalah yang kita hadapi baik di General Hospital atau tiap-tiap hospital besar, baik di Melaka tidak ada tempat kerana Kerajaan tidak ada satu planning yang lebih lengkap untuk mengatasi masalah itu.

Cadangan yang kedua, saya berharap Kerajaan atau Yang Berhormat Menteri boleh memberitahu Dewan yang mulia ini apakah langkah-langkah akan diambil untuk melancarkan satu kempen pelajaran sosial dan politik mengenai masalah itu, baik dari segi undang-undang, baik dari segi pencegahan, baik dari segi pengawalan, baik dari segi pemulihan atau apapun yang boleh membolehkan satu penyelesaian hari ini.

Tuan Speaker, saya tidak percaya langsung hanya dengan undang-undang sahaja boleh mengatasi masalah ini. Kalaulah Kerajaan boleh mencari satu jalan atau beberapa jalan yang lebih berkesan sepertimana yang saya cadangkan tadi supaya negara kita boleh diselamatkan. Saya sangat terperanjat di mana-mana negeripun di dalam Malaysia kita boleh terbaca amaran atau kenyataan yang diberikan oleh Menteri-menteri Besar atau Ketua-ketua Menteri sendiri tentang masalah penagihan dadah yang berlaku di kalangan perkhidmatan awam termasuk polis dan tentera.

Di sini kita perlulah berwaspada terhadap musuh ini, mungkin musuh ini dalam selimut kita sendiri. Tidak usah melalui perang, Malaysia akan runtuh melalui penagihan dadah sepertimana yang saya sebutkan contoh yang berlaku di Tiongkok iaitu Perang Opium.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

4.11 ptg.

Tuan Bujang bin Haji Ulis (Simunjan):

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengambil bahagian dalam membincangkan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) yang dibentangkan di sidang ini pada petang ini dan menyokong dengan sepenuhnya apa yang telah diperkatakan dan dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan tadi.

Tibalah masanya bagi kita rakyat Malaysia, khususnya pemimpin-pemimpin yang dipilih oleh rakyat untuk menyedari hakikat bahawa masanya telah tiba untuk kita mengambil tindakan yang tegas dan keras dan memberi pandangan yang serius terhadap keadaan generasi muda kita di masa ini dan juga di masa-masa akan datang.

Kita kini telah berada di era iaitu di masa bilamana kita menghadapi ancaman-ancaman daripada anasir-anasir yang ingin hendak menjatuhkan moral anak-anak kita, yang ingin hendak menjadikan kita golongan manusia yang rendah mutunya, rendah peribadinya. Jadi sebelum perkara ini meresapi di sanubari anak-anak muda kita, generasi kita supaya mereka akan dapat selamat di masa-masa akan datang, maka inilah masa yang tepat dan betul untuk pihak Kerajaan meluluskan satu Rang Undang-undang yang akan memberi kesan yang positif terhadap masa hadapan bangsa, terutama sekali generasi kita di masa ini dan di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memajukan sebuah masyarakat itu tidak cukup kita menitikberatkan hanya dalam bidang ekonomi, dalam bidang yang hanya mementingkan kemajuan ekonomi ataupun kebendaan sahaja. Yang sama pentingnya ataupun boleh dikatakan lebih penting ialah usaha-usaha kita untuk meninggikan taraf dan tingkat rohani seseorang itu ataupun golongan masyarakat itu. Dengan ini saya rasa untuk memberi santapan rohani yang banyak kepada ahli dan anggota masyarakat maka dengan secara langsung ataupun tidak langsung kita patut mengambil satu tindakan untuk membenteraskan kemeresapan masalah-masalah yang kini dihadapi oleh kita iaitu masalah penyalahgunaan dadah. Saya teringat, Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah diperkatakan

oleh seorang professor, Shamsulhaq namanya; saya minta izin quote dalam bahasa Inggeris—

(Dengan izin) "Development in a society implies changes in the political, economic, social and cultural system as may be warranted to ensure the optimum use of a country's resources, human as well as physical, to raise the living of the people."

Perkara yang telah saya quote tadi membuktikan kepada kita bahawa kemajuan bukan hanya harus dititikberatkan dalam bidang ekonomi, dalam bidang politik tetapi juga dalam bidang sosial dan kebudayaan. Timbul soalan kepada kita di mana rohani, di mana kemajuan kerohanian di sana kita boleh memasukkan. Saya rasa dalam bidang sosial dan kebudayaan kerana kebudayaan mengikut terjemahan yang benar-benar boleh diterima ialah kebudayaan meresapi seluruh cara hidup manusia. Kalau manusia itu seorang yang beragama Islam, bermakna cara hidupnya ialah mirip kepada mengikut cara-cara penghidupan orang Islam dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penyalahgunaan dadah iaitu sebagaimana yang telah saya perikatakan ialah masalah yang harus kita pandang serius, yang seharusnya tidak kita pandang ringan kerana ini melibatkan kemajuan masyarakat Malaysia, hidup matinya negara Malaysia, masyarakat Malaysia di masa akan datang. Sekiranya anak-anak muda khayal akibat dari penyalahgunaan dadah, sekiranya anak-anak muda kita khayal akibat dari itu dan tidak boleh berbuat apa-apa untuk bekerjasama dengan pihak Kerajaan, ibubapa dan sebagainya untuk memajukan negara, maka harapan kita untuk mendapat sumbangan daripada generasi-generasi muda ini untuk memajukan negara akan tidak memberi makna yang sebenarnya, tidak ada erti (no point).

Tuan Yang di-Pertua, dengan terbentangnya Rang Undang-undang ini di sidang ini pada petang ini menjelaskan ataupun menunjukkan kepada rakyat bahawa Kerajaan benar-benar memandang berat terhadap masalah penyalahgunaan dadah yang dihadapi oleh kita di masa ini dan menunjukkan bahawa Kerajaan benar-benar memandang serius terhadap pertumbuhan ataupun pembangunan jasmani dan rohani generasi muda kita di masa ini dan di masa akan datang.

Juga dengan terbentangnya Rang Undang-undang ini menunjukkan ketegasan pihak Kerajaan dalam mengimplementasikan segala apa yang telah diluluskan dalam Dewan yang mulia ini dan juga ketegasan Kerajaan untuk melaksanakan Rang Undang-undang yang telah diluluskan.

Ketiga, dengan terbentangnya Rang Undang-undang ini dan diluluskan, harapan kita ialah memberi amaran kepada golongan-golongan mereka yang telah terlibat dalam aktiviti yang merbahaya ini supaya mereka itu berpaling tadah dan tidak terus-menerus mengamalkan perbuatan yang dikutuk oleh masyarakat dan dikutuk oleh Tuhan. Juga tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan ialah satu amaran pengajaran juga kepada pihak peniaga yang telah terlibat dalam pengedaran dadah yang mengakibatkan aktiviti penyalahgunaan dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan lulusnya Rang Undang-undang ini kelak maka Kerajaan akan bersikap tegas, akan mengambil tindakan yang serius dan efektif terhadap pengguna-pengguna dan pengedar-pengedar dadah di negara ini. Di samping itu saya juga berharap moga-moga Rang Undang-undang ini bukan hanya dipergunakan untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang mengedar dan sebagainya tetapi untuk memulihkan mereka yang telah terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Ini bukan bermakna saya bersetuju dengan Yang Berhormat wakil DAP tadi, tetapi ini telah dicatitkan dalam nota saya dan niat saya hendak meluahkan dalam sidang ini.

Saya juga berharap semoga Rang Undang-undang ini bukan hanya dijadikan satu Rang Undang-undang tanpa pengimplementasi yang efektif, maksud saya pegawai-pegawai yang dimaksudkan tadi akan diperbanyakkan supaya pengawasan dan sebagainya akan dapat dijalankan dengan berkesan dan efektif, kerana memang kadangkala Rang Undang-undang itu ada, undang-undang itu ada tetapi perlaksanaan itu tidak efektif. Jadi harapan kita ialah supaya kemudahan alat-alat dipersempikan supaya akan dapat dilaksanakan undang-undang yang telah diluluskan itu supaya ianya menjadi efektif.

Akhir kata saya juga ingin menjelaskan bahawa Kerajaan membentangkan Rang Undang-undang ini bukanlah disebabkan harapan dan kehendak pihak DAP tetapi

saya rasa ialah pihak semua rakyat di negeri ini khasnya Wakil-wakil Rakyat yang ada di Dewan ini. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Setapak.

4.22 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama bangun untuk menyokong satu Akta meminda Ordinan Dadah Merbahaya 1952 yang dinamakan Akta Dadah Merbahaya (Pindaan) 1980.

Kalau kita kaji Pindaan ini daripada tahun 1952 kepada tahun 1980, pindaan ini baru dibuat selepas 28 tahun sesudah Akta yang pertama itu wujud.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan ini, saya lihat disebabkan Kementerian yang mengemukakan adalah Kementerian Kesihatan ialah masalah kawalan daripada Kementerian Kesihatan kepada penjual-penjual bahan-bahan dadah sehingga terlantik pertukaran nama daripada seorang, Inspector kepada Penguatkuasa (Enforcement). Saya rasa pindaan ini, dengan izin, very misleading pada pandangan orang ramai dan tidak kena pada tempatnya kalau tugas Kementerian ini tidak diberi dengan sewajarnya, masalah yang dihadapi oleh negara kita pada hari ini berkaitan dengan penyalahgunaan dadah.

Pindaan ini cuma menitikberatkan masalah istilah sejenis dadah merbahaya, jenis "cannabis". Kedua pertukaran nama "Drug Enforcement Officer" daripada Inspector, dan ketiga tidak ada menyebutkan masalah perlaksanaan kuatkuasa dan tanggungjawab yang lanjut mengenai perlington baru. Di sini dikatakan pegawai-pegawai terus memang jawatan, maknanya pegawai yang lama itu terus memegang jawatan dengan kuasa nama yang baru. Dalam masalah ini, saya minta penjelasan daripada pihak Kementerian sama ada tugas "Drug Enforcement Officer" ini mempunyai kuasa boleh menolong badan-badan sukarela seperti PEMADAM untuk memberkas tempat-tempat penagih dadah juga untuk menolong penagih-penagih dadah dan untuk menolong menangkap penagih-penagih dadah

ini dibawa kepada pengetahuan yang mempunyai kuasa ataupun pegawai itu sendiri mempunyai kuasa boleh menangkap. Sebab dalam huraian di sini cuma orang-orang yang demikian menjalankan sama ada dengan warrant atau tanpa warrant kuasa-kuasa mensyaki, mengeledah, meminta dan menahan tetapi dalam penerangan Timbalan Menteri tadi ialah jawatan pharmacist itu. Itulah saya katakan pandangan daripada kami dan juga pandangan daripada orang ramai apabila Kerajaan membuat sesuatu pindaan masalah menggunakan perkataan dadah ini ialah tindakan pihak Kerajaan seolah-olah untuk menolong mengurangkan, mengatasi keadaan penagihan dadah yang sedang teruk di dalam negara kita.

Dalam perkara ini saya minta di Dewan yang mulia ini supaya kuasa yang ada kepada Pegawai Penguatkuasa Dadah Merbahaya ini ditambah, diperluaskan supaya dapat menolong membasmi penyalahgunaan dadah di kalangan penagih-penagih dadah di dalam negara kita. Selain daripada hari ini, misalnya badan-badan sukarela seperti PEMADAM yang kita tahu hubungan kita cuma dengan pihak polis dan Pegawai Kebajikan Masyarakat tetapi tidak tahu wujudnya Pegawai Penguatkuasa Dadah Merbahaya ini. Ini juga saya minta pegawai ini memperkenalkan diri untuk bekerjasama dengan badan-badan sukarela seperti PEMADAM khasnya yang diwujudkan dalam negara kita supaya dapat menyelaras dan menghubungi serta menasihatkan PEMADAM menjalankan tugas-tugas yang sesuai dan juga memberi ilmu pengetahuan kepada ahli-ahli PEMADAM supaya dapat ahli PEMADAM ini menjadi mata dan telinga kepada pegawai-pegawai yang berkenaan, sebab yang kita tahu pihak polis sendiri pun sekarang amat sukar untuk bertindak menangkap terutamanya sekali orang-orang yang menjual dadah ini. Penagih-penagih dadah sekarang kita tahu sudah ramai, berapa banyak yang ada dapat kita tolong buatkan berbagai aktiviti dan tempatnya, tetapi masalah besar yang dihadapi oleh Kerajaan kita pada hari ini "the trafficker", orang-orang yang bertanggungjawab menjual, mengedar dadah-dadah ini.

Dalam perkara ini, sukacita saya minta penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri atau pihak Kementerian Kesihatan sejauh mana dengan adanya perlantikan Pegawai

Penguatkuasa Dadah Merbahaya ini boleh dapat mencegah, menolong membasmi atau mengurangkan pengedaran dadah yang berleluasan di dalam negara kita. Juga saya ingin memberi satu pandangan yang lebih jauh sedikit sejauh mana pula pegawai-pegawai ini akan dilengkap.

Dalam perkara ini, sukacita saya memberi pandangan hendaklah ingat pengedar dadah banyak melibatkan wang ringgit yang besar dan saya minta kepada Kementerian pengawasan supaya kriteria ataupun quality, mutu pegawai-pegawai yang hendak dilantik menjalankan penguatkuasa ini hendaklah terdiri daripada orang-orang yang mempunyai semangat dan tanggungjawab jangan mudah dibeli. Dan dalam perkara inilah saya lebih suka pegawai-pegawai ini menghampirkan diri dengan PEMADAM supaya pihak pegawai yang tersebut akan mengetahui lebih mendalam hasrat rakyat ibubapa apabila menjalankan tugasnya dalam perkara penguatkuasa ini.

Yang keduanya, saya juga mengambil kesempatan membuat cadangan pada hari ini bagi membahaskan pindaan Akta ini. Kita tengokkan sekarang ada timbul sedikit percanggahan masalah letaknya tanggungjawab dan kuasa mengenai kedudukan penyalahgunaan dadah di dalam negara kita. Saya perhatikan masalah penagih-penagih dadah ini banyak diberi kuasa dan tanggungjawab kepada Kementerian Kebajikan Am. Ini saya tidak bersetuju sebab Kementerian Kesihatanlah yang paling sesuai kerana Kementerian Kesihatan mempunyai segala jenis kemudahan, mempunyai segala pakar-pakar, kenapa tanggungjawab pemulihan penagih-penagih dadah ini diletakkan di bawah Kementerian Kebajikan Am? Saya mengakui kebolehan Kementerian Kebajikan Am untuk menolong tetapi apabila kita sebut pemulihan maknanya kita berkehendakkan orang yang sakit ini diubati. Tetapi Kementerian Kebajikan Am tidak mempunyai pakar-pakar dan doktor-doktor.

Di dalam perkara ini sukacitalah saya mengambil kesempatan mencadangkan supaya masalah pemulihan penagih dadah ini ditukarkan tanggungjawabnya, diambil alih oleh Kementerian Kesihatan. Maknanya semua pusat pemulihan ini hendaklah diletakkan di bawah Kementerian Kesihatan dan Kementerian ini hendaklah bertanggungjawab menyusun dan bekerjasama dengan

Kementerian Kebajikan Am, PEMADAM dan apa sahaja badan-badan supaya menolong mengubati penagih-penagih dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar pada hari ini ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat maka saya selaku Timbalan President PEMADAM Malaysia hari ini inginlah merakamkan ucapan terima kasih kepada anggota DAP dari Kota Melaka sebab inilah kali pertama saya mendengar dengan telinga saya sendiri seorang anggota Parti Pembangkang pernah memuji Kerajaan menitikberatkan masalah berkenaan dengan dadah.

Di dalam perkara ini sukacitalah juga saya menyambung hasrat beliau supaya janganlah masalah penyalahgunaan dadah ini dilepukkan 100% atas tanggungjawab Kerajaan. Hendaklah parti-parti seperti DAP ini juga menjalankan usaha-usaha berbentuk sukarela, menyampaikan maklumat-maklumat dan pendidikan kepada orang ramai terutama sekali ibubapa-ibubapa di dalam kawasan mereka masing-masing. Tetapi apa yang saya difahamkan apabila berlaku penagihan atau komplek serta rayuan daripada ibubapa parti-parti pembangkang ini bercakap menyalahkan Kerajaan. Kadangkang itu masalah penagihan dadah ini diperalatkan sebagai cakap-cakap meracuni rakyat menentang Kerajaan. Maka dalam pada inilah saya sambil mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada sahabat saya dari Kota Melaka, saya minta beliau juga menetapkan supaya dasar menolong mengurangkan penagihan dadah di dalam manifesto politik parti DAP secara jujur dan ikhlas menyampaikan kepada pihak ibubapa dan orang ramai. Salah satu daripada pendidikan bukan semata-mata menunggu daripada pihak Kerajaan sahaja. Dengan sebab itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melancarkan PEMADAM sebab berkehendakkan penyertaan orang ramai dari semua lapisan rakyat tidak kira apa kaum, ugama dan keturunan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada Kerajaan khasnya kepada Kementerian ini menjalankan usaha untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah di dalam negara kita ini menjadikan satu projek keutamaan sebab kita semua sekarang ini telah sedar iaitu penyalahgunaan dadah ini telah menjadi musuh negara yang lebih

bahaya daripada bahaya komunis dan juga kita semua telah sedar orang-orang yang terlibat di dalam penyalahgunaan dadah termasuklah di dalam pengedaran dadah bukan sahaja terdiri daripada orang miskin, bukan sahaja terdiri daripada orang yang tidak berpelajaran, bahkan masalah penagihan ini terdiri daripada orang-orang yang mempunyai pelajaran, mempunyai pekerjaan, anak-anak orang kaya-kaya, anak-anak orang besar-besar telah terlibat. Ini satu penyakit yang paling teruk yang pada ketika ini tidak boleh kita tunjukkan mana satu golongan yang terlibat, kesemuanya telah terlibat. Dan begitu jugalah masalah pengedaran. Bukannya pengedaran ini dilakukan oleh kucing kurap di Jalan Chow Kit itu. Ataupun dilakukan oleh orang-orang yang tidak mempunyai pelajaran. Saya tahu, kita telah mendengar. Yang menguruskan pengedaran ini ada sindiket-sindiket, termasuk sindiket antarabangsa dan ada hubungan dengan orang-orang yang ada hubungan-hubungan baik di dalam negara kita. Dengan sebab itulah saya menitikberatkan di dalam ucapan saya tadi masalah Pegawai Penguatkuasa yang hendak dilantik bertanggungjawab ini; saya minta kepada pihak Kementerian sungguh-sungguh mengawasinya.

Dan inilah saya berharap apa yang paling penting di dalam masalah ini ialah masalah pelaksanaan mutunya sekarang ini hendaklah dikaji supaya mencapai kejayaan. Dan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 1980.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

4.38 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong pindaan yang telah dikemuka oleh Timbalan Menteri Kesihatan sebagaimana yang disokong oleh rakan-rakan saya yang lain, dan yang menggembirakan kita juga termasuk parti DAP iaitu parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi adat kepada manusia, walaupun semua orang tahu benda yang tidak baik itu dan berbahaya tetapi kerap kali benda yang sangat berbahaya yang diutamakan oleh manusia.

Sebagaimana kita tahu dadah dan perkara-perkara lain lagi yang tidak dapat kita sebutkan di sini sangat-sangat diidamkan oleh manusia walaupun berbagai hukuman dan halangan yang dibuat oleh manusia ataupun pemerintah dan juga yang telah ditetapkan oleh Tuhan tetapi sedih sekali perkara yang tidak baik dan merbahaya ini digunakan juga oleh manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sangat-sangat sebagaimana kata kawan-kawan saya tadi termasuk juga wakil dari Setapak. Bahaya dadah adalah lebih berat daripada bahaya Komunis. Dan Kerajaan kita hari ini juga saya tidak menafikan telah menjalankan dan telah percaya apa yang telah dikatakan oleh kawan saya tadi dan saya juga ingin meyakinkan. Sebab yang saya katakan begitu, Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang orang yang mengedar dadah boleh dihukum bunuh, dijel seumur hidup dan berbagai-bagai hukuman lagi. Ini kerana pada pandangan Kerajaan dadah ini amatlah merbahaya.

Kita ucapkan syabas dan terima kasih kepada niat Kerajaan yang baik bagi membasmi keadaan dadah yang merbahaya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat apa yang disyorkan oleh pindaan ini amatlah perlu. Di samping itu sukalah saya mengesyorkan beberapa perkara lagi supaya matlamat pindaan dalam undang-undang ini, baik daripada yang asal termasuklah dari satu masa ke satu masa kita cuma memindanya, matlamat dan tujuannya tidak lain dan tidak bukan kehendak kita dadah merbahaya ini akan hapus di segi pengedarannya dan juga kalau boleh hapus di segi penagihnya. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya benda ini ada kaitan dengan penagih dan pengedarnya. Kalau tidak ada penagih maka pengedarnya tidak akan berjaya dan tidak akan laku benda yang diedarkan. Jadi, salah satu ini kalau boleh dibasmi terus, saya berpendapat tidak payah keduanya sekali. Kalau kita boleh membasmi penagih, pengedar tidak ada. Kalau kita boleh membasmi pengedarnya, penagihnya susah dapat barang, tetapi kalau kedua-duanya kita boleh membasmi sekali inilah yang paling baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu jalan bagi pendapat saya untuk membasmi penagih dahulu, saya percaya kuat membasmi penagih dahulu kerana telah menjadi adat kepada kita kalau benda itu tidak ada, tidak ada orang mahu membeli, benda itu tidak akan laku dan tidak ada siapa yang hendak jual, sebagaimana dalam soal jawab tadi dalam Kementerian Perusahaan Utama bersabit dengan harga kayu naik kerana terlampau banyak orang menggunakannya. Ini puncanya terlampau banyak orang menggunakannya. Bila terlalu banyak orang gunakan benda itu, benda itu terlampau banyak orang jual dan benda itu harganya naik. Hari ini kita sama-sama tahu penagih dadah in amatlah banyak boleh dikatakan berselerak di merata-rata tempat, kadang-kadang yang tidak patut kita sebut dalam Dewan yang mulia ini ada kumpulan muda-mudi, baik di tempat bekerja, yang paling sedih sebagaimana kata kawan-kawan saya tadi sehingga ada di antara pegawai-pegawai Kerajaan sendiri dan paling menyedihkan lagi, Tuan Yang di-Pertua, ada di dalam Pejabat Kesihatan sendiri penagih dadah ada di dalamnya. Itu yang amat menyedihkan. Maka dengan sebab itu, saya berpendapat dan saya mengesyorkan di sini hendaklah adakan satu undang-undang yang cukup ketat kepada penagih dadah ini. Kalau didapati penagih dadah macam hari ini kita cuma tangkap dan bawa ke satu tempat pemulihan dan kita pulihkan di situ, selepas dia pulih kita hantar balik ke kampung. Di tempat dia yang asal berjumpa pula dengan hamba Allah penagih tadi dengan penagih yang tidak dipulihkan; sebab tabiat manusia ini bila dia berjumpa kawan, adat manusia yang hisap rokok hendak beri kawan yang tidak hisap, yang minum hendak cuba beri sebagai meraikan kawan yang tidak minum.

Bagi mereka yang tidak minum, ini saya agak haruslah payah hendak merasai ketagih tetapi kalau dia itu sudah biasa, disentuh sedikit maka ketagihan itu akan menyerap mula kepadanya walaupun sudah kita pulihkan dan kita agak sudah puas hati. Maka sebab itu sebagaimana saya katakan tadi hendaklah diadakan satu undang-undang ataupun hukuman yang agak ketat, misalnya, sebelum kita hantar ke tempat pemulihan dan sebagainya dirotankan dahulu yang agak saya tidak begitu merbahaya kepada anggotanya tetapi dia terasa sakit, biar dia tahu, kalau aku

sudah jadi penagih bila ditangkap oleh pegawai Kerajaan, polis dan sebagainya maka aku sebelum pergi ke tempat pemulihan aku dirotan. Manusia ini, Tuan Yang di-Pertua, perasaan takut itu ada pada tiap-tiap manusia. Bila dia tahu kalau ditangkap akan dirotan yang agak saya katakan tadi bukanlah yang merbahaya tetapi yang sakit iaitu rotan yang kecil kita cari agaknya tidak merbahaya kepada anggota amatlah sakit kalau orang yang kena, ini adalah perkara yang dia takut bila dia tahu aku penagih dadah bila ditangkap oleh pegawai Kerajaan aku akan dirotan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu yang mana betul, macam mana saya katakan tadi tidak ada pengedar kalau tidak ada penagih. Tidak ada pengedar, sekali lagi saya katakan, kalau tidak ada penagih. Menghapuskan penagih ini adalah satu masalah yang besar, mereka berkeliaran di merata tempat. Kita tahu dia itu penagih dadah tetapi tidak boleh ditangkap, kalau ditangkap dihantar ke hospital dan tidak diambil tindakan yang segera. Apatah lagi tindakan macam saya katakan tadi dengan hukuman rotan dan sebagainya tetapi perubatanpun tidak diberi. Ini berlaku di tempat saya sendiri di Perlis. Bila kita bawa ke hospital, doktor kata saya tidak tahu hendak buat apa, maka dia dihantar balik. Jadi dengan sebab itu seolah-olah kita menggalakkan penagih ini ataupun kita tidak mengambil tindakan. Maka dengan sebab itulah sekali lagi saya katakan sebagaimana yang disyorkan oleh kawan-kawan saya tadi kita banyakkkan pegawai-pegawai dan diberi kuasa macam cadangan pindaan bagi seksyen 27 ini saya amat sokong dengan sepenuhnya yang memberi kuasa boleh geleдах di mana-mana.

Saya fikir bukan sahaja dalam bangunan bahkan di tempat-tempat kerja kerana kita yakin penagih dadah bila ditangkap dibawa ke hospital, bila didapati dia ini bersalah beri hukuman dengan rotan. Insya Allah dadah ini akan habis. Jadi kalau kita sahaja kata dadah ini merbahaya tetapi tindakan sewajarnya kita tidak ambil, maka selama itulah benda yang merbahaya tadi akan dibuat oleh manusia. Jadi, dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi apa yang saya katakan tadi, saya berharap pemeriksaan yang ketat khasnya daripada Kementerian Kesihatan kepada semua pegawai-pegawai termasuk dalam pejabatnya dahulu dan juga pejabat-pejabat yang lain. Kalau disyaki dan diberi-

tahu oleh orang ramai ada orang telah mengidap penyakit dadah hendaklah diperiksa oleh Pejabat Kesihatan, bila orang ini didapati betul menjadi penagih dadah macam saya katakan tadi hendaklah dilakukan apa tindakan yang patut kita boleh buat kepada semua tempat-tempat baik di mana sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, di antara manusia ini kita tahu, ada manusia mahu bekerja kerana Allah dan mencari makan, ini kita tidak boleh nafikan termasuklah kita sendiri. Macam kita menjadi Wakil Rakyat, menjadi pegawai kita tidak boleh nafikan dua niat sekali, niat kerana Allahpun ada, kita fikir kerja ini baik. Yang kedua, niat cari makanpun ada, sebab itu kadang-kadang kita minta naik gaji lebih, siapa sekalipun, pegawai dan semacam saya Wakil Rakyat, semua manusia dua niat mesti ada. Maka dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapati maklumat yang lebih dekat, yang lebih cepat agak saya biarlah kita adakan satu keistimewaan dengan memberi hadiah siapa-siapa yang dapat memberi maklumat, khasnya mengenai pengedar dadah dan juga termasuk penagih dadah. Penagih dadah ini banyak kita tahu kerana banyak biarlah beri hadiah yang tidak begitu tinggi tetapi biarlah ada berupa dengan hadiah supaya tiap-tiap hari orang-ramai dapat tahu di mana ada sahaja penagih dadah dapat diberitahu kepada pihak yang berkenaan, Pejabat Kesihatan, polis dan lain-lain. Kalau ada kerjasama walaupun saya katakan tadi sepatutnya kerjasama ini kita tidak payahlah beri hadiah dan sebagainya tetapi; macam saya katakan tadi tabiat manusia ini kita tidak boleh nafikan semang, di samping semangat ingin juga hendak upah dan sebagainya itu ada kepada tiap-tiap manusia. Jadi, saya harap sangatlah perkara ini dapat dijalankan oleh Kerajaan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga sebagaimana kata kawan-kawan saya tadi, kita tahu Kerajaan hari ini telah mengadakan pusat pengawalan dadah dan sebagainya. Saya berpendapat selain daripada pengawalan kalau hendak buat semua tempat tentulah payah sangat, di hospital patut diadakan wad yang tertentu. Kalau ada penagih-penagih dadah kita adakan wad tertentu, jangan kita campurkan dengan pesakit-pesakit yang lain kerana masalahnya kita dapati walau benda ini baik ataupun tidak baik, tiap-tiap perbuatan ada kawan dan ada lawan. Bagi orang yang mengidap penyakit dadah walau dia

duduk di hospital sekalipun, bila kita sudah tahu dia ini ada terlibat dengan penyakit dadah, dia bukan sakit di segi lain kita kena asingkan dia kerana apa yang saya tahu ada kawan-kawannya yang dia tahu kawannya-ini mengidap penyakit penagih dadah, bersama dia hendak pergi tengok dia tolong bawa ubat, dia tolong cucuk sama kerana dia tahu. Dengan sebab itu saya harap asingkan dengan jagaan yang cukup rapi supaya tidak boleh sesiapa pun masuk ke tempat yang berkenaan dan kalau hendak masuk pun kita buat kawalan yang ketat yang mesti diperiksa ketika dia hendak masuk, apatah lagi kalau kita syaki dia yang hendak sama menziarah adalah salah seorang daripada penagih, kita tahan. Ini kerap kali berlaku. Maka dengan sebab itu selain daripada yang diadakan oleh Kerajaan macam saya kata tadi di tempat-tempat pemulihan dadah patut juga di hospital mana sekalipun kalau tidak dibuat macam wad yang besar, macam wad T.B. dan sebagainya adakan wad-wad yang tertentu agak satu bilik yang patut dipilih dalam 20 pesakit khas sahaja semata-mata penyakit dadah dan kalau banyak sangat ditentukan lebih banyak lagi tetapi janganlah disamakan dengan pesakit-pesakit yang lain.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, tentang pegawai tadi sebagaimana kata kawan-kawan saya, saya harap tambahlah dengan sebanyak-banyaknya dan tambah pegawai ini kuasanya hendaklah diberi mengikut Fasal 27 yang ditetapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dalam Rang Undang-undang ini. Pegawai-pegawai ini saya berpendapat janganlah semata-mata pegawai yang beruniform, biarlah pegawai-pegawai yang dapat tauliah daripada pihak Kementerian yang berkenaan tetapi dapat kuasa menangkap kepada penagih-penagih dadah yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga untuk mengatasi perkara ini kalaulah macam saya kata awal tadi pihak Kerajaan telah memandang berat dadah, waima penagih ataupun pengedar kerana ini amat membahayakan kepada negara kerana kita tahu kalau satu orang itu telah mengidap penyakit dadah fikirannya akan hilang, badannya akan jadi tidak bermaya lagi dan kadang-kadang setengahnya itu sanggup tidur dan fikirannya pun tidak siuman sebab penyakit yang kita tahu daripada penyalahgunaan dadah. Dengan sebab itulah sebagaimana saya kata-

kan tadi Kerajaan juga telah mengambil berat dengan bersungguh-sungguh. Dengan sebab itu kalau tidak silap saya walaupun hari ini kita masih ada lagi anasir-anasir subversif dan komunis tetapi tidaklah begitu merbahaya sebagaimana tahun 1950an yang lepas dengan kerana langkah Kerajaan yang begitu tegas memandangkan darurat ini sebagai terpenting. Dengan sebab itu sebagai langkah selain daripada langkah-langkah yang ditentukan oleh Kerajaan dalam Kementerian Kesihatan dan sebagainya, saya berpendapat patut ditubuhkan satu jawatankuasa selain daripada PEMADAM yang ada, satu jawatankuasa yang kuasanya cukup kuat dan mutlak yang terdiri daripada Kementerian-kementerian yang pada pendapat saya bersangkutan dengan segala-galanya, bersangkutan dengan ubat, bersangkutan dengan kebajikan, bersangkutan dengan hendak tangkap kalau perlu ditangkap dan bersangkutan patut diberi tempat kerja kalau patut diberi pemulihan dan sebagainya. Maka saya mengesyorkan jawatankuasa ini hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya Kementerian yang saya sebutkan tadi, khasnya satu, Kementerian Kesihatan mesti sebagai tempat yang hendak berubat, Kementerian Kebajikan Am mesti kalau ada yang perlu hendak beri bantuan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga mesti kalau yang perlu hendak ditangkap dan Kementerian Kemajuan Tanah juga mesti kalau apa yang patut hendak membuat tempat pemulihan dan sebagainya. Maka dengan ini selain daripada rancangan-rancangan yang telah diaturkan oleh Kerajaan hendaklah ada satu jawatankuasa macam saya katakan tadi untuk hendak bendungkan perkara ini mendapat kerjasama yang lebih bererti.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat patut juga sebaran am diadakan dalam jawatankuasa yang saya sebutkan tadi dan juga sebagaimana dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi hebahkan kepada orang ramai dengan bersungguh-sungguh kerana telah menjadi adat kepada manusia kadang-kadang satu benda yang baik itu jadi tidak baik kalau disebutkan oleh orang benda ini tidak baik, benda ini tidak berguna dan sebagainya, ini telah menjadi adat kepada manusia. Dan kalau satu benda yang tak baik sekalipun kalau diamal, diikuti benda itu akan jadi baik balik. Saya berharap adakan satu kempen macammana kita buat

dahulu kempen menggunakan Bahasa Kebangsaan, Kempen Bulan Bahasa, kempen itu dan kempen ini, kita adakan satu kempen biar orang ramai terasa, baik dalam masjid sekali-sekala, sebulan sekali adakan satu khutbah dikarang dengan kerjasama pihak Kementerian yang berkenaan dengan Jabatan Agama yang mana bahaya dadah diberitahu kepada ibubapa, kadang-kadang hari ini walaupun ibubapa telah cerita kata dadah itu bahaya tetapi tidak begitu meliputi dan beritahu kepada anak-anak muda tentang bagaimana merbahayanya dadah. Dengan sendirinya kalau ada penyakit dadah biar satu masyarakat itu pandang hina kerana dia mengidap penyakit dadah seolah-olah orang tidak mahu berkawan dan tak mahu berkira, biar ibubapa pun pandang betul-betul cara begini.

Dengan berbagai-bagai jalan yang kita buat ini, Tuan Yang di-Pertua, saya yakin satu hari benda yang merbahaya ini akan hapus dalam negara kita dan saya harap sangat-sangatlah dengan pindaan ini dapat dilaksanakan oleh Kerajaan yang mana saya sekali lagi mengatakan matlamat dan tujuannya kalau dipinda, baik pada kali ini dan insya Allah kali yang akan datang matlamatnya akan menghapuskan penyakit salahguna dadah dan pengedar dadah. Dengan ini saya menyokong pindaan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.56 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta meminda Ordinan Dadah Berbahaya 1952 ini dengan takrif-takrif baru yang diberi kepada undang-undang yang diperuntukkan ini.

Sebenarnya dengan perubahan kepada Drug Enforcement Officer ini saya rasa penguatkuasaan bagi melaksanakan tugas-tugas yang akan dijalankan oleh Drug Enforcement Officer ini adalah mustahak dititikberatkan kerana sebagaimana yang kita tahu bahawa sekarang ini penguatkuasaannya kurang berkesan kerana terdapat beberapa

tempat-tempat atau kumpulan-kumpulan yang menjalankan penyalahgunaan dadah ini masih berlaku. Misalnya, peringkat pertama di bandar-bandar oleh golongan-golongan yang tidak ada perkerjaan, misalnya, penjaga-penjaga motokar waktu malam selepasnya Majlis Bandaraya mengambil tiket maka golongan inilah yang akan memungut wang 20 sen sebuah motokar "boleh-boleh-boleh"—20 sen, terima kasih. Jadi kumpulan ini patut diawasi kerana mereka ini mencari wang dengan cara yang mudah dan semata-mata untuk memenuhi hasrat bagi menghisap dadah. Ini saya banyak dengar cerita-cerita bahawa kumpulan yang menjaga motokar seperti ini kebanyakannya dari kumpulan-kumpulan yang melakukan penyalahgunaan dadah ini. Yang kedua, kumpulan di sekolah-sekolah dan juga di maktab-maktab dan pusat-pusat pengajian tinggi. Ada juga termasuk di Pejabat-pejabat Kerajaan sekiranya Pejabat-pejabat Kerajaan itu besar yang mempunyai kakitangan yang ramai di peringkat-peringkat bawahan.

Di antara kumpulan-kumpulan yang tersebut tadi penguatkuasaan yang pertama yang hendak dijalankan dengan peruntukan yang diberi ini ialah mereka itu akan ditangkap walaupun ada waran atau tanpa waran. Maka mereka itu akan ditangkap dan akan didakwa dengan kesalahan yang dilakukan itu dan kuasa-kuasa yang diberi ini adalah sepatutnya dan saya menyokong kuasa-kuasa yang diberi ini, iaitu dengan kuasa untuk menangkap bagi mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah, tetapi bagaimanapun kalau kita ada satu jalan lain iaitu menghalang daripada golongan-golongan yang saya sebutkan tadi daripada menggunakan dadah atau menyalahgunakan dadah dengan mengatasi apa-apa masalah yang timbul di kalangan mereka. Kebanyakannya golongan yang menyalahgunakan dadah ini ialah daripada golongan keciwa dalam hidup, yang hampa di dalam hasrat-hasrat atau cita-citanya, gagal dalam satu-satu kehendak yang dikehendaki ataupun tidak dapat memenuhi kehendak-kehendak, ataupun tak tercapai mengejar kemajuan yang ada sekarang ini dengan kebolehan yang ada pada dirinya maka menyebabkan mereka ini mencari jalan keluar dengan melupakan apa-apa masalah yang timbul itu dengan cara menghisap dadah atau menyalahgunakan dadah ini. Oleh itu sebagaimana yang kita tahu di pusat-pusat pengajian tinggi dan di sekolah-sekolah ada

satu badan, iaitu badan panduan atau kerjaya atau badan nasihat yang ditubuhkan bagi mengawasi benda-benda seperti ini supaya jangan berlaku tetapi badan-badan ini tidak begitu berkesan dalam menjalankan usahanya bagi memberi nasihat kepada golongan-golongan pelajar yang keciwa dan inginkan panduan.

Misalnya di sekolah-sekolah kadang-kadang badan panduan ini atau badan nasihat ini bercanggah dengan badan disiplin sekolah itu. Selalunya badan nasihat ini memberi nasihat dengan cara yang baik, walaupun lapangan yang dilakukan itu berlawanan tetapi adalah bercanggah sedikit dengan badan disiplin sekolah ini. Jadi, ini saya rasa kalau boleh bagaimana cara menghalang perkara ini daripada berlaku supaya dapat diselaraskan kedua-dua badan ini iaitu badan disiplin dengan badan guidance and counselling di sekolah itu digabungkan supaya boleh memberi satu tugas yang paling berkesan. Itu di sekolah atau di pusat-pusat pengajian tinggi tetapi bagaimana kalau keadaan masyarakat umum, misalnya masyarakat-masyarakat luar yang berkehendakkan panduan (guidance) ataupun nasihat yang timbul dari masalah ini. Oleh itu, saya mencadangkan pihak yang berkenaan menubuhkan satu badan guidance and counselling di hospital-hospital ataupun di mana-mana yang terbuka kepada umum untuk mereka yang berkehendakkan nasihat atau panduan ini berjumpa dan mendapat nasihat atau mendapat panduan bagaimana untuk mencari pekerjaan. Di Malaysia ini kekurangan badan-badan seperti ini yang dilakukan oleh pihak swasta dan juga kemungkinan kalau sekiranya pihak swasta juga melakukan badan guidance and counselling ini ialah paling baik, walaupun pihak yang berkenaan itu mengeluarkan bayaran tetapi ini adalah untuk menolong Kerajaan bagi menghalangkan kekeciwaan berlaku dalam masyarakat kita oleh golongan-golongan yang tidak mendapat tempat bagi mendapat nasihat.

Satu lagi, saya juga mencadangkan supaya tiap-tiap Jabatan Kerajaan atau Jabatan-jabatan yang besar kalau dapat menubuhkan badan guidance and counselling ini bagi memberi nasihat atau menjalankan apa daya di dalam Jabatan itu sendiri sebagaimana kita mengadakan tempat-tempat sembahyang atau tempat ibadat untuk syarahan-syarahan yang diberi. Dalam bahagian panduan untuk hidup ataupun panduan untuk menerima

nasihat ini, panduan di dalam satu kegagalan yang dialami atau kegagalan dalam percintaan. Mungkin ini tidak dapat diawasi dengan diri sendiri, mungkin pihak yang berkenaan yang semestinya dapat memberi nasihat supaya jangan cepat kepada dadah atau bunuh diri. Selain daripada itu keciwa tidak naik pangkat, tidak lulus di dalam satu-satu perkara, perlu mendapat panduan. Dengan cara ini, Ketua Jabatan itu merupakan pengerusi badan tersebut atau melantik seorang pegawai lain yang merupai ketua di dalam badan guidance and counselling ini. Saya rasa adalah amat berkesan bagi mengatasi masalah-masalah dan mengelakkan daripada golongan yang kekeciwaan ini masuk kepada alam menghisap dadah atau menyalahgunakan dadah. Oleh itu saya tidak panjangkan dan saya menyokong Rang Undang-undang ini dan penguatkuasaannya adalah penting bagi kita di dalam dua perkara iaitu dengan cara kekerasan dan cara menghalang dengan cara halus yang boleh menolong masyarakat kita ke arah yang lebih baik dan sempurna.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.03 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka bercakap sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita pada petang ini.

Saya mengalu-alukan segala pindaan-pindaan yang dipohon oleh pihak yang berkenaan dan di samping itu saya juga hendak memperkatakan sedikit mengenai dadah dan penggunaannya hari ini di kalangan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi satu kenyataan dan telahpun diakui bahawa dadah ataupun penyalahgunaan dadah adalah, dengan izin, public enemy number one pada hari ini. Agaknya mengatasi musuh-musuh negara yang lain. Sejauh manakah hakikat ini benar. Rasa saya tidak perlu dipertikaikan tetapi satu kenyataan bahawa penyalahgunaan dadah ini adalah merupakan satu bahaya yang tidak boleh diabaikan dan apatah lagi satu bahaya yang hendak diletakkan ke tahap yang kedua atau yang ketiga berbanding dengan bahaya-bahaya lain yang terdapat pada negara ini.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya langkah-langkah yang lebih tegas dan yang boleh membawa kesan yang lebih hendaklah dijalankan sama ada oleh pihak Kerajaan, badan-badan lain ataupun oleh pihak masyarakat sendiri. Yang pertama saya ingin mencadangkan supaya tiap-tiap Jabatan Kerajaan sama ada Jabatan Kerajaan ataupun separuh Kerajaan maka hendaklah diwajibkan ditubuhkan satu badan untuk memerangi dadah badan anti dadah.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini telahpun wujud di setengah-setengah badan-badan Kerajaan, Jabatan-jabatan Kerajaan mengawasi perkara ini, tetapi apa yang saya tahu perkara ini belum lagi menyeluruh. Kalaupun ada mungkin bentuk yang ada hari ini belum lagi berkesan.

Saya juga sedar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pihak Kerajaan melalui Jabatan-jabatan berkenaan telahpun mengambil langkah-langkah yang tertentu sama ada melalui surat-surat siaran kepada kakitangan atau pegawai-pegawainya ataupun telah mengambil tindakan-tindakan tertentu kepada mereka yang telah menunjukkan bakat atau minat terhadap penyalahgunaan dadah ini dan melalui badan-badan yang saya syorkan ini maka hendaklah diwujudkan di peringkat—saya maksudkan di peringkat tiap-tiap Jabatan. Tidak memadai kalau di peringkat satu Kementerian sahaja bahkan hendaklah diwujudkan di semua peringkat. Misalnya kita mengambil contoh Kementerian Pelajaran. Selain daripada diadakan di peringkat Kementerian Pelajaran maka hendaklah juga diadakan di peringkat Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri dan selepas itu diperturunkan pula kepada tiap-tiap sekolah. Tugas-tugas yang boleh dijalankan oleh jawatan-kuasa atau badan ini antara lain:

Yang pertama, memberi maklumat yang betul tentang sebab-sebab dan akibatnya kalau seseorang itu terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Yang keduanya, mengesan lebih awal, dengan izin, early detection kepada sesiapa yang dapat dikesan atau dirasai atau dicurigai ataupun disyakki bahawa beliau atau mereka itu sudah mulai berjinak-jinak dengan soal penyalahgunaan dadah.

Yang ketiga, rasa saya buat permulaan apalah salahnya kita mengambil inisiatif supaya setiap pegawai Kerajaan sama ada yang berpangkat besar ataupun kakitangan yang di bawah sekali hendaklah menjalani pemeriksaan yang boleh menentukan sama ada seseorang itu telahpun mulai dihinggapi oleh penyakit penyalahgunaan dadah kerana kalau kita hendak menunggu apabila sudah jelas dengan tanda-tanda fizikal yang diketahui umum, maka rasa saya soal cure ataupun mengubati pesakit-pesakit atau penyalah-penyalahguna dadah tersebut mungkin lewat.

Saya rasa biarlah tidak keterlaluan kita menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh kepada setiap orang-orang yang terdapat di bawah Jabatan ataupun badan-badan Kerajaan. Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita merasai satu perkara yang aib, terpaksa diperiksa tiap-tiap orang itu kerana kalau tidak silap saya pada masa dahulu pernah diadakan pemeriksaan di sekolah di peringkat rendah atau peringkat menengah untuk menentukan murid-murid sekolah tidak lagi dihinggapi oleh penyakit-penyakit tibi, umpamanya, penyakit paru umpamanya, penyakit-penyakit cacar umpamanya. Maka kalau kita benar-benar menganggap bahawa penyalahgunaan dadah sebagai "public enemy number one", maka adalah terlalu kecil soal-soal malu atau aib untuk kita menjalankan pemeriksaan itu. Tuan Yang di-Pertua, mungkin juga Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab ini adalah satu exercise yang besar yang memerlukan wang yang banyak. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, soal kewangan sepatutnya tidak menjadi soal penting di sini kerana memandangkan hakikat bahawa perkara ini adalah "public enemy number one", maka apalah salahnya kita belanja ratusan juta ringgit pada hari ini dan dengan demikian maka akan kita dapat menyelamatkan generasi atau keturunan kita pada masa akan datang.

Keempat, tugas yang dapat dijalankan oleh badan-badan yang saya sebutkan tadi, badan-badan itu hendaklah juga dengan kerjasama badan-badan agama sentiasa diadakan ceramah-ceramah supaya melalui ceramah-ceramah agama ini, maka dapatlah orang-orang yang merasai enak ataupun mulai berjinak-jinak dengan penyalahgunaan dadah ini dapat dikembalikan dengan jalan spiritual. Bukan

sahaja terhad kepada mereka yang beragama Islam, tetapi juga hendaklah mereka yang beragama lain mendapat syarahan agama mereka sendiri supaya dengan melalui syarahan agama itu yang mana saya yakin setiap agama, terutama sekali agama Islam adalah memerangi perkara penyalahgunaan dadah ini.

Langkah kelima, diadakan sekali sekala gerakan-gerakan seperti seminar, symposium ataupun ceramah secara menyeluruh di antara beberapa badan supaya dengan cara demikian maka akan dapat menghasilkan kesedaran yang agak lebih meluas kepada kakitangan di jabatan-jabatan Kerajaan. Dan seterusnya hendaklah juga ditekankan bahawa selain daripada perkara ini adalah merbahaya untuk badan tiap-tiap individu tersebut dan juga adalah ditegah oleh agama kita ataupun agama mereka yang berkenaan, maka ianya juga hendaklah ditegah ataupun ditekan bahawa ianya adalah salah dari segi undang-undang negara. Kalau sekiranya dua atau tiga jenis sekatan ini kita buat kepada orang-orang yang inginkan penyalahgunaan dadah itu, maka sudah tentu peluang-peluang yang terbuka kepada mereka itu akan dikurangkan sedikit demi sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, segala-gala ini adalah bergantung dengan kesungguhan dan kesanggupan kita. Saya ingin bertanya pada petang ini sejauh mana kita bersungguh-sungguh, yang pertama yakin bahawa dadah adalah public enemy number one. Kedua, sejauh mana kita bersungguh-sungguh atau kita serius untuk mengatasi masalah dadah ini, dan ketiga kalau kita benar bersungguh-sungguh, maka hendaklah diadakan satu joint effort secara bersungguh-sungguh atau serius yang mengandungi semua jabatan atau Kementerian Kerajaan dari peringkat yang paling tinggi sekali untuk mencari jalan yang benar-benar dapat kita memerangi salahguna dadah tersebut.

Selain daripada pihak jabatan-jabatan Kerajaan, saya ingin mencadangkan supaya perkara ini hendaklah juga digalakkan secara organisise ataupun disusun di peringkat bawah, misalnya, melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung melalui Persatuan Ibubapa dan Guru-guru, melalui kesatuan-kesatuan kebajikan di peringkat kampung dan juga seperti yang disebut oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi hendaklah juga dimasukkan ke dalam Khutbah

Jumaat supaya ia bukan sahaja dapat disedari oleh setengah golongan yang ada kaitan dengan Kerajaan tetapi hendaklah juga kesedaran itu sampai kepada akar umbi setiap hati dan nurani masyarakat di kampung-kampung.

Satu perkara yang asas yang hendak saya sentuhkan ialah mengenai perkataan salahguna dadah, kalau tak silap saya, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telahpun sekali sekala menyebutkan bahawa adalah lebih baik kalau kita tukar perkataan penyalahgunaan dadah ini kepada perkataan yang lain. Kalau kita kata salahguna dadah, ertinya ada yang tidak salahguna dadah dan sebenarnya, ini adalah kenyataan di dalam masyarakat kerana dadah itu digunakan untuk perubatan. Di samping itu dadah itu kalau sekiranya digunakan secara salah maka ianya dianggap salahguna dadah dan soal istilah soal panggilan itu kadang-kadang ada psychological effect terhadap masyarakat umum, jadi seolah-olah perkara macam ini nampaknya kesungguhpun kita tidak begitu kuat sangat. Jadi saya rasa saya ingin meminta sama ada pihak Kementerian Kesihatan ataupun Kementerian Undang-undang ataupun Kementerian Kebajikan Am ataupun pihak PEMADAM sendiri sebagai badan bebas dalam masalah ini, cubalah cari istilah yang lain supaya istilah tersebut, bukan sahaja dapat menjauhi sangkaan-sangkaan buruk terhadap istilah penyalahgunaan dadah, tetapi ia akan dapat menimbulkan satu perasaan takut, satu perasaan benci, satu perasaan yang tidak disukai oleh masyarakat apabila disebutkan sahaja penyalahgunaan dadah, dengan menggunakan suatu istilah yang baru. Jadi, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi apabila beliau mengatakan bahawa sudah sampai masanya PEMADAM atau penyalahgunaan dadah dipindahmilik atau dipindahtugas daripada Kementerian Kebajikan Am ataupun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Kementerian Kesihatan kerana sudah sampai masanya kita mengambil sikap yang tegas. Kalau ini dianggapkan sebagai satu soal kebajikan, tidak dapat dianggapkan sebagai satu soal kebajikan, soal-soal kebajikan sepatutnya tidak meliputi soal peperangan dengan dadah apatah lagi kalau kita mengingatkan bahawa salahguna dadah adalah public enemy number one. Dan juga walaupun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ada hubungan dengan

soal memerangi penyalahgunaan dadah sebagai public enemy number one, tetapi yang paling penting dalam salahguna dadah ini ialah soal cure atau soal pengubatan dan juga soal mengelakkan perkara itu berlaku dalam kalangan masyarakat kita. Jadi, saya rasa dari segi teknik memang sudah sewajarnya Kementerian Kesihatan sudah tentu perlu dibantu oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Kementerian Kebajikan Am untuk mengambilalih tugas yang sepatutnya sudah lama diambilalih tugas-tugas itu daripada Kementerian Kebajikan Am ataupun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Jadi, dengan kata-kata yang tersebut saya ingin menyokong suatu Akta untuk meminda Ordinan Dadah Berbahaya 1952.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.20 ptg.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang begitu hebat terhadap masalah penyalahgunaan dadah dan masalah dadah berbahaya.

Kalau tidak silap saya ada enam wakil rakyat telah bercakap iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Simunjan, Setapak, Kangar, Pasir Puteh dan Tanah Merah. Kepada semua mereka itu saya menyatakan penghargaan dan mejunjung pandangan mereka yang telah dikemukakan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini seperti mana dalam penjelasan ucapan saya tadi merupakan satu Rang Undang-undang bagi mengawalkan penyalahgunaan dadah atau penggunaan dadah berbahaya yang halal dan berlesen. Ada tiga perkara yang kita hendak pindahkan iaitu masalah mentakrifkan perkataan "cannabis", mengganti nama "Inspector" kepada "Drug Enforcement Officer" dan menambahkan lagi bidang-kuasa (power) kepada pegawai-pegawai penguatkuasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan yang dibayangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi dengan jelas membuktikan betapa berat-

nya pandangan wakil-wakil rakyat kita terhadap masalah penyalahgunaan dadah yang berlaku di negara kita ini.

Saya tidak berhajat hendak menjawab satu persatu pandangan yang telah dikemukakan dan ianya adalah merupakan pandangan dan cadangan yang begitu baik terutama sekali pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan juga daripada Tanah Merah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh dalam permulaan ucapannya tadi, masalah naskah Bahasa Malaysia supaya kita menggunakan dengan sepenuhnya Bahasa Malaysia dalam Rang Undang-undang ini. Suka saya menyatakan Tuan Yang di-Pertua, bahawa Rang Undang-undang ini merupakan satu Rang Undang-undang yang telah dibuat dalam tahun 1952 iaitu di masa kita menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa dalam Undang-undang sehingga tahun 1967 kalau tidak salah saya ada satu Akta yang mewajibkan kita mengadakan Rang Undang-undang dalam Bahasa Malaysia. Jadi apabila kita meminda Rang Undang-undang yang bahasa asalnya di dalam bahasa Inggeris maka terpaksa kita berbuat begitu iaitu pemindaannya juga dalam bahasa Inggeris. Langkah-langkah sedang diambil oleh Kementerian Undang-undang untuk menterjemahkan segala undang-undang yang awal daripada tahun 1967 kepada Bahasa Malaysia. Tetapi oleh kerana bebanan kerja yang begitu banyak yang dihadapi oleh pegawai-pegawai dari Kementerian itu ianya terpaksa mengambil masa. Walau bagaimanapun saya menghargai pandangan Yang Berhormat dari Kota Melaka atas masalah ini.

Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menimbulkan dan menyoalkan sikap tidak apa oleh pihak Kerajaan terhadap masalah penyalahgunaan dadah. Dan sama ada pihak Kerajaan ada menganalisa atau mengkaji dengan cara mendalam masalah penyalahgunaan dadah ini, dan juga beliau telah mengatakan keadaan penyalahgunaan dadah mungkin disebabkan oleh sistem yang dijalankan oleh pihak Kerajaan kita sekarang. Beliau telah meminta pihak Kerajaan supaya mengambil perhatian serius terhadap masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan di sini bahawa pihak Kerajaan kita telah mengambil tindakan sebagai satu Kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat, memang tindakannya telah diambil sebelum cadangan-cadangan ini dikeluarkan oleh sesiapa khasnya pihak-pihak Pembangkang; kita tidak bertindak selepas ianya kita dapat teguran sahaja. Tetapi sebagai satu Kerajaan yang bertanggungjawab kita sentiasa mengawasi keadaan iaitu kita mengkaji kemungkinan satu-satu masalah yang mungkin timbul dan anticipate masalah itu dan mengambil tindakan sebelum ia menjadi mudarat.

Dalam hubungan ini suka saya menyatakan bahawa pihak Kerajaan telah mengadakan Special Task Force yang saya difahamkan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan juga dianggotai oleh beberapa pegawai termasuklah Ketua Pengarah Kesihatan dari Kementerian Kesihatan yang menjadi ahli Task Force ini untuk mengkaji dan mencadangkan dasar-dasar dan tindakan-tindakan yang patut diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengurangkan penyalahgunaan dadah ini. Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sentiasa mengambil tindakan untuk menentukan supaya penyalahgunaan dadah ini dapat dihapuskan dengan cara preventive (pencegahan) iaitu dengan cara preventive yang dijalankan oleh pihak polis dan kastam dengan merampas dadah-dadah yang diimport ke negara ini dan juga mencegah kemasukan dadah-dadah ini ke dalam negara kita dengan cara yang haram. Selain daripada itu dari segi pelajaran pihak Kerajaan berusaha memberi penerangan dan penjelasan kepada rakyat sama ada menerusi sebaran am atau agensi-agensi tertentu tentang bahaya penyalahgunaan dadah.

Dalam masalah rawatan, Kementerian Kesihatan memanglah terlibat dengan secara mendalam dalam masalah ini kerana tiap-tiap hospital kita digezetkan sebagai detection centres iaitu pusat-pusat mengesan penagih-penagih dadah ini. Selain daripada itu beberapa buah hospital kita juga digunakan sebagai detoxification centres iaitu sebagai pusat-pusat untuk menawarkan racun dadah ini.

Dalam masalah merawatkan penagih-penagih dadah ini, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti ingat bahawa detection dan detoxification sahaja bukanlah merupakan rawatan

yang cukup, yang lebih penting ialah masalah pemulihan yang menghendaki masa yang begitu panjang. Dalam hubungan pemulihan ini, sungguhpun ianya seperti kata Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, di bawah jagaan Kementerian Kebajikan Am, kita sentiasa bekerjasama dengan pihak sesiapa sahaja yang mengelola pemulihan ini dan bagi pihak Kementerian Kesihatan kita mengadakan Doktor Penyakit Jiwa (Psychiatrists) untuk menolong merawat mereka ini dan pihak Kementerian Kebajikan Am mengadakan Pegawai-pegawai Welfare dan lain-lain lagi dan begitu juga pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Jadi masalah siapa patut menjaga ataupun merawat mereka ini, sama ada Kementerian Kesihatan ataupun Kementerian Kebajikan Am, tidaklah menjadi begitu penting. Tetapi apa yang penting ialah supaya rawatan ini dapat dibuat dengan sempurna dan berkesan. Walau bagaimanapun, saya mengambil perhatian dan ingatan di atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Setapak dan juga Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi.

Yang Berhormat dari Setapak telah menimbulkan soalan Drug Enforcement Officer tadi. Sebenarnya Drug Enforcement Officer yang kita maksudkan dalam undang-undang ini ialah Drug Enforcement Officer ataupun Pegawai Pengesan yang menjalankan tugas bersabit dengan undang-undang ini iaitu untuk mengawal penggunaan dengan cara halal (legitimate) ubat-ubat ataupun dadah-dadah ini iaitu mengawal mereka yang diberi kebenaran menggunakan ubat-ubat ini. Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, seperti doktor-doktor dan pharmacists yang diberi kuasa, diberi lesen untuk menggunakan ubat-ubat ini akan tetapi menyalahgunakan kuasa yang diberi kepada mereka. Inilah tugas Enforcement Officer ini untuk mengesan dan kalau perlu menggelidahkan dan merampas segala dokumen-dokumen yang perlu dalam masalah penyiasatan atas pengaduan-pengaduan yang tertentu. Dalam pindaan ini mereka adalah dicadangkan diberi kuasa yang berlebihan iaitu sama juga dengan kuasa yang diberi kepada pihak polis dan pihak kastam kecuali kuasa menangkap.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah membayangkan ada satu dua perkara yang tidak menyenangkan iaitu pihak hospital tidak memberi rawatan kepada penagih dadah.

Saya hairan sedikit perkara ini berlaku. Jika-lau betul perkara seperti ini berlaku, di hospital mana? Saya ingin mendapat maklumat yang lebih lanjut supaya perkara ini dapat disiasat dan tindakan yang sewajarnya diambil.

Mengenai cadangan beliau supaya mengadakan wad-wad yang tertentu di hospital-hospital untuk penagih-penagih dadah dan beliau mencadangkan supaya penagih dadah ini jangan dicampurkan dengan pesakit-pesakit lain. Ini memang ada dibuat bahkan di hospital-hospital yang digezetkan sebagai Detoxification Centre, wad ini memang diasingkan dan diberi pagar, dikunci dan kita tidak membenarkan orang melawat pesakit-pesakit ini dengan berleluasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja-lah perkara-perkara yang saya hendak beri pandangan di dalam masalah ini dan beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Putih tadi umpamanya mengenai badan "Counselling". Ini merupakan satu cadangan yang baik. Di hospital kita, kita ada mengadakan almoner yang boleh menolong pesakit-pesakit dalam masalah welfare tetapi saya tidak dapat memastikan sama ada mereka mempunyai pengalaman ataupun pengetahuan tentang counselling seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu.

Begitu juga Yang Berhormat dari Tanah Merah telah mengemukakan empat lima cadangan yang begitu baik dan saya akan mengambil perhatian dalam masalah itu dan akan mempertimbangkannya. Kalau sekiranya didapati cadangan-cadangan itu dapat dipraktikkan, kita akan memberi sokongan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERUBATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.36 ptg.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bertajuk Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) dibaca kali yang kedua sekarang.

Akta Perubatan, 1971 ini telah digubal dalam tahun 1971 untuk mengawal dan mengawasi segala aspek mengenai profesion perubatan di negara ini. Oleh kerana dalam tempoh masa hampir 10 tahun ini telah terdapat banyak perubahan dalam keadaan yang berkaitan dengan profesion perubatan, maka didapati bahawa beberapa pindaan perlu dibuat di atas Akta Perubatan 1971.

Adalah dicadangkan bahawa pindaan di buat kepada Seksyen 3 Akta Perubatan, 1971 dengan tujuan untuk menyesuaikan kedudukan wakil-wakil dari Fakulti Perubatan tempatan dalam Majlis Perubatan Malaysia. Pada tahun 1971, apabila Akta Perubatan diluluskan oleh Parlimen, hanya Universiti Malaya ada mengadakan Fakulti Perubatan. Oleh yang demikian peruntukan diberi mengikut Seksyen 3 (1) Akta tersebut untuk membolehkan 3 orang ahli daripada Fakulti Perubatan Universiti Malaya menganggotai Majlis Perubatan Malaysia. Pada tahun 1974 apabila Universiti Kebangsaan Malaysia mengadakan Fakulti Perubatannya, suatu pindaan kepada Akta Perubatan, 1971 dibuat dalam tahun 1975 yang memperuntukkan 3 orang ahli dari Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia menjadi ahli Majlis Perubatan Malaysia.

Dengan penubuhan Fakulti Perubatan ketiga Universiti Sains Malaysia adalah juga perlu bagi Seksyen 3 (1) Akta tersebut dipinda bagi membolehkan 3 orang ahli dari Fakulti Perubatan Universiti Sains Malaysia dilantik menjadi ahli Majlis Perubatan Malaysia sama seperti di kedua-dua Fakulti Perubatan di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Walau bagaimana, untuk mengelakkan pindaan dibuat kepada Seksyen 3 (1) Akta tersebut apabila setiap kali Fakulti Perubatan ditubuhkan oleh mana-mana universiti tempatan, ianya adalah dicadangkan bahawa peruntukan di bawah Seksyen 3 (1) yang membolehkan 3 orang ahli dari Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia menjadi ahli Majlis Perubatan Malaysia diganti dengan satu perkara yang lebih umum yakni yang memperuntukkan 3 orang ahli dari mana-mana Fakulti Perubatan di bawah universiti tempatan untuk menjadi ahli Majlis Perubatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini anggota Majlis Perubatan Malaysia di bawah Seksyen 3 (1) Akta Perubatan, 1971 adalah seperti berikut:

- (a) Ketua Pengarah Kesihatan
- (b) Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sabah
- (c) Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sarawak
- (d) 3 orang ahli dari Fakulti Perubatan Universiti Malaya
- (e) 3 orang ahli dari Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
- (f) 9 orang ahli dipilih dari Malaysia Barat
- (g) Seorang ahli dipilih dari Sabah
- (h) Seorang ahli dipilih dari Sarawak
- (i) Seorang ahli dipilih dari Malaysia Timur.

Adalah dirasakan bahawa 3 orang ahli Majlis Perubatan Malaysia sudah tidak lagi sesuai dilantik atau dipilih secara berasingan oleh kerana Perkhidmatan Kesihatan Sabah dan Sarawak sudahpun disatukan dengan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Persekutuan. 3 orang ahli tersebut ialah Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sarawak, Pengarah Perkhidmatan Perubatan Sabah dan seorang ahli dipilih dari Malaysia Timur. Sebagai gantinya dicadangkan satu peruntukan baru

iaitu Seksyen 3 (1) (g) seperti berikut iaitu 3 orang pengamal berdaftar penuh daripada perkhidmatan awam yang akan dilantik oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, adalah juga dicadangkan bahawa Seksyen 13 (2) Akta Perubatan 1971 dipinda. Seksyen 13 (2) memperuntukkan bahawa mereka yang didaftarkan sementara akan bertugas dalam sesuatu jawatan perubatan bertempat tinggal hingga memuaskan hati pihak Universiti Malaya selama tempoh yang tidak kurang daripada satu tahun. Setahun "housemanship" yang memuaskan ini adalah perlu supaya mereka berhak memohon pendaftaran penuh sebagai doktor. Dalam tempoh tersebut mereka adalah dikehendaki memperolehi pengalaman dalam aliran-aliran asas perubatan. Mereka tidak perlu mengambil apa-apa peperiksaan kerana "housemanship" adalah latihan selepas calon-calon mendapat ijazah-ijazah perubatan mereka. Kuasa untuk menyelia dan mengawas "housemanship" yang diberi kepada pihak Universiti Malaya di bawah Seksyen 13 (2) ini adalah didapati tidak sesuai lagi oleh kerana pada masa ini terdapat lebih daripada satu fakulti perubatan di negara ini yakni Fakulti Perubatan Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia. Maka adalah perlu supaya ketiga-tiga fakulti tersebut terlibat dalam usaha menyelia "housemanship" bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan. Oleh yang demikian, ianya dicadangkan supaya tanggungjawab menyelia dan mengawas latihan siswazah-siswazah perubatan dalam tempoh "housemanship" seharusnya diambilalih oleh satu badan yang dinamakan Lembaga Kelayakan Perubatan (Medical Qualifying Board). Badan ini adalah dianggotai oleh Ketua Pengarah Kesihatan sebagai Pengerusi dan sebilangan wakil yang sama banyak daripada tiap-tiap satu Fakulti Perubatan dari Universiti-universiti Tempatan. Bagi maksud penubuhan Lembaga Kelayakan Perubatan ini maka peruntukan disediakan dengan memasukkan satu seksyen-kecil baru iaitu Seksyen 13 (1) (a) di dalam Akta Perubatan 1971.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini juga bercadang untuk meminda Akta Perubatan 1971 dengan memasukkan satu seksyen baru iaitu Seksyen 34 (b). Seksyen baru 34 (b) ini adalah bertujuan untuk memberi perlindungan guaman kepada pakar-pakar dan

doktor-doktor di luar perkhidmatan Kerajaan yang memberikan perkhidmatan kepada Kerajaan secara sukarela.

Untuk memberi perkhidmatan yang lebih luas kepada orang ramai dalam bidang-bidang yang tertentu Kementerian ini ber-cadang untuk menyambung penggunaan perkhidmatan sukarela pakar-pakar di luar perkhidmatan Kerajaan sama ada dari tempatan ataupun luar negeri di dalam rawatan pesakit apabila kepakaran yang diberikan tidak terdapat atau mencukupi di kalangan doktor-doktor Kerajaan. Kementerian ini berpendapat bahawa Kerajaan patut membela secara "indemnify" ataupun menggantirugi pakar-pakar/doktor-doktor ini terhadap apa-apa dakwaan yang mungkin timbul semasa menjalankan perkhidmatan sukarela mereka itu. Oleh yang demikian untuk membolehkan mereka menjalankan tugas-tugas sukarela itu dengan sempurna tanpa bimbang pada kemungkinan dihadapakan dengan dakwaan (litigation) pindaan-pindaan hendaklah dibuat kepada Akta Perubatan 1971 untuk memberi perlindungan guaman kepada pakar-pakar/doktor-doktor yang berkhidmat secara sukarela sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Walaupun pada masa ini tujuan pindaan itu adalah untuk memberi perlindungan guaman kepada pakar-pakar dan doktor-doktor yang berkhidmat secara sukarela dengan Kerajaan, syarat sukarela ini telah tidak dimasukkan dalam Seksyen 34 (b) yang dicadangkan itu. Ini adalah kerana ianya akan menimbulkan masalah tentang apa yang dimaksudkan dengan perkataan itu. Sungguhpun sifat sukarela ini boleh diterangkan sebagai memberi perkhidmatan tanpa sebarang bayaran akan tetapi ada kemungkinan dalam rancangan-rancangan lain di masa hadapan pakar-pakar/doktor-doktor yang terlibat akan dibayar elaun atau perbelanjaannya ataupun upah yang minima. Dengan adanya pembayaran seumpama ini mungkin sifat sukarela itu tidak diwujudkan. Untuk mengatasi masalah ini perkataan sukarela ini tidak dimasukkan. Tujuannya ialah jika seseorang pakar atau doktor yang bukan pegawai awam memberi perkhidmatannya pada Kerajaan dengan bayaran iapun akan mendapat perlindungan guaman di bawah Seksyen 34 (b).

Seksyen 34 (b) ini bertujuan supaya pakar-pakar/doktor-doktor yang memberi perkhidmatan sukarela, sebagaimana yang diterangkan

di atas adalah dianggap sebagai seorang pegawai awam bagi maksud Seksyen 5 Ordinan Perbicaraan Kerajaan 1956, yang memeruntukkan bahawa Kerajaan memikul tanggungjawab bagi "any wrongful act done for any neglect or default committed by" seorang pegawai awam.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Seksyen 6 (4) dalam Ordinan Perbicaraan 1956 menghuraikan satu dasar umum mengenai tanggungjawab Kerajaan bagi "tort" yang dilakukan oleh seorang pegawai awam. Dasar itu ialah bahawa seorang pegawai awam itu mestilah "at the material time engaged by the Government and paid in respect of his duties as an officer of the Government wholly out of the revenue of the Government . . .". Hanyalah jika kehendak tersebut dipenuhi barulah kecuaiian/kesalahan seorang pegawai awam itu ditanggung oleh Kerajaan. Tetapi untuk mencapai tujuan melindungi doktor-doktor yang memberi perkhidmatan sukarela sebagaimana tersebut di atas dengan cara menganggap mereka sebagai pegawai awam bagi maksud seksyen 5 Ordinan tersebut, maka perlulah diketepikan kehendak yang terkandung dalam Seksyen 6 (4) Ordinan tersebut. Dengan sebab itu Seksyen 34 (b) Akta Perubatan 1971 seperti yang dicadangkan itu telah mengenenpikan kehendak yang terkandung dalam Seksyen 6 (4) Ordinan Perbicaraan Kerajaan 1956 yang disebutkan tadi.

Memandangkan kepada sebab-sebab di atas dan keadaan yang terdapat sekarang maka didapati perlu untuk meminda Akta Perubatan 1971.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan Rang Undang-undang yang bertajuk Akta Perubatan (Pindaan) 1980 supaya diluluskan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon monyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah satu Rang Undang-undang bernama, "Suatu Akta untuk meminda Akta Perubatan 1971" dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk perbincangan. Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

5.48 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan dan saya berharap dengan pindaan Rang Undang-undang ini akan membawa kebaikan lagi kepada pesakit-pesakit yang mana matlamat Rang Undang-undang ini untuk ditambah atau diganti, pada pendapat saya ialah untuk membereskan, menyelenggarakan orang-orang yang sakit itu dapat sihat dengan segera. Inilah pendapat saya yang Rang Undang-undang ini ditambah atau dipinda di tempat-tempat yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana diperkatakan oleh Timbalan Menteri tadi keanggotaan Majlis Perubatan Malaysia, saya berpendapat kerana telah menjadi lazim kepada kita negeri kita ini diperintah berperingkat-peringkat. Jikalau dalam peringkat apa sekalipun ada peringkat kebangsaan, kemudian ada pula peringkat negeri maka saya berpendapat patutlah juga selain daripada peringkat kebangsaan diadakan satu Badan Perubatan Negara. Maka saya berpendapat juga bagi peringkat negeri khususnya daerah dan dipandang kepada Ahli-ahli yang agak sesuai di situ patut juga ditubuhkan satu Badan Perubatan Negeri dan juga Badan Perubatan Daerah. Dan saya mengesyorkan di sini kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, kerana segi perubatan ini ialah yang dikhaskan kepada Ahli-ahlinya sahaja. Sungguhpun begitu untuk menggalakkan perjalanan hospital-hospital dan sebagainya hendaklah ditambah bersama menjadi anggota Badan Perubatan Negeri misalnya ada orang-orang awam ataupun wakil-wakil rakyat yang berpatutan. Sebab walaupun ada kalau tidak silap saya Badan Pelawat Hospital tetapi badan-badan ini boleh dikatakan tidak berjalan. Kerana kadang-kadang kita mendapat surat daripada Menteri Kesihatan di masa-masa yang lepas tetapi malangnya pihak-pihak perubatan negeri tidak dapat kita bekerjasama dengan eratnya.

Jadi saya yakin kalau ada badan-badan yang khas berkenaan dengan perubatan, ahli-ahli yang pakar dalam perubatan, begitu juga badan-badan awam, badan-badan politik dan badan-badan sukarela ada bersama, dapatlah kalau ada masalah negeri ataupun masalah setempat dapatlah kita mengatasi bersama segala masalah ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya amatlah tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Menteri tadi di dalam Seksyen 34 (b) yang saya baru dengar sebentar tadi, yang diberi guaman kepada doktor-doktor sukarela dan sebagainya. Dengan ini saya berharap sangat-sangat apa yang dihadapi oleh masalah perubatan, kedokteran dan sebagainya khususnya di rumah-rumah sakit dapat di atasi dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya hendak syor adalah dua tiga perkara. Pertama, saya masuk dalam segi perubatan ini walaupun saya tidak begitu pandai dari segi perubatan, tetapi saya dapati segi penyakit yang boleh diubati oleh doktor dan ada juga penyakit-penyakit yang dapat diubati bukanlah oleh doktor tetapi oleh perubatan tradisional, yang kadang-kadang kalau dimasukkan ke dalam ini bersama ataupun diambil titikberat dalam segi perubatan dan diberi keistimewaan saya fikir ini adalah menolong Kerajaan dan ini satu perkara yang baik. Saya contohkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, kerap kali berlaku seorang yang dikatakan oleh pakar perubatan ataupun pihak doktor misalnya orang yang terlibat dalam kemalangan, jatuh pokok ataupun motokar; pihak doktor menyatakan bahawa kaki hamba Allah ini mesti dipotong. Kalau tidak dipotong, kaki ini tidak dapat digunakan lagi dan akan merebak kepada tubuh badan yang lain. Ada di antaranya yang seolah-olah dia yakin kepada ubat-ubat cara kampung ataupun tradisional macam saya katakan tadi, bomoh dan sebagainya, maka dia bawa lari balik pesakit tersebut.

Pernah berlaku di tempat saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, pesakit yang dikatakan oleh doktor kalau tidak dipotong dia tidak hidup dan harus merebak kepada tubuh badan yang lain tetapi dengan kehendak Tuhan dan kepandaian bomoh dalam kampung dia boleh mengubati penyakit itu sehingga boleh berjalan seperti sedia kala.

Begitulah juga dari segi urat dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan ini pernah saya tengok berlaku kepada kawan saya sendiri. Dia tersilap urat dan sebagaimana kita tahu sebagai manusia sakit urat ataupun silap urat apabila kita makan sesuatu ubat itu, urat ini kuat dan kadang-kadang kita merungut yang badan kita lengoh dan sebagainya

Tuan Yang di-Pertua: Ini jauh sedikit daripada isi pindaan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, saya akan bawa balik kepada isi pindaan. Jadi dengan sebab itulah saya berharap sangat-sangat bomoh perubatan tradisional patut dimasukkan sama baik bomoh patah ataupun bomoh-bomoh lain yang saya katakan tadi. Ada setengah orang sakit, makan macam-macam ubat hospital dan sebagainya tetapi tidak boleh hendak bangkit, tetapi dengan sekali picit; maaf, Tuan Yang di-Pertua, ataupun sehari picit oleh bomoh, hamba Allah itu boleh bangkit dengan segera. Jadi kesilapan ini saya harap patut dikaitkan sama dan kalau boleh diberi keistimewaan kepada bomoh-bomoh perubatan tradisional ini untuk mendapat bekerjasama dari segi perubatan secara modern di zaman sains dan teknologi pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita dapati banyak doktor daripada hospital-hospital meletakkan jawatan dari makan gaji dengan Kerajaan. Didapati di negeri saya sendiri, Perlis, Pengarah Perubatannya hari ini telah meletakkan jawatan dan telah membuka satu Klinik persendirian di Kuala Lumpur ini juga dan banyaklah berlaku perkara seperti ini. Jadi saya berharap sangatlah, apa yang dicadangkan oleh Menteri tadi dengan diberi keistimewaan dan sebagainya, itu saya ucapkan terima kasih, dan saya harap dapat dilaksanakan. Di samping itu diadakan kajian yang lebih giat lagi supaya diberikan keistimewaan kepada doktor-doktor ini. Sebab kita tahu, kerja doktor ini ialah kerja mengubati orang dan kadang-kadang menempuh berbagai-bagai kecemuhan; pihak doktor terpaksa menempuhinya untuk membaiki orang dan sebagainya.

Dengan sebab itu saya berharap sangat pandangan istimewa kepada doktor-doktor ini patut dikaji dengan mendalam supaya dengan ini doktor ini tidak mudah berhenti daripada menjadi pegawai kerajaan walaupun boleh diambil secara sukarela sebagaimana yang saya katakan tadi. Sebab sukarela ini, waktu dia suka baiklah, waktu dia tidak mahu apa daya kita, tetapi biarlah ada lebih banyak lagi pegawai-pegawai ataupun doktor-doktor yang tertentu.

Berthabit dengan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, bagi kami di Perlis hospital itu besar. Tetapi setakat saya tahu kata Menteri dia

bukan hospital daerah, dia tetap hospital negeri. Tetapi ada setengah pihak menyatakan Hospital Besar Kangar ialah hospital daerah dengan sebab itu apabila seseorang doktor itu hendak naik pangkat ke taraf kepakaran, apabila mahir ataupun bagus sedikit dia terpaksa ditukarkan ke tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, inipun luar daripada pindaan. Tumpukan kepada pindaan ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya. Jadi harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, macam mana yang saya katakan tadi, saya harap sangat-sangatlah tentang apa yang saya katakan akan mendapat perhatian daripada Kementerian yang berkenaan. Dan juga tentang pesakit-pesakit di dalam hospital khususnya menyentuh berhubung dengan peraturan hospital, saya dapati adanya red tape. Bila pergi ke hospital ada terlalu banyak peraturan. Misalnya kalau seorang itu hendak dimasukkan ke dalam hospital disebabkan oleh kemalangan dan kesakitan, kadang-kadang dia berkehendakkan berbagai-bagai surat barulah boleh seseorang itu masuk ke Second Class dan sebagainya. Jadi saya berpendapat, tentang peraturan itu kita tetapkan kepada peraturan, tetapi utamakanlah pesakit itu dulu. Apabila seseorang hamba Allah itu sakit, masukkan dia dulu ke dalam hospital ataupun ke dalam wad barulah cara mendapat surat peribadi dan sebagainya menjadi soal yang kedua.

Saya percaya rakyat biasa pun tahu kalau dia tidak layak untuk masuk di Kelas Dua misalannya, dia tidak minta masuk, dia tentu masuk Wad Kelas Tiga dan sebagainya. Tetapi kalau dia tahu yang dia boleh masuk sebab itu dia hendak masuk Kelas Dua ataupun keluarga dia yang jamin dia boleh masuk. Dengan sebab itulah saya harap cara peraturan yang ketat itu patutlah diketepikan buat sementara waktu. Selepas dimasukkan orang yang sakit itu ke hospital, barulah diambil butir-butir peribadi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi telah berlaku di dalam hospital tentang pemeriksaan orang sakit. Kita tidak nafikan apabila seseorang itu sakit kita hendak bertanya sakit apa dan sebagainya. Tetapi kalau hanya sekadar hendak bertanya sakit apa, sakit di

mana, nampaknya, maaf, Tuan Yang di-Pertua, seperti kata orang di Perlis "cincai" ataupun kata orang di Tanjong "ambil tak lepas", sehingga hamba Allah yang sakit itu kita tidak pegang langsung, seolah-olah kita tidak begitu ambil berat sangat walaupun kita kena bertanya apa yang sakit. Tetapi pemeriksaan yang teliti patutlah diambil kerana dengan jalan ini saya dapati banyak, boleh dikatakan hari ini orang-orang sakit yang agak berkemampuan sedikit dia tidak begitu gemar hendak masuk hospital Kerajaan. Walaupun ada juga, tetapi kalau kita tengok orang-orang berkemampuan tidak masuk ke hospital. Dia lebih suka diperiksa oleh doktor luar dan sebagainya, kerana seolah-olah macam saya katakan tadi, acuh tak acuh, tidak begitu diambil berat.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat-sangatlah dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini sebagaimana saya katakan tadi akan menjadi satu kebaikan khasnya kepada orang-orang sakit bukan sahaja bagi peringkat pusat, di peringkat negara dan juga di peringkat negeri seterusnya kepada peringkat daerah.

Dengan ini saya sokong peruntukan tambahan yang telah diminta oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.00 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Akta Perubatan (Pindaan) 1980 yang baharu sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan. Meskipun saya bukan seorang ahli perubatan tetapi saya menyedari bahawa Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) ini memberikan implikasi yang sungguh berkesan ke atas profesyen perubatan terutama yang berkait dengan penyusunan semula keanggotaan Majlis Perubatan Malaysia sebagaimana yang dikatakan di dalam fasal 2 Rang Undang-undang ini.

Sesungguhnya pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 3 Akta Perubatan 1971 yang menghendaki penyusunan semula keahlian ataupun keanggotaan Majlis Perubatan telah menjadi satu perhatian yang serius kepada

ahli-ahli perubatan professional. Banyak bantahan telah disuarakan oleh ahli-ahli perubatan kepada perubahan keanggotaan Majlis Perubatan yang dicadangkan. Bantahan-bantahan ini adalah berdasarkan kepada faktor bahawa berikutan daripada pindaan Seksyen 3 Akta Perubatan 1971 yang dicadangkan itu, ini akan bermakna secara ringkasnya bahawa kebebasan Majlis Perubatan Malaysia semakin tersekat oleh kerana Majlis ini tidak akan lagi mempunyai perwakilan yang wajarnya ataupun sebenarnya. Ini disebabkan kerana Majlis Perubatan sehingga sekarang dianggotai oleh lebih ramai ahli-ahli yang dipilih daripada ahli-ahli yang dilantik.

Kita dapat memerhatikan dari Akta Perubatan 1971, kita dapat mengetahui bahawa pada masa ini Majlis adalah mengandungi 21 orang ahli yang mana 12 orang ahli adalah dipilih daripada ahli Perubatan Professional dan 9 orang pula dilantik oleh pihak Kerajaan. Tetapi dengan pindaan yang dicadangkan ini bermakna bahawa jumlah bilangan ahli-ahli Majlis ini akan bertambah daripada 21 kepada 24 dengan 13 daripadanya dilantik dan 11 pula dipilih. Tuan Yang di-Pertua, ini membawa kepada kebimbangan dan rasa ketakutan para ahli-ahli perubatan bahawa ahli-ahli yang dilantik oleh Kerajaan akan menguasai Majlis Perubatan dan tidak daripada mereka yang sebenarnya dipilih daripada ahli-ahli Perubatan Profesional. Pengamal-pengamal perubatan di negara ini merasa bahawa polisi-polisi Majlis Perubatan yang menguruskan profesion perubatan dan tatasusilanya mestilah ditentukan oleh ahli-ahli perubatan yang dipilih sepenuhnya daripada ahli-ahli yang berkenaan. Bagaimanapun, dengan pindaan ini akan hanya bermakna bahawa ahli-ahli perubatan tidak lagi berupaya memainkan peranannya oleh kerana ahli-ahli yang dipilih ini untuk menyuarakan hal profesional perubatan adalah kecil jika dibandingkan dengan jumlah yang dilantik. Lebih-lebih lagi ini juga menunjukkan bahawa Kerajaan sekarang mengawal perjalanan Majlis Perubatan dan kebebasannya telah digugat. Dalam pada itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada Persatuan Perubatan Malaysia pernah dihubungi mengenai pindaan yang penting ini, jika tidak mengapa tidak dirundingkan. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mengekalkan kebebasan Majlis Perubatan, saya

suka mencadangkan bahawa bilangan pengamal-pengamal perubatan berdaftar yang dipilih haruslah ditambah untuk menjadikan sama sepertimana yang dibuat pada masa-masa yang sudah.

Berkaitan dengan Fasal 3 Rang Undang-undang ini yang menghendaki ditubuhkan satu Lembaga Kelayakan Perubatan, saya ingin meminta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan tentang fungsi sebenar Lembaga ini dan mengapa ia perlu ditubuhkan.

Fasal 4 Rang Undang-undang ini dikehendaki supaya disediakan perlindungan Undang-undang untuk pengamal-pengamal perubatan bukan Kerajaan yang bersukarela ataupun yang hendak memberikan perkhidmatan mereka dalam institusi-institusi Kerajaan. Pindaan ini memperlihatkan ialah satu tindak balas kepada kenyataan oleh Persatuan Perubatan Malaysia pada satu masa dahulu bahawa sekumpulan pakar-pakar perubatan persendirian ada sedia untuk berkhidmat di dalam institusi Kerajaan di Pulau Pinang. Meskipun saya mengalu-alukan pindaan yang ditentukan ini, saya mesti menyatakan di sini bahawa saya menganggap ini sebagai satu langkah jangka pendek untuk menyelesaikan masalah perkhidmatan perubatan kita terutama mengenai masalah apa yang dipanggil medical brain-drain ataupun pelarian cerdik pandai. Di samping memeransangkan pihak pakar swasta untuk memberikan perkhidmatan sukarela mereka di dalam institusi Kerajaan, saya rasa bahawa pihak Kerajaan pula janganlah lupa tanggungjawab jangka panjang mereka kepada negara dan rakyat dengan meneliti tidak sahaja latihan pakar-pakar yang cukup untuk perkhidmatan perubatan awam, tetapi juga yang lebih penting ialah mencari jalan dan langkah bagi menjadikan pakar ini tetap tinggal dalam perkhidmatan Kerajaan. Bagi membolehkan pakar Kerajaan tetap tinggal dalam perkhidmatan Kerajaan syarat-syarat berikut haruslah diambil:

- (1) Mewujudkan satu struktur gaji yang lebih menarik.
- (2) Prospect kenaikan pangkat untuk semua pegawai perubatan.

(3) Syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik seperti:

- (i) Menyediakan lebih banyak dan secara lebih mudah biasiswa-biasiswa kursus lanjutan post-graduate untuk pegawai-pegawai perubatan yang memerlukannya.
- (ii) Pegawai-pegawai yang bertugas haruslah diberi lebih banyak peluang melanjutkan pelajaran kursus-kursus lanjutan seperti menghadiri sidang perubatan di seberang laut.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Jawatankuasa Gaji Kabinet yang telah menyetujui, antara lain, mengkaji semula skim gaji doktor-doktor, pakar pembedahan gigi dan lain-lain di samping kajian semula prospect kenaikan pangkat pegawai perubatan.

Saya ingin menggesa pihak Kerajaan supaya melaksana dan menyiapkan dengan segera kajian semula supaya satu penyelesaian muktamad boleh dicari untuk membendung pelarian cerdik pandai di negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ayer Hitam.

6.10 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong pindaan Akta Perubatan 1971. Di sini juga saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kementerian yang selalu mengambil langkah untuk melicinkan (streamline) professional service dalam negara kita dan saya percaya dan penuh yakin undang-undang ini adalah salah satu langkah yang mana kita boleh mencapai kesan itu.

Di sini, Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah juga atas tindakan iaitu menubuh sebuah lembaga untuk mengambil alih tanggungjawab Universiti Malaya dalam menyeliakan kebolehan pengalaman praktikel oleh pengamal perubatan berdaftar sementara. Ini adalah satu langkah yang realistik oleh kerana universiti seperti Universiti Malaya adalah satu badan akademik dan saya fikir dalam perkara menyeliakan kebolehan pengalaman praktikel doktor ini adalah perkara

praktikel, bukan akademik dan dengan cara yang sama itu saya fikir kalau boleh dalam semua perkara praktikel dalam satu universiti yang belum dapat kelulusan patutlah di-rundingkan dengan pihak Kementerian, khususnya kepada Yang Berhormat Menteri dan juga termasuk Persatuan Perubatan Malaysia dan juga Colleges of Post Medical Training seperti Colleges of Medicine and Surgery Malaysia. Apa sebab saya menyebutkan perkara ini ialah kerana saya telah diberitahu bahawa Universiti Kebangsaan akan menambah pelajar perubatan universiti itu daripada first batch of graduates dalam tahun lepas bilangannya 30 orang kepada satu bilangan yang besar dalam tempoh 5 tahun, iaitu sebanyak 170 lebih. Memanglah bilangan ini adalah baik untuk negara kita bahawa kita sekarang sentiasa menghadapi kekurangan doktor-doktor tetapi saya sebagai doktor saya fikir sebuah negara yang sedang membangun patutlah tidak melupakan bahawa kita tidak patut mengorbankan quality untuk quantity.

Saya tahu oleh kerana setengah-setengah kawan saya sendiri, rakan-rakan saya di universiti yang ada jadi pensyarah dalam universiti yang tersebut mengatakan kebanyakan fakulti-fakulti yang dalam Universiti Kebangsaan adalah "one-man faculty" bahawa fakulti-fakulti tersebut adalah seorang professor atau seorang associate professor atau kadang-kadang sahaja dalam satu fakulti ada 3 orang associate professor dan satu senior assistant. Saya percaya dengan bilangan yang kecil dalam fakulti ini seperti Faculty Orthopaedic, Anaesthetic atau Micro Biology manakah kita boleh melatih doktor-doktor yang bermutu? Dan juga dalam latihan wad (ward training) adalah perlu sangat ratio di antara guru-guru (teacher) dengan pelajar-pelajar. Kalau ada berkesan ialah seorang guru atau professor atau consultant dengan kumpulan pelajar-pelajar yang kecil tidak lebih daripada 10 atau 15. Kalau dengan ratio yang ada di dalam Universiti Kebangsaan kalau kita menambah pelajar-pelajar ke 150 lebih bermakna mungkin seorang professor atau guru dengan 100 orang lebih pelajar-pelajar dalam satu-satu wad. Fikirkan kita sendiri sebagai pesakit dalam wad itu. Sukakah kita di mana doktor-doktor muda menyentuh perut kita dalam satu jam 100 kali lebih?

Kalau dalam latihan kita tidak dapat kerjasama daripada pesakit-pesakit kita memang tidak boleh belajar dengan ber-sungguh-sungguh kerana practical training khususnya daripada segi perubatan adalah datang dari pesakit-pesakit, bukan daripada buku-buku yang tebal kerana history taking, persefahaman di antara doktor dan patient adalah datang daripada pesakit-pesakit, bukan daripada buku atau professor. Kerana itu saya bimbang kalau Universiti Kebangsaan menambahkan kebanyakan doktor-doktor muda itu saya fikir mutu training khususnya akan jatuh. Dan juga kalau tak silap saya, saya juga dengar Universiti Kebangsaan mungkin mengeluarkan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini luar sedikit daripada pindaan ini. Cuba tujukan kepada pindaan. Kita tidak membahaskan Akta ibu tetapi membahaskan pindaan kepada Akta ibu, jadi tumpukan perbahasan kepada pindaan ini.

Dr Hee Tien Lai: Ini adalah berkaitan oleh kerana ini semua mengenai

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham semuanya ada berkait, sebut apa sahaja pesakit, apa pun penyakit berkait dengan Akta ini tetapi ini kita buat pindaan. Saya benarkan juga semua yang ada bercakap tadi saya benarkan sedikit terkeluar tak apa tetapi jangan keluar sangat. Teruskan!

Dr Hee Tien Lai: Baiklah, terima kasih, Tuan Speaker.

Lagi satu perkara ialah mengenai promotion. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian dalam perkara ini oleh kerana kita tahu doktor-doktor terus selepas graduation dalam tempoh satu tahun dia boleh dapat Part I Post Graduate Diploma MRCP, dalam tempoh lagi dua tahun dia jadi MRCP (Member of the Royal College of Physicians). Apabila dia balik terus ke negara kita dia sudah jadi seorang consultant. Yang sebenarnya dia adalah seorang yang hanya lulus atas kertas sahaja macam mana boleh dia dapat balik ke universiti dalam tempoh 1-2 tahun dia sudah boleh jadi associate professor.

Saya telah ditanya dalam lawatan saya ke Australia daripada seorang International Consultant di Australia, dia bertanya, dalam

Malaysia, negara awak, seorang muda tidak sampai 28 tahun boleh jadi associate profesorkah? Yang sebenarnya saya tak tahu nama siapa yang dia sebut tetapi dalam prinsipnya saya fikir patutlah seorang professor sebelum dia memegang jawatan itu sekurang-kurangnya dapat latihan dan pengalaman yang boleh dipercayai oleh Kolej yang direcognised.

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.19 ptg.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada tiga Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu dari Kangar, Kuala Lumpur Bandar dan Ayer Hitam yang telah memberi pandangan mengenai Akta Perubatan ini.

Saya telah cuba memahami apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar dengan perkataan "badan perubatan negeri, badan perubatan daerah". Sebenarnya beliau juga telah menyatakan kalau dapat sertakan Wakil Rakyat dalam badan perubatan negeri ini. Apa yang kita bicarakan di sini ialah masalah medical council, iaitu satu professional body yang terdiri daripada doktor-doktor perubatan. Jikalau maksud Yang Berhormat hendak meminta supaya Wakil Rakyat juga masuk dalam badan itu susahlah sedikit sebab ini masalah perubatan. Jikalau Yang Berhormat bermaksud supaya Wakil-wakil Rakyat dimasukkan dalam jawatankuasa di kampung-kampung, di daerah, di negeri-negeri untuk menganggotai jawatankuasa seperti itu dalam menggalakkan masyarakat ataupun rakyat menerima perkhidmatan perubatan ini memang digalakkan bahkan adalah merupakan satu konsep kita, iaitu concept primary house care melibatkan masyarakat di dalam masalah perkhidmatan kesihatan.

Beliau juga telah menyentuh tentang red-tape di hospital-hospital dan susah hendak masuk kalau seseorang itu hendak minta Second Class mesti menghendaki surat daripada sana ke mari, beliau mencadangkan supaya pemeriksaan dibuat dahulu sebelumnya kita menolak permohonan seseorang itu masuk ke Kelas Satu, Kelas Dua atau Kelas apa jua pun.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berlaku akibat daripada pengalaman yang tidak baik yang dialami oleh Kementerian Kesihatan di mana Kementerian ini telah disoalkan oleh terutama sekali pihak Auditor-General kerana mempunyai bad debts yang begitu banyak, berjuta-juta ringgit akibat daripada pesakit-pesakit yang tidak membayar kepada pihak Kementerian Kesihatan. Mereka masuk mengatakan kami ini daripada syarikat-syarikat sekian ataupun sekian-sekian, apabila tiba masanya untuk pembayaran mereka tidak dapat membayar. Jadi, oleh itu peraturan telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan supaya apabila seseorang itu masuk ke dalam hospital ianya dikehendaki membayar cengkram sungguhpun perkara ini adalah flexible. Saya rasa perlu bagi saya memberi penjelasan dalam masalah ini supaya jangan ada kekeliruan daripada pihak-pihak tertentu mengenai tujuan pihak Kementerian meminta supaya orang membayar cengkram ataupun mendapat surat pengakuan daripada pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah mengemukakan beberapa cadangan dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pandangan beliau. Beliau telah membayangkan satu keraguan mengenai penyusunan keanggotaan Majlis Perubatan Malaysia ini terutama sekali nampaknya ada bantahan menurut beliau, daripada beberapa orang ahli-ahli Persatuan Perubatan Malaysia ini kerana dengan adanya pindaan ini bilangan mereka yang dilantik (appointed) adalah melebihi mereka yang dipilih. Tuan Yang di-Pertua, beliau juga mengatakan mereka berasa bimbang dan ketakutan kerana mungkin mereka tidak berupaya memainkan peranan mereka yang sepatutnya dan juga beliau menyatakan pihak Kerajaan akan mengawal kebebasan dan juga kepentingan ahli-ahli ini mungkin tergugat.

Tuan Yang di-Pertua, mula-mula patutlah saya menyatakan bahawa bukanlah menjadi hasrat, menjadi objektif pihak Kerajaan untuk menggugat kedudukan mereka ini. Mereka mempunyai kebebasan untuk memberi pandangan ataupun apa-apa juga keputusan. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada ahli-ahli lembaga ini, kalau kita hitung bahawa tiap-tiap ahli itu—mungkin semua daripada ahli itu ahli Persatuan Perubatan Malaysia (member of the Malaysian

Medical Association). Jadi, di bahagian pihak yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri pun merupakan ahli daripada Malaysian Medical Association ini. Saya rasa tidak ada sebab mengapa mereka patut berasa bimbang atas masalah ini. Saya rasa perkara ini tidak timbul sekali, bukanlah menjadi hasrat kita hendak mengontrolkan kebebasan mereka. Tetapi yang penting ialah Kementerian Kesihatan dipertanggungjawabkan oleh rakyat, oleh Kerajaan menjaga perkhidmatan kesihatan dan mutu perkhidmatan kesihatan; bertanggungjawab kepada rakyat, kepada Parlimen, kepada negara ini tentang mutu perkhidmatan, tentang standard of practice oleh doktor-doktor kita begitu juga tentang dasar-dasar.

Bagi pihak Kementerian Kesihatan suka saya menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, adalah tidak mandatory, it is not compulsory bagi pihak Kerajaan meminta pandangan ataupun to consult the Medical Council jikalau ianya hendak membentuk satu-satu dasar tetapi secara courtesy kita meminta ataupun memberitahu mereka atas perkara-perkara yang kita hendak buat.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, sunguhpun kita tidak membuat consultation seperti itu, kita juga mesti memahami bahawa Pengerusi Majlis Perubatan Malaysia (Chairman of the Malaysian Medical Council) adalah Ketua Pengarah Perubatan. Jadi bermakna kita mesti menganggap bahawa Majlis Perubatan Malaysia tahu apa yang hendak kita buat iaitu dengan cara indirect menerusi Ketua Pengarah Perubatan kita.

Ahli Yang Berhormat juga telah menanya tentang fungsi yang sebenarnya Lembaga yang saya sebut tadi iaitu Medical Qualifying Board dan mengapa ianya ditubuh. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam huraian yang ada di dalam Rang Undang-undang ini telah jelas mengatakan tujuan kita menubuhkan Lembaga ini kerana seperti mana dikatakan dalam huraian dan penjelasan dalam ucapan saya tadi iaitu pada masa ini the supervision of housemen adalah di bawah

jagaan University of Malaya. Dengan bertambahnya bilangan Fakulti-fakulti Perubatan dari Universiti tempatan daripada satu kepada tiga, maka adalah baik didapati lebih wajar supaya satu Lembaga ditubuhkan untuk mengatasi housemanship ini.

Mengenai tindakbalas kalau tidak salah saya tadi daripada perkara-perkara yang disuarakan oleh pakar-pakar di Pulau Pinang dan sebab itulah kita telah mengambil langkah untuk memberi perlindungan guaman kepada doktor-doktor ataupun pakar-pakar yang bekerja dengan sukarela, sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi, sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab kita tidak react atas satu-satu action yang dibuat orang lain. Kita mempunyai rancangan-rancangan tertentu. Sebenarnya belum lagi pihak pakar-pakar di Pulau Pinang seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu menyuarakan masalah ini, memang ada cadangan daripada pihak Kementerian kita untuk memikir supaya mereka ini yang berkhidmat secara sukarela dan bukan pegawai Kerajaan diberi serba sedikit perlindungan.

Dalam tahun 1973, Tuan Yang di-Pertua, kalangan ahli-ahli Society of Ophthalmology, pakar-pakar mata, telah membuat perkhidmatan sukarela bagi menolong mereka yang mengidap penyakit cataract. Pada masa itu kita juga sudah berfikir bahawa patut ataupun tidak kita mengadakan bantuan guaman jika sekiranya mereka itu kena saman ataupun menghadapi litigation.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat atas pandangan supaya kita memberi perhatian dan mencari jalan supaya dapat memperkekalkan lagi pakar-pakar kita di dalam Perkhidmatan Kerajaan. Ini memang sentiasa

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menyambung lagi esok.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Khamis, 27hb Mac, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.